



**APPGM-SDG**  
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020

# Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

**Wilayah Sabah**

**P.189 Semporna**

Laporan Disediakan Oleh: Mc Jeanet Lempisik @ Marx,  
Nor Amirul Pukin, Nurul Fazlina Osman, Fatimah Mohd Yasin,  
Prof. Madya Dr. Ramli, Jamal Gabir, Mohd Yusri Wahid



# Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.189 Semporna

Disediakan oleh:

Mc Jeanet Lempisik @ Marx


Nor Amirul Pukin

Nurrul Fazlina Osman, Fatimah Mohd Yasin

Prof. Madya Dr. Ramli

Jamal Gabir

Mohd Yusri Wahid



|                   |          |
|-------------------|----------|
| <b>KATA ALUAN</b> | <b>I</b> |
|-------------------|----------|

|                       |            |
|-----------------------|------------|
| <b>KATA PENGANTAR</b> | <b>III</b> |
|-----------------------|------------|

|                   |          |
|-------------------|----------|
| <b>PENGENALAN</b> | <b>V</b> |
|-------------------|----------|

## **BAHAGIAN A**

|                                     |               |
|-------------------------------------|---------------|
| <b>LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU</b> | <b>1 - 14</b> |
|-------------------------------------|---------------|

## **BAHAGIAN B**

|                       |                |
|-----------------------|----------------|
| <b>1.0 PENGENALAN</b> | <b>18 - 24</b> |
|-----------------------|----------------|

|                        |    |
|------------------------|----|
| 1.1 Geografi/Topografi | 18 |
|------------------------|----|

|                        |    |
|------------------------|----|
| 1.2 Komposisi Penduduk | 19 |
|------------------------|----|

|                            |    |
|----------------------------|----|
| 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama | 20 |
|----------------------------|----|

|                                                           |    |
|-----------------------------------------------------------|----|
| 1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan | 21 |
|-----------------------------------------------------------|----|

|                                    |                |
|------------------------------------|----------------|
| <b>2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN</b> | <b>25 - 35</b> |
|------------------------------------|----------------|

|                       |    |
|-----------------------|----|
| 2.1 Pendekatan Kajian | 25 |
|-----------------------|----|

|                                          |    |
|------------------------------------------|----|
| 2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan | 30 |
|------------------------------------------|----|

|                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| 2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan | 31 |
|--------------------------------------|----|

|                         |    |
|-------------------------|----|
| 2.4 Keterbatasan Kajian | 33 |
|-------------------------|----|

|                                     |                |
|-------------------------------------|----------------|
| <b>3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG</b> | <b>34 - 51</b> |
|-------------------------------------|----------------|

|                                              |                 |
|----------------------------------------------|-----------------|
| <b>4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU</b> | <b>52 - 148</b> |
|----------------------------------------------|-----------------|

|                                     |    |
|-------------------------------------|----|
| 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu | 52 |
|-------------------------------------|----|

|                     |     |
|---------------------|-----|
| 4.2 Pengutamaan Isu | 137 |
|---------------------|-----|

|                                                     |            |
|-----------------------------------------------------|------------|
| <b>5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN</b> | <b>149</b> |
|-----------------------------------------------------|------------|

|                    |            |
|--------------------|------------|
| <b>6.0 RUJUKAN</b> | <b>153</b> |
|--------------------|------------|

# P.189 SEMPORNA

# KATA ALUAN

**YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BANDY**

*Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;*

*Ahli Parlimen Kalabakan (P.191)*



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Dengan penuh rasa syukur, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen – Wilayah Sabah 2025*. Usaha pemetaan ini bukan sekadar himpunan data; ia menzahirkan iltizam kita untuk benar-benar mendengar suara komuniti dari pesisir hingga pedalaman, dari bandar ke kampung dan menterjemahkannya menjadi tindakan.

Sabah memiliki kekuatan yang istimewa dengan kepelbagaian etnik dan budaya yang harmoni, khazanah alam semula jadi yang luas, serta potensi ekonomi yang merentasi perikanan, pertanian, pelancongan, tenaga boleh baharu dan sumber semula jadi. Pada masa yang sama, kita berdepan pelbagai isu dan cabaran struktural yang memerlukan perhatian konsisten. Laporan ini mengangkat cabaran tersebut dengan telus, dan yang lebih penting, mengemukakannya sebagai agenda kerja yang boleh dilaksanakan.

Pendekatan libat urus komuniti yang digerakkan telah memperkukuhkan prinsip bahawa isu ditentukan oleh komuniti, keutamaan dipilih secara telus, dan cadangan diikat dengan peranan pelaksana yang jelas. Melalui kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), kita menempatkan realiti tempatan sebagai pandu arah yang meletakkan SDG sebagai kompas, bukan beban birokrasi. Peningkatan kualiti prasarana dan perhubungan yang menyokong ekonomi wilayah (SDG 9), pengukuhan kesejahteraan penempatan bandar dan luar bandar yang menambah daya tahan komuniti (SDG 11), pemerkasaan pekerjaan dan keusahawanan yang memanjangkan nilai dalam rantai ekonomi setempat (SDG 8), serta tadbir urus sumber air, pesisir dan hutan yang menjamin kesinambungan modal

semula jadi Sabah (SDG 13, 14 dan 15) dan semuanya digarap sebagai hala tuju yang praktikal.

Lebih daripada sebuah laporan, dokumen ini berfungsi sebagai kompas pelaksanaan: menetapkan sasaran hasil yang nyata, menyelaraskan peranan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bersama pihak berkuasa tempatan, memperincikan keperluan kapasiti agensi pelaksana, serta memperluas ruang penglibatan komuniti dan rakan masyarakat sivil dalam pemantauan. Kejayaan kita tidak akan diukur pada bilangan halaman, tetapi pada air paip yang mengalir ke rumah yang memerlukan, jalan penghubung yang siap dan selamat, lesen perniagaan yang diluluskan secara telus dan cepat, serta peluang ekonomi yang terhasil di kampung dan pekan.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan yang setulus-tulusnya kepada Sekretariat APPGM-SDG, para Pengarah, Ahli-ahli Parlimen di Sabah, kerajaan Wilayah dan Persekutuan serta agensi-agensinya, pihak berkuasa tempatan, rakan sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil, serta seluruh komuniti yang menjadi nadi pemetaan ini. Semoga penerbitan ini menjadi asas yang kukuh untuk kita melangkah lebih jauh serta menjadikan Wilayah Sabah sebagai model pembangunan yang maju, makmur, dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy**

*Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG*

# KATA PENGANTAR

---

**JAMES RYAN RAJ**

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,  
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid “Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen”. Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

| JILID              | ZON/WILAYAH      | JUMLAH KAWASAN PARLIMEN | PENYELIDIK |
|--------------------|------------------|-------------------------|------------|
| Jilid 1            | Zon Utara        | 9                       | 5          |
| Jilid 2            | Zon Pantai Timur | 4                       | 2          |
| Jilid 3            | Zon Tengah       | 3                       | 3          |
| Jilid 4            | Zon Selatan      | 6                       | 4          |
| Jilid 5            | Wilayah Sabah    | 4                       | 2          |
| Jilid 6            | Wilayah Sarawak  | 2                       | 2          |
| JUMLAH KESELURUHAN |                  | 28                      |            |

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

### Penghargaan

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENGENALAN


**MC JEANET LEMPISIK @ MARX**

*Pemangku Ketua Wilayah Sabah, APPGM-SDG*



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1 : 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalan awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai

langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program perlaksanaan yang realistik dan terukur.

## **PEMETAAN ISU DI WILAYAH SABAH**

Wilayah Sabah yang terdiri daripada Parlimen Tuaran, Putatan, Semporna dan Labuan memperlihatkan kepelbagaian demografi, sosioekonomi dan geografi yang menggambarkan corak pembangunan tidak sekata antara Sabah dan Wilayah Persekutuan. Tuaran menonjol dengan komposisi masyarakat Kadazandusun dan Bajau serta kekuatan dalam pelancongan budaya dan agro, disokong oleh tanah subur dan pesisir pantai yang produktif untuk pertanian serta perikanan. Putatan, sebagai daerah pesisir berhampiran Kota Kinabalu, berkembang pesat dengan ciri separa bandar dan menjadi tumpuan perdagangan kecil serta perkhidmatan, meskipun terdedah kepada tekanan urbanisasi. Semporna, bermajoriti Bajau Laut dan Suluk, mempunyai keunikan tersendiri melalui tarikan maritim seperti Taman Marin Tun Sakaran dan Pulau Sipadan, namun terus berdepan cabaran kemiskinan, kekangan akses pendidikan dan isu dokumentasi penduduk. Labuan, sebagai Wilayah Persekutuan dan pusat kewangan luar pesisir, menampilkan komuniti kosmopolitan dengan ekonomi teras dalam minyak dan gas, logistik, perdagangan serta pelancongan. Di sebalik kelebihan tersendiri, kawasan-kawasan ini berkongsi corak isu rentas komuniti yang melibatkan keterhadapan infrastruktur asas, ketidakseimbangan peluang ekonomi, cabaran penyertaan belia dan wanita dalam pasaran kerja, serta tekanan ekologi akibat pembangunan pesisir dan ekonomi berasaskan sumber.

Salah satu isu yang paling menonjol ialah pengurusan sisa pepejal, yang jelas berkait rapat dengan kedudukan geografi pesisir, pertumbuhan penduduk, serta aktiviti pelancongan dan ekonomi berintensifkan sumber. Di Tuaran, pertambahan hasil sisa berpunca daripada pembangunan pelancongan dan pertanian yang kurang disokong sistem pengasingan dan kitar semula. Putatan pula berdepan lambakan sampah akibat kepadatan penduduk dan pembangunan komersial yang pesat. Di Semporna, pencemaran pesisir dan laut menjejaskan ekosistem marin serta reputasi pelancongan, manakala Labuan bergelut dengan kapasiti tapak pelupusan yang terhad serta pencemaran plastik marin, walaupun statusnya sebagai pusat perdagangan dan pelancongan antarabangsa. Corak sepunya ini mencerminkan kelemahan infrastruktur pengurusan sisa yang tidak seiring dengan kadar penghasilan sampah, sekali gus meletakkan tekanan tambahan kepada komuniti pesisir dan pulau. Hal ini menuntut pendekatan rentas daerah untuk membina sistem pengurusan sisa yang lebih mampan, inovatif, dan inklusif.

Selain itu, isu kebajikan dan penuaan penduduk semakin signifikan merentasi keempat-empat kawasan. Peningkatan populasi warga emas tanpa sokongan komuniti dan fasiliti penjagaan yang mencukupi bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan golongan tersebut tetapi turut membebankan keluarga berpendapatan rendah. Dari segi ekonomi, keterbatasan penglibatan warga emas dalam pasaran kerja menyumbang kepada penurunan produktiviti, sementara kos penjagaan terus meningkat tanpa sistem sokongan sosial yang kukuh. Implikasi terhadap alam sekitar muncul apabila tenaga kerja muda yang semakin berkurangan tidak mampu menampung keperluan sektor asas seperti pertanian, perikanan, dan pengurusan sumber, sekali gus melemahkan daya tahan ekosistem. Dari perspektif tadbir urus, cabaran ini menuntut dasar lebih inklusif yang menekankan kebajikan, kesihatan, akses perkhidmatan, dan infrastruktur mesra warga emas. Oleh itu, intervensi jangka pendek dan sederhana perlu dipandu kepada pengukuhan pusat komuniti warga emas, penyediaan latihan penjaga (*caregiver*), skim sokongan keluarga, serta penglibatan warga emas dalam aktiviti sosial dan ekonomi ringan, bagi memastikan golongan ini terus menyumbang secara bermakna kepada kesejahteraan dan ketahanan komuniti.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN               | KOD  | AHLI PARLIMEN                              | PARTI      | AGENSI-AGENSI<br>BERKAITAN                      | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|------------------------|------|--------------------------------------------|------------|-------------------------------------------------|----------------------------------|
| 1    | Tengah          | Sabak Bernam           | P092 | YB Tuan Kalam bin Salan                    | PN-BERSATU | Pejabat Daerah<br>& Tanah (PDT)<br>Sabak Bernam | Nur Syadhira<br>Mohd Razali      |
| 2    | Tengah          | Hulu Selangor          | P094 | YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin<br>Harun    | PN-PAS     | PDT Hulu<br>Selangor                            | Nuha Mysara<br>Mohd Hisam        |
| 3    | Tengah          | Seputeh                | P121 | YB Puan Teresa Kok Suh Sim                 | PH-DAP     | Dewan<br>Bandaraya Kuala<br>Lumpur (DBKL)       | Nurul Syaza<br>Mazelan           |
| 4    | Utara           | Padang Terap           | P007 | YB Tuan Nurul Amin bin Hamid               | PN-PAS     | PDT Padang<br>Terap                             | Nurul Syaza<br>Mazelan           |
| 5    | Utara           | Kuala Kedah            | P010 | YB Dr. Ahmad Fakhruddin                    | PN-PAS     | PDT Kota Setar                                  | Dr Thanaraj<br>Murudi            |
| 6    | Utara           | Balik Pulau            | P053 | YB Dato' Muhammad Bakhtiar<br>bin Wan Chik | PH-PKR     | PDT Barat Daya                                  | Siti Noraiysah<br>Rohim          |
| 7    | Utara           | Larut                  | P059 | YB Dato' Seri Hamzah bin<br>Zainudin       | PN-BERSATU | PDT Selama                                      | Dr Thanaraj<br>Murudi            |
| 8    | Utara           | Kulim-Bandar<br>Baharu | P018 | YB Tuan Roslan bin Hashim                  | PN-BERSATU | PDT Kulim & PDT<br>Bandar Baharu                | Dr Thanaraj<br>Murudi            |
| 9    | Utara           | Padang Rengas          | P060 | YB Kapten Azahari bin Hasan                | PN-BERSATU | PDT Kuala<br>Kangsar                            | Dr Teo Lee Ken                   |

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN    | KOD  | AHLI PARLIMEN                                  | PARTI      | AGENSI-AGENSI<br>BERKAITAN | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|-------------|------|------------------------------------------------|------------|----------------------------|----------------------------------|
| 10   | Utara           | Gopeng      | P064 | YB Tuan Tan Kar Hing                           | PH-PKR     | PDT Kampar                 | Lydia Ann Anak Bill              |
| 11   | Utara           | Lumut       | P073 | YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail        | PN-BERSATU | PDT Manjung                | Dr Thanaraj Murudi               |
| 12   | Utara           | Teluk Intan | P076 | YB Tuan Nga Kor Ming                           | PH-DAP     | PDT Hilir Perak            | Nurul Syaza Mazelan              |
| 13   | Selatan         | Jempol      | P126 | Dato' Haji Shamsulhakar Bin Haji Mohd Deli     | BN-UMNO    | PDT Jempol                 | Tariq Ziad bin Abdul Razak       |
| 14   | Selatan         | Jasin       | P139 | YB Tuan Zulkifli bin Ismail                    | PN-PAS     | PDT Jasin                  | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim        |
| 15   | Selatan         | Segamat     | P140 | YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj                 | PH-PKR     | PDT Segamat                | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim        |
| 16   | Selatan         | Sri Gading  | P149 | YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan             | PH-AMANAHA | PDT Batu Pahat             | Dr Teo Lee Ken                   |
| 17   | Selatan         | Batu Pahat  | P150 | YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar                 | PH-PKR     | PDT Batu Pahat             | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim        |
| 18   | Selatan         | Pulai       | P161 | YB Tuan Suhaizan bin Kaiat                     | PH-AMANAHA | Pejabat Daerah Johor Bahru | Siti Noraiysah Rohim             |
| 19   | Timur           | Maran       | P089 | YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib | PN-PAS     | PDT Maran                  | Siti Noraiysah Rohim             |

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN    | KOD  | AHLI PARLIMEN                                     | PARTI   | AGENCI-AGENCI<br>BERKAITAN                            | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|-------------|------|---------------------------------------------------|---------|-------------------------------------------------------|----------------------------------|
| 20   | Timur           | Kota Bharu  | P020 | YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan               | PN-PAS  | Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu              | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin       |
| 21   | Timur           | Pasir Puteh | P023 | YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh       | PN-PAS  | PTJ Pasir Puteh                                       | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin       |
| 22   | Timur           | Besut       | P033 | YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh           | PN-PAS  | PDT Besut                                             | Siti Noraiysah Rohim             |
| 23   | Sabah           | Tuaran      | P170 | YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau          | PH-UPKO | Pejabat Daerah Tuaran                                 | Mc Jeanet Lempisik @ Marx        |
| 24   | Sabah           | Putatan     | P173 | YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya                  | BN-UMNO | Pejabat Daerah Putatan                                | Mc Jeanet Lempisik @ Marx        |
| 25   | Sabah           | Semporna    | P189 | YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal | WARISAN | Pejabat Daerah Semporna                               | Puan Fatimah Binti Mohd Yasin    |
| 26   | Sabah           | Labuan      | P166 | Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman             | BEBAS   | Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)                | Puan Fatimah Binti Mohd Yasin    |
| 27   | Sarawak         | Stampin     | P196 | YB Tuan Chong Chieng Jen                          | PH-DAP  | Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran | Raine Melissa Riman              |

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN   | KOD  | AHLI PARLIMEN                  | PARTI   | AGENSI-AGENSI<br>BERKAITAN   | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|------------|------|--------------------------------|---------|------------------------------|----------------------------------|
|      |                 |            |      |                                |         | Kuching Selatan<br>(MBKS)    |                                  |
| 28   | Sarawak         | Lubok Antu | P203 | YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi | GPS-PRS | Pejabat Daerah<br>Lubok Antu | Raine Melissa<br>Riman           |

# **BAHAGIAN A**

## **Laporan Lawatan Pemetaan Isu P.189 Semporna**

# DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN SEMPORNA,  
YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE APDAL



## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

7 Feb – 11 Feb 2025  
(Jumaat – Selasa)

### HARI 1

1. FGD 1 : Komuniti Kg. Gading-Gading
2. FGD 2: Komuniti Kg. Lihak-Lihak

### HARI 3

7. FGD 6: Komuniti Kg. Pababag
8. FGD 7: Komuniti Kg. Tandoan
9. FGD 8: Komuniti Kg. Selakan
10. FGD 9: Komuniti Kg. Aman Jaya
11. Lawatan Tapak 3: Pulau Omadal

### HARI 2

3. FGD 3: Komuniti Kg. Mentelitip
4. FGD 4: Komuniti Kg. Tampi-Tampi Timbayan
5. FGD 5: Komuniti Kg. Bangau-bangau
6. Lawatan Tapak 1 & 2 - Kg. Tampi-tampi & Sungai Tuhok

### HARI 4

12. FGD 10: Komuniti Kg. Sisipan
13. FGD 11: Komuniti Kg. Kabimbangan
14. FGD 12: Komuniti Kg. Tabak-tabak
15. FGD 13: Komuniti Kg. Berjasa
16. Lawatan tapak 4: SK Pulau Bum Bum

### HARI 5

17. FGD 14: Komuniti NGO
18. Lawatan Tapak 5: Kg. Simunul

## PASUKAN PENYELIDIK



**FATIMAH MOHD YASIN**  
*(Ketua Penyelidik)*



**NURRUL FAZLINA OSMAN**



**NOR AMIRUL BIN PUKIN**



**ASSOC. ASSOC. DR.  
RAMLI DOLLAH**



**JAMAL BIN GABIR**



**YUSRI BIN WAHID**

# LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 7-11 FEB 2025 (JUMAAT - AHAD)



**10 Januari 2025**  
Mesyuarat Awal



**18 Januari 2025**  
Mesyuarat Pemprofilan



**28 Januari 2025**  
Mesyuarat Pra-lawatan



**8 Februari 2025**  
FGD 3: Komuniti Kg. Mentelip



**7 Februari 2025**  
FGD 2: Komuniti Kg. Lihak-Lihak



**7 Februari 2025**  
FGD 1: Komuniti Kg. Gading-Gading



**8 Februari 2025**  
FGD 4: Komuniti Kg. Tampi-Tampi  
Timbayan



**8 Februari 2025**  
FGD 5: Komuniti Kg. Bangau-bangau



**8 Februari 2025**  
Lawatan Tapak 1 & 2 - Kg. Tampi-tampi &  
Sungai Tuhok



**9 Februari 2025**  
FGD 8: Komuniti Kg. Selakan



**9 Februari 2025**  
FGD 7: Komuniti Kg. Tandoan



**9 Februari 2025**  
FGD 6: Komuniti Kg. Pababag

13



**9 Februari 2025**  
FGD 9: Komuniti Kg. Aman Jaya

14



**9 Februari 2025**  
Lawatan Tapak 3: Pulau Omdal

15



**10 Februari 2025**  
FGD 10: Komuniti Kg. Sisipan

18



**10 Februari 2025**  
FGD 13: Komuniti Kg. Berjasa

17



**10 Februari 2025**  
FGD 12: Komuniti Kg. Tabak-tabak

16



**10 Februari 2025**  
FGD 11: Komuniti Kg. Kabimbangan

19



**10 Februari 2025**  
Lawatan Tapak 4: SK Pulau Bum Bum

20



**11 Februari 2025**  
FGD 14: Komuniti NGO

21



**11 Februari 2025**  
Lawatan tapak 5: Kg. Simunul



### 10 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mc Jeanet, Fatimah dan Nurrul Fazlina telah membuat satu perbincangan dan persetujuan bagi memulakan mesyuarat awalan bersama Penyelaras/Kordinator Ahli Parlimen Warisan, Tuan Muqoffin di Cyberjaya. Perbincangan ini telah mendapat persetujuan daripada YB Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal bagi menjalankan pemetaan isu di kawasan Parlimen Semporna bagi tahun 2025. Sesi seterusnya iaitu sesi pemprofilan dipersetujui dijalankan pada 16 Januari 2025 dan sesi pra-lawatan pada 17 Januari 2025.

### 18 JANUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN



Nurrul Fazlina dan Fatimah telah mengadakan mesyuarat awal dengan YB Haji Jamil (ADUN Bugaya) dan Tn. Alexander Liew di Pusat Khidmat Parlimen Semporna. Mesyuarat tersebut menumpukan kepada persiapan bagi latihan pemetaan isu di kawasan tersebut. Hasil daripada mesyuarat itu, lawatan tapak untuk pemetaan isu telah dijadualkan berlangsung dari 7 hingga 11 Februari 2025.

### 28 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Satu mesyuarat telah diadakan dengan Tn. Alexander Liew, DO Semporna dan Tuan ADO, Tuan Hj Azis Hj Bool, sebagai sebahagian daripada persiapan pra-lawatan ke kawasan Parlimen Semporna. Mewakili APPGM-SDG ialah Nurrul Fazlina, dan Pegawai Dasar dan Penyelidikan Wilayah Sabah, Fatimah. Perbincangan tertumpu kepada persiapan bagi sesi antara agensi yang dijadualkan pada 20 Februari 2025, diikuti dengan sesi pembangunan kapasiti pada Mac 2025.





### FGD 1: KOMUNITI KG. GADING-GADING

FGD 1 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kg. Gading-Gading. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Syed Jaafar (Ketua Kampung) dan 15 orang Komuniti Kg. Gading-Gading. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada kesihatan; **(2)** isu pendidikan; **(3)** isu peluang pekerjaan; **(4)** isu jalan raya; **(5)** isu akses kepada air; **(6)** isu pengangkutan; dan **(7)** isu infrastruktur.



### FGD 2: KOMUNITI KG. LIHAK-LIHAK

FGD 2 ini telah melibatkan Komuniti Kampung Lihak-Lihak yang telah dihadiri oleh En. Adam Saban (Ketua Kampung), En. Abdul Rasul Kullani (Ketua JKK) serta 9 orang Kampung. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu kesihatan; **(2)** isu keselamatan; **(3)** isu infrastruktur; **(4)** isu pendidikan (keciciran); **(5)** isu telekomunikasi; **(6)** isu pertanian; **(7)** konflik manusia dan hidupan liar; **(8)** isu pengurusan sampah; dan **(9)** isu banjir.



### FGD 3: KOMUNITI KG. MENTELITIP

FGD 3 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kampung Mentelitip. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Qalbi Jaulan (Wakil komuniti) dan 7 orang Komuniti Kampung Menteritip. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kesihatan; **(2)** isu infrastruktur (sistem saliran dan perparitan); **(3)** isu dokumentasi; **(4)** isu keciciran pelajar; **(5)** isu dadah; **(6)** konflik manusia dan hidupan liar (monyet); dan **(7)** isu pengurusan sampah.




### FGD 4: KOMUNITI KG. TAMPI-TAMPI TIMBAYAN

FGD 4 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kampung Tampi-Tampi Timbayan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Hassab Yasin (Ketua Kampung), En. Mohd Yasin (Ketua Mukim) dan 13 orang Komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu air; **(2)** isu elektrik; **(3)** isu kebajikan; **(4)** isu jalan raya; dan **(5)** isu konflik manusia dan hidupan liar (monyet).



### FGD 5: KOMUNITI KG. BANGAU-BANGAU

FGD 5 ini telah melibatkan Komuniti Kampung Bangau-Bangau. Sesi ini telah dihadiri oleh 9 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu status tanah kampung; **(2)** isu dokumentasi; **(3)** konflik nelayan dan pengusaha pelancongan; **(4)** isu dadah; **(5)** isu pengurusan sampah; dan **(6)** isu jambatan.



### LAWATAN TAPAK 1 & 2 - KG. TAMPI-TAMPI & KAMPUNG SUNGAI TUHOK

Lawatan tapak telah dijalankan dengan tujuan meninjau dan mengenal pasti alternatif sumber air yang berpotensi sebagai penyelesaian kepada masalah bekalan air di Semporna. Salah satu alternatif yang sedang digunakan di kawasan Kampung Sungai Tuhok adalah penggunaan air telaga yang disalurkan melalui pam air.



### FGD 6: KOMUNITI KG. PABABAG

FGD 6 ini telah melibatkan komuniti daripada Kampung Pababag. Sesi ini telah dihadiri oleh 14 orang. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada sumber air; **(2)** isu akses kepada elektrik; **(3)** isu akses kepada fasilitas kesihatan; **(4)** isu status tanah kampung; **(5)** isu Infrastruktur; **(6)** pendapatan isi rumah rendah; **(7)** isu golongan wanita; **(8)** isu pengurusan yang baik; dan **(9)** gangguan hidupan liar.



### FGD 7: KOMUNITI KG. TANDOAN

FGD 7 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kampung Tandoan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Johan (Ketua Kampung) dan 21 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu status tanah kampung; **(2)** isu akses kepada elektrik; **(3)** isu akses kepada air bersih; **(4)** isu hidupan liar (monyet dan babi hutan); **(5)** isu akses kepada kesihatan; dan **(6)** isu kemudahan pengangkutan.



#### FGD 8: KOMUNITI KG. SELAKAN

FGD 8 ini telah melibatkan Komuniti Kampung Salakan. Sesi ini telah dihadiri oleh 28 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada elektrik; **(2)** isu akses kepada air bersih; **(3)** isu kebajikan; **(4)** isu akses kepada fasilitasi kesihatan; **(5)** isu kemudahan pengangkutan; **(6)** isu pengurusan sampah



#### FGD 9: KOMUNITI KG. AMAN JAYA

Sesi FGD 8 ini telah melibatkan Komuniti Kampung Aman Jaya. Sesi ini telah dihadiri oleh 18 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada jaringan telefon; **(2)** isu pengurusan sampah; **(3)** isu menjana pendapatan; **(4)** isu infrastruktur; **(5)** isu gejala sosial (lumba haram).



#### LAWATAN TAPAK 3: PULAU OMADAL

Tujuan lawatan tapak adalah untuk meninjau keadaan masyarakat Bajau Laut di sekitar pulau tersebut. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk menilai alternatif pendidikan yang disediakan kepada penduduk, iaitu Iskul Sama Di Laut Omadal.



#### FGD 10: KOMUNITI KG. SISIPAN

FGD 10 ini telah melibatkan komuniti daripada Kampung Sisipan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Mohd Hasbi (JKKK) dan 10 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu air di mana mereka bergantung kepada air perigi; **(2)** masalah sosial seperti kecurian; **(3)** konflik manusia dan hidupan liar; **(4)** isu kebajikan; dan **(5)** konflik nelayan dan kapal pukat tunda.



#### FGD 11: KOMUNITI KG. KABIMBANGAN

FGD 11 ini telah melibatkan Komuniti daripada Kam Kabimbangan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Mohd Arbi (Ketua Kampung) dan 23 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu status tanah; **(2)** isu akses kepada air; **(3)** akses kepada pendidikan (latihan kepada golongan wanita); **(4)** isu elektrik; **(5)** isu pengangkutan; **(6)** isu akses kesihatan; **(7)** isu keselamatan (pengangkutan); **(8)** isu Infrastruktur; dan **(9)** isu pengurusan sampah.



### FGD 12: KOMUNITI KG. TABAK-TABAK

FGD 12 ini telah melibatkan komuniti daripada Kampung Tabak-Tabak. Sesi ini telah dihadiri oleh 7 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses air; **(2)** isu telekomunikas (jaringan capaian); **(3)** konflik manusia dan hidupan liar; **(4)** kekurangan penduduk; dan **(5)** isu infrastruktur (jambatan)



### FGD 13: KOMUNITI KG. BERJASA

FGD 13 ini telah melibatkan komuniti daripada Kampung Kabimbangan. Sesi ini telah dihadiri oleh En. Abdul Gabin (JPKK) dan 38 orang komuniti. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu akses kepada air; **(2)** isu dokumentasi; **(3)** isu kebajikan; **(4)** isu pendidikan; **(5)** isu peluang pekerjaan; dan **(6)** isu pengurusan sampah.



### LAWATAN TAPAK 4: S.K. PULAU BUM BUM

Lawatan tapak telah dijalankan ke S.K. Pulau Bum-Bum K9 oleh pasukan penyelidik bagi meninjau keadaan dan kemudahan di sekolah tersebut. SK Pulau Bum Bum K9 berfungsi sebagai sekolah berpusat yang menampung pelajar dari pelbagai kawasan sekitar Pulau Bum-Bum, menjadikannya institusi pendidikan penting bagi komuniti setempat.



#### FGD 14: KOMUNITI NGO DAN BELIA

FGD 14 telah diadakan bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut dihadiri oleh ADO Semporna, Tn. Hj. Abdul Aziz, serta penyertaan daripada 14 NGO di Semporna. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** masalah bekalan air; **(2)** isu pendidikan; **(3)** isu kebajikan dan sosial; **(4)** isu pelancongan; **(5)** capaian Internet yang terhad; **(6)** kadar gaji yang rendah; **(7)** isu keselamatan; **(8)** kenaikan harga barang; **(9)** bekalan makanan yang tidak mencukupi; **(10)** masalah haiwan liar dan terbiar; **(11)** masalah pengurusan sampah; **(12)** isu dokumentasi (*stateless*); dan **(13)** birokrasi dalam proses kerja.

#### PENEMUAN SIGNIFIKAN

1. Waste management - Agensi dan penduduk
2. Mentaliti dan kesedaran terhadap kebersihan daerah pelancongan
3. Pembangunan Belia dan NGO local dalam kepimpinan ekonomi dan sosial

# **BAHAGIAN B**

**Laporan Lawatan Pemetaan Isu**  
P.189 Semporna

**Senarai Jadual**

|           |                                                       |
|-----------|-------------------------------------------------------|
| Jadual 1  | Komposisi Penduduk di Parlimen Hulu Selangor          |
| Jadual 2  | Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Hulu Selangor |
| Jadual 3  | Rangkuman Isu Rentas SDG                              |
| Jadual 4  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1                 |
| Jadual 5  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2                 |
| Jadual 6  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3                 |
| Jadual 7  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4                 |
| Jadual 8  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5                 |
| Jadual 9  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6                 |
| Jadual 10 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7                 |
| Jadual 11 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8                 |
| Jadual 12 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9                 |
| Jadual 13 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10                |
| Jadual 14 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 11                |
| Jadual 15 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 12                |
| Jadual 16 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 13                |
| Jadual 17 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 14                |
| Jadual 18 | Ringkasan Isu 1                                       |
| Jadual 19 | Ringkasan Isu 2                                       |
| Jadual 20 | Ringkasan Isu 3                                       |
| Jadual 21 | Ringkasan Isu 4                                       |
| Jadual 22 | Pengenalpastian Projek Penyelesaian                   |

**Senarai Rajah**

|         |                                                                                       |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| Rajah 1 | Hasil akuakultur rumpai laut                                                          |
| Rajah 2 | Memerhati kaedah pengajaran oleh guru Iskul Sama Dilaut, Pulau Omodal                 |
| Rajah 3 | Lawatan tapak ke kawasan kesan pengurusan sisa yang tidak sistematik di Pulau Pababag |
| Rajah 4 | Lawatan ke Iskul Sama di Laut, NGO yang menyediakan pendidikan                        |
| Rajah 5 | Sumber air bawah tanah yang disalurkan ke tangki di kawasan Sungai Tuhok              |
| Rajah 6 | Pemerhatian dalam kalangan Masyarakat Bajau Laut, Pulau Omodal                        |
| Rajah 7 | Melihat kegiatan ekonomi tempatan di Pulau Pababag                                    |

## Senarai Singkatan

|                  |                                                                           |
|------------------|---------------------------------------------------------------------------|
| <b>APPGM-SDG</b> | <i>All Parties Parliamentary Malaysia – Sustainable Development Goals</i> |
| <b>FGD</b>       | <i>Focus Group Discussion</i>                                             |
| <b>DUN</b>       | Dewan Undangan Negeri                                                     |
| <b>PN-PAS</b>    | Perikatan Nasional-Parti Islam Se-Malaysia                                |
| <b>PRU</b>       | Pilihan Raya Umum                                                         |
| <b>SDG</b>       | <i>Sustainable Development Goals</i>                                      |
| <b>YB</b>        | Yang Berhormat                                                            |

## 1.0 PENGENALAN

Parlimen Semporna terletak di negeri Sabah dan meliputi kawasan seluas kira-kira 1,116 kilometer persegi. Kawasan parlimen ini merangkumi tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Sulabayan, DUN Bugaya, dan DUN Senallang. Menurut data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), parlimen Semporna mempunyai jumlah penduduk seramai 165,587 orang. Parlimen Semporna terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Semporna serta Majlis Daerah Semporna. Pejabat Daerah Semporna bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran daerah, pengurusan tanah, pembangunan tempatan, dan penyelesaian isu-isu komuniti. Majlis Daerah Semporna pula memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan awam seperti pengurusan sisa pepejal, penyelenggaraan infrastruktur awam, dan pembangunan kawasan pekan. Kedua-dua entiti ini saling melengkapi dalam memastikan kesejahteraan penduduk Parlimen Semporna serta merancang pelbagai inisiatif sosioekonomi yang bersesuaian dengan keperluan tempatan.



**YB Datuk Seri  
Panglima Haji Mohd  
Shafie Apdal**

Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang diadakan pada 19 November 2022, kerusi Parlimen Semporna telah dimenangi oleh YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Apdal dari Parti Warisan dengan memperoleh 25,398 undi. Majoriti undi yang diperoleh oleh YB Shafie Apdal ialah sebanyak 14,948 undi. Justeru, pemetaan isu Parlimen Semporna diadakan dengan kerjasama rapat YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Apdal.

## 1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Semporna terletak di pantai timur negeri Sabah dan merupakan sebahagian daripada daerah Semporna. Ia bersempadan dengan Laut Sulu di timur dan terdiri daripada kawasan pesisir, kepulauan, serta kawasan tanah rendah dan berpayau. Kawasan ini turut merangkumi gugusan pulau-pulau yang menjadi tarikan utama pelancong, termasuk Pulau Sipadan, Pulau Mabul, dan Pulau Bum-Bum yang merupakan antara pulau terbesar di Sabah. Secara geografi, Semporna terletak dalam kawasan pesisir tropika yang kaya dengan biodiversiti marin dan ekosistem bakau.

Parlimen Semporna memainkan peranan penting dalam sektor pelancongan negeri Sabah kerana kedudukannya yang strategik sebagai pintu masuk utama ke beberapa pulau tercantik di dunia. Ekonomi tempatan banyak bergantung kepada industri pelancongan berasaskan alam semula jadi seperti selaman skuba, penginapan pelancong, serta aktiviti perikanan tradisional dan akuakultur. Di samping itu, kawasan ini juga berpotensi besar untuk pembangunan ekopelancongan berasaskan komuniti.

Kedudukan geografinya yang berhampiran dengan sempadan perairan antarabangsa menjadikan Semporna lokasi penting bagi agensi keselamatan negara.

Topografi kawasan Parlimen Semporna didominasi oleh kawasan dataran rendah pesisir dan kawasan paya bakau, di samping pulau-pulau karang yang membentuk lanskap laut yang memukau. Pulau-pulau ini dikelilingi oleh terumbu karang yang kaya dengan spesies marin, menjadikan Semporna sebagai antara destinasi menyelam terbaik di dunia<sup>1</sup>. Di kawasan pedalaman, terutama di sekitar Pulau Bum-Bum dan tanah besar Semporna, terdapat penempatan kampung air serta perkampungan tradisional yang membentuk struktur sosial-geografi unik. Selain itu, kawasan sungai dan saliran semula jadi memainkan peranan penting dalam menyokong kehidupan harian penduduk serta ekosistem setempat.

## 1.2 Komposisi Penduduk

Komposisi penduduk di kawasan Parlimen Semporna pada tahun 2023 mencatatkan jumlah keseluruhan seramai 186,200 orang. Majoriti penduduk terdiri daripada kaum Bumiputera, yang berjumlah 104,200 orang atau 55.9 peratus daripada keseluruhan populasi. Kumpulan bukan warganegara merupakan kumpulan kedua terbesar dengan jumlah seramai 79,600 orang, bersamaan 42.7 peratus daripada jumlah penduduk. Seterusnya, kaum Cina mencatatkan jumlah seramai 1,000 orang (0.5 peratus), diikuti oleh kaum lain-lain sebanyak 1,300 orang (0.7 peratus) dan kaum India seramai 100 orang (0.1 peratus). Komposisi etnik ini menggambarkan kepelbagaian demografi di Semporna, dengan percampuran antara warganegara dan bukan warganegara yang mewarnai lanskap sosial, budaya, dan ekonomi kawasan ini.

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Semporna

| BIL.               | KAUM              | BIL.    | % BIL. |
|--------------------|-------------------|---------|--------|
| 1.                 | Bumiputera        | 104,200 | 56.0   |
| 2.                 | Cina              | 1,000   | 0.5    |
| 3.                 | India             | 100     | 0.1    |
| 4.                 | Bukan Warganegara | 1,300   | 0.7    |
| 5.                 | Lain-lain         | 79,600  | 42.7   |
| JUMLAH KESELURUHAN |                   | 186,200 | 100    |

<sup>1</sup> Setiausaha Kerajaan Negeri, 2025. *Pulau Sipadan*. Accessed on 12 April 2025. <https://skn.sabah.gov.my/iknow/pelancongan-alam/pantai-pulau>

### 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kedudukan geografi Semporna sebagai sebuah daerah maritim di pantai timur Sabah telah memberikan kelebihan strategik dalam pembangunan ekonomi tempatan. Kegiatan ekonomi utama di kawasan ini secara umumnya bertumpu kepada sektor pertanian, perikanan dan pelancongan. Ketiga-tiga sektor ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi daerah, malah turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Semporna.

Sektor pertanian merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi Semporna. Dengan keluasan tanah pertanian dianggarkan sebanyak 54,222.5 hektar, kawasan ini mempunyai tanah yang subur serta iklim tropika yang sesuai untuk pelbagai jenis tanaman. Tanaman ladang seperti kelapa sawit, koko, ubi kayu dan jagung diusahakan secara komersial, manakala sayur-sayuran seperti kacang panjang, sawi, dan terung serta buah-buahan seperti durian, mangga dan pisang ditanam bagi tujuan kegunaan sendiri dan pendapatan tambahan. Aktiviti ini membuktikan bahawa sektor pertanian berpotensi besar dalam menyokong ekonomi isi rumah khususnya di kawasan luar bandar.

Selain itu, sektor perikanan juga menjadi tonggak ekonomi penting di Semporna. Daerah ini merupakan pusat utama penternakan rumpai laut di Sabah, merangkumi kira-kira 77.7 peratus kawasan penternakan di negeri ini. Rumpai laut seperti *Kappaphycus*, *Eucheuma*, dan *Gracilaria sp.* ditenak secara meluas di perairan terlindung yang sesuai untuk pengkulturan. Pendekatan komuniti melalui Projek Estet Mini Rumpai Laut di Pulau Selakan telah memperlihatkan kejayaan dalam pengurusan bersepadu hasil laut secara komersial. Laporan Bernama (2023) menyatakan bahawa Semporna menyumbang sebanyak 54 peratus daripada keseluruhan hasil akuakultur rumpai laut negara, menunjukkan kepentingan sektor ini sebagai sumber pendapatan utama kepada komuniti pesisir dan pulau<sup>2</sup>.

---

<sup>2</sup> Bernama, "Sabah Penyumbang Utama Pengeluaran Rumpai Laut Negara," Astro Awani, 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sabah-penyumbang-utama-pengeluaran-rumpai-laut-negara-461730>



Rajah 1: Hasil akuakultur rumpai laut

Sumber: *Bernama*, 2023<sup>11</sup>

Sektor pelancongan pula menjadi penyumbang penting ketiga kepada ekonomi daerah ini. Keindahan semula jadi gugusan pulau seperti Sipadan, Mabul dan Bohey Dulang telah meletakkan Semporna sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa<sup>3</sup>. Aktiviti seperti selaman skuba, *snorkeling* dan ekopelancongan telah membuka peluang pekerjaan dan menjana pendapatan bagi penduduk setempat. Pelancongan komuniti juga memberi peluang kepada belia dan wanita di pulau-pulau untuk terlibat dalam bidang hospitaliti, pemandu pelancong dan penjualan hasil kraftangan. Menurut laporan media tempatan, Semporna menerima purata 2,000 pelancong setiap hari pada tahun 2023, dengan jumlah pelawat mencecah lebih 40,000 orang pada bulan Mei sahaja<sup>4</sup>.

Kegiatan ekonomi utama di kawasan Parlimen Semporna memperlihatkan potensi besar dalam memperkukuh pembangunan daerah menerusi gabungan sektor pertanian, perikanan dan pelancongan. Ketiga-tiga sektor ini saling melengkapi dan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat luar bandar. Pembangunan berasaskan komuniti serta sokongan berterusan daripada pihak berkepentingan adalah penting untuk memastikan kelestarian dan kesejahteraan ekonomi jangka panjang bagi masyarakat Semporna.

#### 1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Kawasan Parlimen Semporna terletak di bahagian timur negeri Sabah dan merangkumi pelbagai bentuk muka bumi, termasuk kawasan bandar, kampung pesisir, penempatan

<sup>3</sup> Rosmiza M.Z. et al., "Economic Impact of Marine Ecotourism on the Local Community in Semporna, Sabah, Malaysia," *Pakistan Journal of Life and Social Sciences* 23 (2025), accessed April 12, 2025, [https://www.researchgate.net/profile/Mohamad-Syahrul-Nizam-Ibrahim/publication/387318602\\_Economic\\_Impact\\_of\\_Marine\\_Ecotourism\\_on\\_the\\_Local\\_Community\\_in\\_Semporna\\_Sabah\\_Malaysia/links/6768b3f4894c552085232940/Economic-Impact-of-Marine-Ecotourism-on-the-Local-Community-in-Semporna-Sabah-Malaysia.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Mohamad-Syahrul-Nizam-Ibrahim/publication/387318602_Economic_Impact_of_Marine_Ecotourism_on_the_Local_Community_in_Semporna_Sabah_Malaysia/links/6768b3f4894c552085232940/Economic-Impact-of-Marine-Ecotourism-on-the-Local-Community-in-Semporna-Sabah-Malaysia.pdf)

<sup>4</sup> Utusan Borneo, "Aktiviti Pelancongan di Semporna Kembali Rancak Tahun Ini," 2023, <https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/10/aktiviti-pelancongan-di-semporna-kembali-rancak-tahun-in>

atas air, gugusan pulau tropika, serta kawasan hutan bakau. Geografi unik ini bukan sahaja membentuk landskap semula jadi yang indah, tetapi turut menyumbang kepada kepelbagaian sumber marin dan biodiversiti. Kawasan ini menjadi tumpuan pelancongan marin kerana keindahan terumbu karangnya yang tersenarai antara yang terbaik di dunia, terutamanya di sekitar Pulau Sipadan, Pulau Mabul dan Pulau Bohey Dulang.

### **Lokasi Fizikal**

Semporna memiliki ciri-ciri geografi pesisiran yang menjadikannya terdedah kepada cabaran pembangunan yang berbeza berbanding kawasan pedalaman. Misalnya, banyak perkampungan dibina atas air atau di pulau-pulau terpencil yang hanya boleh diakses melalui bot. Keadaan ini menimbulkan isu logistik dalam penyampaian perkhidmatan asas seperti air bersih, pengurusan sisa pepejal, kesihatan, dan pendidikan. Walaupun terdapat pelaburan dalam infrastruktur asas seperti pembinaan jeti dan sistem paip utama, cabaran pengagihan dan penyelenggaraan tetap menjadi isu berpanjangan.

Selain itu, pengurusan sisa pepejal merupakan satu lagi cabaran kritikal di kawasan ini. Di kebanyakan kampung atas air dan pulau-pulau kecil, sistem kutipan sampah tidak beroperasi secara konsisten, atau langsung tidak wujud. Akibatnya, penduduk terpaksa membuang sampah ke laut atau membakarnya secara terbuka. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan awam, tetapi turut memberi kesan buruk kepada ekosistem marin dan sektor pelancongan. Laporan WWF-Malaysia (2020) menunjukkan bahawa pencemaran sisa pepejal di kawasan terumbu karang sekitar Semporna memberi tekanan kepada habitat marin dan menjejaskan reputasi destinasi pelancongan antarabangsa.

Walaupun kemudahan asas seperti klinik kesihatan, sekolah dan pasar tersedia di pusat bandar Semporna, jurang perkhidmatan masih wujud antara kawasan pusat dan kawasan luar bandar serta kepulauan. Kekurangan pengangkutan awam yang efisien dan kos perjalanan yang tinggi menyukarkan penduduk luar bandar untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan ini. Justeru, isu geografi dan kedudukan fizikal Semporna menjadi faktor utama yang perlu ditangani secara strategik dalam usaha merapatkan jurang pembangunan antara komuniti pusat dan komuniti pinggir.

Secara keseluruhan, keunikan lokasi fizikal Semporna membuka potensi besar kepada pembangunan pelancongan dan ekonomi komuniti, namun pada masa yang sama menuntut pendekatan pembangunan yang sensitif kepada keadaan geografi. Penekanan kepada pembangunan infrastruktur asas secara inklusif dan berdaya tahan adalah penting bagi memastikan manfaat pembangunan dapat dirasai secara adil oleh semua lapisan masyarakat. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 6:** Air bersih dan Sanitasi
- **SDG 11:** Bandar dan Komuniti yang Mapan
- **SDG 12:** Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab

### **Keadaan ekonomi tempatan yang dominan**

Kegiatan ekonomi utama di Semporna tertumpu kepada sektor pertanian, perikanan dan pelancongan. Pertanian melibatkan tanaman seperti kelapa sawit, koko, ubi kayu, jagung, buah-buahan dan sayur-sayuran, manakala perikanan memberi tumpuan kepada penternakan rumpai laut yang dijalankan secara komuniti seperti di Pulau Selakan. Selain itu, Semporna turut menjadi destinasi pelancongan marin yang terkenal dengan tarikan pulau-pulaunya, sekali gus menyumbang kepada ekonomi tempatan melalui sektor perkhidmatan dan pelancongan. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 1:** Tiada Kemiskinan
- **SDG 8:** Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi
- **SDG 14:** Kehidupan di Bawah Air

### **Budaya (nilai masyarakat) semporna**

Masyarakat di Semporna kaya dengan kepelbagaian budaya, terdiri daripada pelbagai etnik termasuk Bajau, Suluk, dan komuniti Bumiputera lain yang mempunyai tradisi serta adat resam tersendiri. Nilai-nilai budaya ini menjadi asas kepada keharmonian sosial dan identiti komuniti tempatan, khususnya dalam kehidupan seharian dan amalan keagamaan. Penduduk aktif dalam penganjuran majlis-majlis keramaian, upacara tradisional dan program komuniti yang mengeratkan hubungan antara generasi dan kumpulan etnik. Dalam sektor pelancongan, mereka turut memainkan peranan penting melalui penglibatan dalam perniagaan kecil seperti homestay, kraftangan, dan makanan tradisional yang bukan sahaja menjana pendapatan tetapi juga mempromosikan warisan budaya Semporna kepada pelancong dari dalam dan luar negara. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 8:** Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi
- **SDG 14:** Bandar komuniti yang Mampan
- **SDG 17:** Kerjasama Demi Matlamat

### **Nilai sejarah**

Kebergantungan masyarakat Semporna terhadap sumber laut merupakan satu nilai sejarah yang berakar umbi sejak zaman dahulu, terutamanya dalam kalangan komuniti maritim seperti Bajau Laut yang secara tradisional hidup secara nomad di perairan sekitar kepulauan Semporna. Aktiviti seperti menangkap ikan, memungut hasil laut, dan

menjalankan pertukaran barangan melalui laluan laut bukan sahaja menjadi asas kelangsungan hidup, malah membentuk struktur ekonomi dan sosial masyarakat setempat. Sehingga kini, kebergantungan ini masih ketara apabila sektor perikanan dan ekopelancongan laut menjadi antara pemacu utama ekonomi Semporna, menjadikan hubungan antara komuniti dan laut sebagai satu kesinambungan sejarah yang relevan dalam pembangunan ekonomi moden. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 14:** Kehidupan di Bawah Air

### **Keunikan Kawasan Parlimen**

Keunikan Semporna terletak pada gabungan warisan budaya maritim dan keindahan alam semula jadi yang luar biasa. Terkenal sebagai "syurga laut" Malaysia, Semporna merupakan pintu masuk ke beberapa pulau tercantik di dunia seperti Sipadan, Mabul, dan Mataking, yang kaya dengan biodiversiti marin dan menjadi tumpuan penyelam dari seluruh dunia. Selain itu, kehadiran komuniti Bajau Laut yang masih mengamalkan cara hidup tradisional di atas perahu atau rumah atas air menjadikan Semporna satu-satunya tempat di Malaysia yang mengekalkan identiti etnik nomad laut secara nyata. Tradisi ini bukan sahaja mencerminkan hubungan rapat antara manusia dan laut, malah menjadi tarikan pelancongan budaya yang unik. Gabungan budaya, ekosistem laut yang kaya, serta warisan sejarah sebagai pusat perdagangan maritim menjadikan Semporna sebuah kawasan yang benar-benar istimewa di rantau Asia Tenggara. Manakala Matlamat SDG yang berkait adalah seperti berikut:

- **SDG 11:** Bandar dan Komuniti yang Mampan
- **SDG 14:** Kehidupan di Bawah Air

## 2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

### 2.1 Pendekatan Kajian

Bagi memulakan kajian ini, kajian awal telah dijalankan oleh penyelidik untuk memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti beberapa isu yang timbul dan relevan. Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti statistik, data dan maklumat yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, pencarian dalam talian, dan laporan akhbar. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk menyediakan gambaran umum yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan isu yang perlu diberi perhatian di kawasan tersebut.

Mesyuarat awalan oleh Puan Fatimah Mohd Yassin, Cik Nurrul Fazlina dan Cik Mc Jeanet bersama Encik Muqoffin telah diadakan pada 11 Disember 2024 di Cyberjaya untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian pemetaan isu di Parlimen Semporna. Dalam mesyuarat tersebut, pihak yang terlibat telah mendapat persetujuan daripada YB Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal untuk menjalankan pemetaan isu di kawasan Parlimen Semporna bagi tahun 2025.

Pada 14 Januari 2025, Nurrul Fazlina dan Fatimah Mohd Yassin telah mengadakan mesyuarat bersama YB Haji Jamil (ADUN Bugaya) dan Encik Alexander Liew di Pusat Khidmat Parlimen Semporna. Mesyuarat tersebut memfokuskan persiapan bagi latihan pemetaan isu yang akan dijalankan di kawasan Semporna. Hasil daripada mesyuarat ini, lawatan tapak pemetaan isu telah dijadualkan pada 7 hingga 11 Februari 2025.

Pada 6 Februari 2025, Nurrul Fazlina dan Fatimah telah mengadakan satu mesyuarat dengan En.Alexander Liew, Pegawai Daerah Daerah Semporna, Penolong Pegawai Daerah, En.Hj Azis Hj Bool, untuk mempersiapkan pra-lawatan ke kawasan Parlimen Semporna. Perbincangan tertumpu kepada persiapan bagi sesi antara agensi yang dijadualkan pada 20 Februari 2025, diikuti dengan sesi pembangunan kapasiti pada Mac 2025.

Penglibatan awam melalui sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan, atau *Focus Group Discussion* (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

- Mengetahui maklumat mengenai isu dan masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen Semporna.
- Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut.

- Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran, sama ada penduduk lokal, penduduk kampung, NGO dan agensi kerajaan berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Semporna.

Sepanjang tempoh lima hari kerja lapangan, bermula pada 7 hingga 11 Februari 2025, sebanyak 14 sesi *Focus Group Discussion* (FGD) telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh lima hari melibatkan penyertaan aktif daripada komuniti tempatan serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang beroperasi di sekitar kawasan Parlimen Semporna. Pelaksanaan sesi-sesi FGD ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan holistik dan mendalam daripada pelbagai kumpulan sasaran, merangkumi pelbagai latar belakang dan kepakaran, bagi mengenal pasti isu-isu utama yang membelenggu masyarakat setempat. Jadual di bawah menunjukkan jadual ringkas FGD bagi pemetaan isu di Parlimen Semporna melibatkan tiga DUN utama di Semporna iaitu Sulabayan, Bugaya dan Senallang.

Jadual 2: Tentatif ringkas bagi program pemetaan isu di Parlimen Semporna

| TARIKH                           | FGD                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|----------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>7 Februari 2025</b> , Jumaat  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• FGD 1: Komuniti Kampung Gading-Gading</li> <li>• FGD 2: Komuniti Kampung Lihak-Lihak</li> </ul>                                                                                                                                                                                  |
| <b>8 Februari</b> , 2025 Sabtu   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• FGD 3: Komuniti Kampung Mentelitip</li> <li>• FGD 4: Komuniti Kg. Tampi-Tampi, Timbayan</li> <li>• FGD 5: Komuniti Kg Bangau-Bangau</li> <li>• Lawatan Tapak 1: Kg. Tampi-Tampi</li> <li>• Lawatan Tapak 2: Sungai Tohok</li> </ul>                                              |
| <b>9 Februari 2025</b> , Ahad    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• FGD 6: Komuniti Pulau Pababag</li> <li>• FGD 7: Komuniti Pulau Tandoan</li> <li>• FGD 8: Komuniti Pulau Selakan</li> <li>• FGD 9: Komuniti Kg. Aman Jaya</li> <li>• Lawatan Tapak 3: Pulau Omodal</li> </ul>                                                                     |
| <b>10 Februari 2025</b> , Isnin  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• FGD 10: Komuniti Kg. Sisipan, Pulau Bum-Bum</li> <li>• FGD 11: Komuniti Kg. Kabimbangan, Pulau Bum-Bum</li> <li>• FGD 12: Komuniti Kg. Tabak-Tabak, Pulau Bum-Bum</li> <li>• FGD 13: Komuniti Kg. Berjasa, Pulau Bum-Bum</li> <li>• Lawatan Tapak 4: SK Pulau Bum-Bum</li> </ul> |
| <b>11 Februari 2025</b> , Selasa | <ul style="list-style-type: none"> <li>• FGD 14: Komuniti NGO Parlimen Semporna</li> <li>• Lawatan Tapak 5: Kg. Simunul</li> </ul>                                                                                                                                                                                        |

Dalam usaha memahami secara mendalam permasalahan utama yang berlaku di Parlimen Semporna, pelbagai pendekatan telah digunakan bagi memastikan data yang

diperoleh bersifat menyeluruh dan reflektif terhadap realiti sebenar di lapangan. Selain menjalankan sesi perbincangan kumpulan berfokus (FGD) bersama penduduk kampung serta pemerhatian dan lawatan tapak ke kawasan-kawasan terlibat, kajian ini turut menggabungkan kaedah temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Temu bual ini dijalankan dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pemimpin komuniti, ketua kampung, aktivis tempatan serta penduduk yang terkesan secara langsung dengan isu yang dibangkitkan. Maklumat daripada penduduk kampung dan ketua komuniti yang berada di barisan hadapan dalam menghadapi isu ini amat penting kerana mereka memiliki pemahaman tempatan yang mendalam, termasuk faktor budaya, sosial, dan ekonomi yang turut mempengaruhi keadaan semasa. Dengan melibatkan suara komuniti secara langsung, dapatan kajian ini diyakini bukan sahaja lebih tepat dan relevan, tetapi juga mampu mencerminkan keperluan serta aspirasi sebenar masyarakat setempat. Pendekatan ini seterusnya dapat membantu dalam merangka cadangan penyelesaian yang lebih berkesan, praktikal dan lestari untuk menangani isu-isu yang dikenal pasti di kawasan Parlimen Semporna.

Selain perbincangan dalam bentuk FGD, pasukan penyelidik turut menjalankan beberapa siri lawatan tapak dan pemerhatian lapangan di beberapa kawasan utama iaitu Kg Tampi-Tampi, Sg Tohok, Pulau Omadal, Pulau Pababag, Sekolah Kebangsaan Pulau Bum-Bum dan beberapa kawasan yang dilawati. Aktiviti ini dijalankan bagi mendapatkan gambaran sebenar dan situasi semasa berkaitan dengan isu-isu mendesak seperti masalah bekalan air bersih, cabaran dalam penyampaian pendidikan formal dan tidak formal, serta isu dokumentasi yang sering dihadapi oleh sebahagian besar komuniti di kawasan berkenaan.

Terdapat beberapa kawasan yang telah dilawati semasa sesi lawatan tapak dan pemerhatian lapangan dijalankan. Pemerhatian secara langsung di kawasan-kawasan ini membolehkan pasukan penyelidik mengenal pasti pelbagai isu kritikal yang dihadapi oleh penduduk setempat. Antara isu utama yang berjaya dikenal pasti sepanjang lawatan ini termasuk masalah pembuangan sampah sarap yang tidak terkawal, kesukaran akses kepada sumber air bersih, kewujudan masyarakat tanpa dokumen pengenalan diri atau berstatus tanpa negara, serta cabaran berkaitan ekonomi penduduk yang berpendapatan rendah dan tidak tetap. Selain itu, beberapa isu lain turut dikenal pasti yang berkait rapat dengan aspek sosial, kesihatan awam dan infrastruktur asas. Pemerhatian di lapangan memberi gambaran yang lebih jelas dan mendalam terhadap keadaan sebenar yang dihadapi oleh masyarakat di Parlimen Semporna. Rajah-rajah yang disertakan di bawah merupakan sebahagian daripada dokumentasi visual lawatan tapak dan pemerhatian yang telah dilaksanakan sepanjang kajian ini.



Rajah 2: Lawatan tapak ke kawasan kesan pengurusan sisa yang tidak sistematik di Pulau Pababag  
*Sumber: Kerja Lapangan*



Rajah 3: Memerhati kaedah pengajaran oleh guru Iskul Sama Dilaut, Pulau Omdal  
*Sumber: Kerja Lapangan*



Rajah 4: Lawatan ke Iskul Sama di Laut, NGO yang menyediakan pendidikan tidak  
*Sumber: Kerja Lapangan*



Rajah 5: Sumber air bawah tanah yang disalurkan ke tangki di kawasan Sungai Tuhok  
*Sumber: Kerja Lapangan*



Rajah 6: Pemerhatian dalam kalangan Masyarakat Bajau Laut, Pulau Omdal  
*Sumber: Kerja Lapangan*



Rajah 7: Melihat kegiatan ekonomi tempatan di Pulau Pababag  
*Sumber: Kerja Lapangan*

### **Perjumpaan dan Dialog Bersama NGO**

Perjumpaan dan dialog bersama NGO yang aktif telah diadakan di Pejabat Daerah Semporna pada 11 Februari 2025 di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Semporna. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Encik Haji Abd Azis Abd Bool, Penolong Pegawai Daerah Kanan Semporna. Sepanjang pertemuan ini, beberapa isu penting telah dibincangkan, termasuk usaha mengenalpasti masalah yang relevan dan mendesak di kawasan parlimen ini. Isu-isu yang dibangkitkan merangkumi pelbagai aspek seperti isu air, masalah dokumentasi, kebajikan masyarakat, alam sekitar serta pembangunan sosio-ekonomi setempat. Dalam perbincangan ini, pihak NGO turut memberikan pandangan serta cadangan penyelesaian bagi menangani isu-isu tersebut secara efektif.

Selain meneliti peranan NGO dalam membangunkan masyarakat, perjumpaan dan dialog ini turut memberi perhatian kepada kekangan serta cabaran yang dihadapi oleh NGO dalam melaksanakan aktiviti mereka di kawasan ini. Antara cabaran utama yang dibangkitkan ialah kekurangan dana, sokongan logistik, kerjasama antara NGO dan agensi kerajaan, serta kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam program-program anjuran NGO. Dalam sesi perkongsian, beberapa NGO turut berkongsi pengalaman mereka dalam menangani pelbagai isu utama di Semporna. Mereka menceritakan kejayaan serta inisiatif yang telah mereka jalankan, termasuk program penyediaan bekalan air bersih kepada warga tanpa dokumen serta program peningkatan taraf hidup komuniti setempat. Selain itu, mereka juga berkongsi strategi dan pendekatan yang berkesan dalam menangani cabaran yang dihadapi, termasuk memperkukuhkan rangkaian kerjasama antara NGO, sektor swasta, dan pihak kerajaan.

Perjumpaan ini berakhir dengan beberapa resolusi penting, antaranya keperluan untuk memperkukuhkan koordinasi antara NGO dan pihak berkuasa tempatan, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan NGO, serta mencari penyelesaian bersama bagi memastikan keberkesanan program yang dilaksanakan. Kesepakatan ini diharapkan dapat memperkasakan peranan NGO dalam pembangunan komuniti di Semporna dan mewujudkan impak yang lebih besar dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat.

### **Mesyuarat Inter-Agensi Dialog**

Sebagai langkah penyelarasan dan pengesahan terhadap isu-isu yang telah dikenal pasti, satu Mesyuarat Inter-Agensi Semporna telah diadakan pada 25 Februari 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Semporna. Sesi dialog yang berlangsung selama setengah hari ini melibatkan pelbagai wakil daripada agensi kerajaan dan bertujuan memastikan setiap isu yang dibangkitkan mempunyai kesepadanan dengan mandat serta pelan tindakan agensi terlibat.

Penyelarasan antara pihak komuniti dan agensi pelaksana ini memainkan peranan penting dalam merangka intervensi yang lebih efektif dan mampan, sekali gus memperkukuh pelaksanaan tindakan susulan terhadap isu-isu yang telah dikenal pasti di peringkat daerah.

### **Pasukan Penyelidik**

Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Semporna adalah seperti berikut:

- |                                |   |                                                                          |
|--------------------------------|---|--------------------------------------------------------------------------|
| 1. Fatimah Mohd Yasin          | : | Ketua Penyelidik                                                         |
| 2. Nurrul Fazlina Osman        | : | Pembantu Penyelidik                                                      |
| 3. Nor Amirul Bin Pukin        | : | Pembantu Penyelidik                                                      |
| 4. Prof Madya. Dr Ramli Dollah | : | Pensyarah/Penyelidik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UMS          |
| 5. Jamal Gabir                 | : | Penyelidik, Institut Kajian Sabah, UCSF                                  |
| 6. Mohd Yusri Wahid            | : | Pegawai Eksekutif, Sabah Creative Economy and Innovation Centre (SCENIC) |

## **2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan**

Dalam pelaksanaan sesuatu penyelidikan, aspek etika memainkan peranan penting dalam memastikan hak, privasi dan kerahsiaan peserta sentiasa dijaga dan dihormati. Dalam hal ini, Ketua Penyelidik mempunyai tanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan termaklum (*informed consent*) daripada setiap peserta sebelum sebarang data dikumpul adalah satu keperluan asas dalam amalan penyelidikan yang beretika. Ini termasuk mendapatkan keizinan secara jelas untuk merakam suara, mengambil video dan gambar para peserta yang terlibat dalam kajian ini. Sekiranya terdapat peserta dalam FGD yang tidak bersetuju untuk dirakam atau diambil gambarnya, maka maklumat yang dikongsikan oleh peserta tersebut tidak boleh direkodkan atau digunakan dalam sebarang bentuk laporan, penerbitan atau perkongsian di platform umum. Ini bagi menghormati hak privasi dan kerahsiaan peserta serta mematuhi prinsip keizinan bebas dan sukarela. Ringkasnya, amalan etika dalam penyelidikan bukan sahaja melindungi peserta, tetapi juga memperkukuh kredibiliti dan keabsahan hasil penyelidikan. Ketelusan, hormat terhadap hak peserta, dan pematuhan kepada prinsip etika penyelidikan merupakan tonggak penting dalam menghasilkan kajian yang bertanggungjawab dan berimpak. Selain itu, penyelidik juga bertanggungjawab memastikan bahawa tiada tekanan atau paksaan dikenakan ke atas peserta untuk memberikan persetujuan. Peserta berhak untuk menarik diri atau menolak sebarang bentuk rakaman tanpa sebarang implikasi negatif terhadap mereka.

Untuk kajian ini pemetaan isu yang dijalankan di Parlimen Semporna ini, semua peserta memberikan kerjasama penuh dan tiada halangan daripada mereka untuk dirakam atau dikongsikan maklumat yang dikemukakan. Ini mencerminkan tahap kesedaran dan keterbukaan peserta terhadap objektif kajian serta keyakinan terhadap integriti penyelidik dalam menjaga kerahsiaan dan penggunaan data.

### **2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan**

Semasa pelaksanaan lawatan kajian ke Parlimen Semporna, salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh pasukan penyelidik adalah berkaitan dengan kekangan masa. Hal ini berpunca daripada kedudukan kampung-kampung yang terlibat dalam kajian ini, sama ada di tanah besar atau pun di pulau-pulau di daerah Semporna terletak agak jauh antara satu sama lain. Faktor geografi ini telah memberi kesan langsung terhadap perancangan logistik dan pengurusan masa sepanjang pelaksanaan lawatan. Tambahan pula, aspek pengangkutan turut menjadi halangan signifikan, terutamanya dalam penggunaan bot sebagai pengangkutan utama untuk bergerak dari satu kampung ke kampung lain. Keadaan ini bukan sahaja mengambil masa yang lebih panjang, malah turut terikat dengan faktor cuaca dan keselamatan perjalanan. Disebabkan kekangan ini, ketua penyelidik terpaksa membuat penyesuaian dengan mengehendkan masa sesi FGD kepada kawasan-kawasan yang dipilih ini. Keputusan ini dibuat bagi memastikan pelaksanaan kajian dapat diteruskan secara efektif tanpa menjejaskan perancangan keseluruhan projek. Walaupun begitu, penyesuaian ini tidak menjejaskan objektif kajian. Sesi FGD yang dijalankan masih berjaya mengumpulkan input yang bermakna dan berkualiti daripada peserta, membuktikan bahawa pendekatan yang bersifat fleksibel dan strategik mampu menangani kekangan lapangan dengan baik. Pendekatan ini turut menekankan kepentingan perancangan logistik yang teliti, khususnya dalam konteks kajian lapangan di kawasan luar bandar dan terpencil seperti Semporna.

Satu lagi cabaran yang dikenal pasti semasa pelaksanaan sesi FGD adalah tahap pemahaman komuniti terhadap isu-isu utama yang memberi kesan langsung kepada kehidupan mereka. Dalam banyak keadaan, penduduk kampung tidak menyedari sepenuhnya kepentingan isu-isu tertentu di kawasan mereka. Ini menyebabkan mereka cenderung untuk menekankan perkara yang lebih kelihatan atau bersifat harian, dan bukan semestinya yang paling kritikal dari segi jangka panjang. Sebagai contoh, semasa sesi FGD yang dijalankan bersama penduduk di Kampung Pababag, mereka pada awalnya menyatakan bahawa isu sampah yang memasuki kawasan kampung adalah masalah utama yang dihadapi. Namun begitu, apabila fasilitator mula membimbing perbincangan dengan mengemukakan pertanyaan perbandingan antara isu sampah dan isu pemilikan tanah, hampir semua peserta akhirnya mengakui bahawa isu pemilikan tanah adalah lebih penting dan mendesak dalam kehidupan mereka. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa proses FGD tidak boleh sepenuhnya diserahkan kepada informan

tanpa bimbingan yang bersesuaian. Dalam keadaan tertentu, intervensi daripada fasilitator adalah amat penting bagi membantu peserta memahami dan menilai semula keutamaan isu secara lebih mendalam dan menyeluruh. Oleh itu, peranan fasilitator bukan sahaja untuk mengendalikan sesi perbincangan, tetapi juga sebagai pemudah cara yang membantu komuniti menyusun pemikiran mereka secara lebih sistematik. Ini memastikan bahawa isu-isu yang dibangkitkan dalam FGD benar-benar mencerminkan realiti dan keperluan sebenar komuniti, sekali gus memperkukuh kualiti dapatan kajian. Salah satu cabaran utama yang dihadapi sepanjang pelaksanaan kajian ini ialah ketidaksepadanan antara keutamaan isu (dan tempat) yang dikenalpasti oleh wakil rakyat dengan keperluan sebenar yang dirasakan oleh komuniti setempat. Perbezaan ini bukan sahaja mencerminkan jurang dalam persepsi terhadap keutamaan pembangunan, tetapi turut menjejaskan proses penentuan tumpuan dasar dan intervensi yang benar-benar berkesan di peringkat akar umbi. Dalam beberapa sesi FGD dan perbincangan bersama komuniti, didapati bahawa isu-isu yang dianggap kritikal oleh penduduk seperti pemilikan tanah, akses kepada infrastruktur asas, dan kelangsungan ekonomi setempat kadangkala kurang diberi perhatian sewajarnya dalam agenda pembangunan yang diketengahkan oleh pihak wakil rakyat. Sebaliknya, tumpuan lebih diberikan kepada projek berskala besar atau inisiatif jangka pendek yang mungkin tidak sejajar dengan keperluan harian masyarakat tempatan. Cabaran ini menuntut satu pendekatan yang lebih inklusif dan dialog yang berterusan antara pembuat dasar dan komuniti. Kajian ini menggariskan betapa pentingnya untuk memastikan proses perancangan pembangunan mengambil kira suara akar umbi, serta keperluan sebenar berdasarkan pengalaman dan cabaran harian yang dihadapi oleh penduduk. Oleh itu, penyelarasan antara pihak berkepentingan perlu ditingkatkan, dan kaedah seperti FGD boleh berfungsi sebagai jambatan komunikasi yang mempertemukan persepsi antara kedua-dua pihak. Hanya dengan pendekatan yang lebih peka dan responsif, keutamaan pembangunan dapat diselaraskan dengan realiti setempat secara lebih berkesan.

Salah satu limitasi penting yang dihadapi sepanjang pelaksanaan kajian ini ialah kesukaran untuk menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan. Walaupun usaha yang berterusan telah dilakukan oleh pihak penyelidik bagi mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan belia, wanita, pemimpin masyarakat, nelayan, petani, serta kumpulan minoriti namun terdapat beberapa kelompok yang tetap sukar untuk didekati. Faktor utama yang menyumbang kepada kesukaran ini termasuk jarak geografi yang jauh dan terasing, terutama bagi kampung-kampung pedalaman atau pulau-pulau kecil yang hanya boleh diakses melalui perjalanan air atau laluan darat yang mencabar. Di samping itu, kekangan masa yang dihadapi sepanjang tempoh lawatan lapangan, penduduk kampung yang bekerja, turut menyulitkan usaha mendapatkan penyertaan secara menyeluruh daripada semua kumpulan sasaran. Akibat daripada kekangan-kekangan ini, dapatan kajian lebih

tertumpu kepada maklumat yang diperoleh daripada kumpulan yang berjaya ditemui dan bersetuju untuk terlibat dalam sesi-sesi perbincangan. Keadaan ini secara tidak langsung menghadkan keluasan perspektif yang dapat dihipunkan dalam analisis akhir kajian. Meskipun demikian, penyelidik mengambil pendekatan mitigasi dengan memastikan variasi latar belakang dalam kalangan peserta yang terlibat, supaya wacana yang dijalankan tetap dapat mewakili sebahagian besar realiti lapangan.

#### **2.4 Keterbatasan Kajian**

Salah satu keterbatasan utama dalam kajian ini adalah kekurangan data rasmi dan statistik terkini daripada agensi berkaitan, terutamanya melibatkan isu penduduk tanpa dokumen di Semporna. Ketidaksediaan data yang sahih, lengkap dan boleh diakses telah menyukarkan proses penilaian berskala dan pemetaan sebenar terhadap jumlah serta profil komuniti rentan ini. Hal ini berpunca daripada sifat isu yang sensitif dan kompleks, termasuk aspek keselamatan, identiti kewarganegaraan, dan status sah individu yang tidak didaftarkan secara rasmi. Sebahagian besar maklumat hanya diperoleh melalui pemerhatian lapangan, perkongsian lisan komuniti, dan input daripada NGO tempatan, yang bersifat kualitatif dan tidak mewakili keseluruhan populasi. Keterbatasan ini memberi implikasi terhadap tahap generalisasi hasil kajian, dan justeru itu, dapatan berkaitan komuniti stateless diinterpretasikan secara berhati-hati dengan mengambil kira had akses kepada data rasmi.

### 3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah 19 isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

| BIL. | ISU UTAMA                                         | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN                              | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------|---------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|----------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <b>Kekurangan akses kepada bekalan air bersih</b> | <p>Kesukaran mendapatkan bekalan air bersih menyebabkan penduduk menggunakan sumber air alternatif lain seperti air hujan kerana ketiadaan akses air bersih yang mencukupi.</p> <p>Terdapat penduduk kampung yang membeli air dari luar kawasan dengan kos tinggi (contoh: RM60 per tangki di Kg. Tabak-tabak).</p> <p>Terdapat penduduk kampung yang</p> | Sosial  | Penduduk Kampung | DUN Sulabayan<br>DUN Bugaya<br>DUN Senallang | <p><b>Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi</b></p> <p><b>Sasaran 6.1</b> - Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minum yang selamat dan mampu milik untuk semua.</p> <p><b>Sasaran 6.4</b> - Menjelang 2030, meningkatkan kecekapan penggunaan air merentas semua sektor dan memastikan pembekalan air yang lestari untuk menangani kekurangan air.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                                              | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN  | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------|--------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-------------------|-----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                        | menggunakan sumber alternatif lain seperti air perigi tetapi sumber air tersebut masin, seperti di Kg. Sisipan                                                                                                                                                                                                    |         |                   |                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 2.   | <b>Kekurangan akses kepada bekalan tenaga elektrik</b> | <p>Terdapat penduduk yang bergantung kepada sumber bekalan tenaga elektrik lain seperti <i>generator</i> sebagai sumber bekalan setiap hari kerana belum mendapat bekalan elektrik.</p> <p>Meter elektrik tidak diselenggara dengan baik di Kg. Kabimbangan, menyebabkan penduduk menghadapi masalah bekalan.</p> | Sosial  | Penduduk Kampung  | DUN Sulabayan   | <p><b>Matlamat 7: Tenaga Mampu Milik dan Bersih</b><br/> <b>Sasaran 7.1</b> - Menyediakan akses universal kepada tenaga yang moden dan boleh dipercayai.</p> <p><b>Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan</b><br/> <b>Sasaran 10.2</b> - Mengurangkan ketidaksamaan dalam akses kepada perkhidmatan dasar seperti tenaga.</p> |
| 3.   | <b>Akses kepada kesihatan yang rendah</b>              | Kedudukan hospital yang jauh menyebabkan penduduk mempunyai                                                                                                                                                                                                                                                       | Sosial  | Penduduk setempat | DUN Sulabayan   | <b>Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                 |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN             | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|-----------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |           | <p>kesukaran untuk mendapatkan rawatan segera.</p> <p>Terdapat kemudahan klinik bergerak namun hanya beroperasi secara berkala dan terhad kepada perkhidmatan tertentu.</p> <p>Terdapat kejadian ibu mengandung dan bersalin semasa di dalam perjalanan ke hospital meninggal dunia. (Kg Kabimbangan)</p> <p>Penduduk yang tidak mempunyai dokumen (Kg Bangau-bangau) terpaksa mendapatkan rawatan di klinik atau hospital swasta yang mempunyai kadar</p> |         | Kanak-Kanak      | DUN Bugaya<br>DUN Senallang | <p><b>Sasaran 3.1</b> - Mengurangkan kadar kematian ibu.</p> <p><b>Sasaran 3.8</b> - Memberikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mampu untuk semua.</p> <p><b>Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan</b></p> <p><b>Sasaran 10.3</b> - Memastikan kesaksamaan dalam akses kepada perkhidmatan sosial.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                                                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                   | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN  | KAWASAN SASARAN             | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|------|-------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-------------------|-----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                             | bayaran perkhidmatan yang mahal.                                                                                                                                                             |         |                   |                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 4.   | <b>Keadaan kemudahan jalan raya yang tidak baik</b>         | Keadaan jalan raya yang berlubang dan tidak berturap menyebabkan pergerakan penduduk terhad, terutama pada musim hujan kerana perkhidmatan bas yang tidak dapat melalui jalan raya tersebut. | Sosial  | Penduduk Kampung  | DUN Bugaya<br>DUN Senallang | <p><b>Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur</b></p> <p><b>Sasaran 9.1</b> - Meningkatkan infrastruktur berkualiti, berdaya tahan dan mampan, terutama di negara membangun.</p> <p><b>Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan</b></p> <p><b>Sasaran 11.2</b> - Memberikan akses yang selamat, mudah, dan berpatutan kepada sistem pengangkutan untuk semua.</p> |
| 5.   | <b>Infrastruktur dan kemudahan awam yang tidak kondusif</b> | Kawasan kampung tidak mempunyai tempat perkumpulan yang kondusif untuk menjalankan aktiviti komuniti. Walaupun terdapat dewan di Kg                                                          | Sosial  | Penduduk tempatan | DUN Sulabayan<br>DUN Bugaya | <p><b>Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur</b></p> <p><b>Sasaran 9.1</b> - Meningkatkan infrastruktur yang berkualiti dan berdaya tahan.</p>                                                                                                                                                                                                                  |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|------|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |           | <p>Kabimbangan namun keadaan dewan tersebut usang dan tidak selamat untuk digunakan.</p> <p>Kekurangan pengangkutan awam dan kos pengangkutan yang tinggi menyebabkan pergerakan penduduk untuk mendapatkan akses kemudahan adalah terhad.</p> <p>Kemudahan jeti dan jambatan yang uzur (Kg. Gading-gading, Kg. Bangau-bangau, Kg. Tandoan, Kg. Tabak-tabak)</p> |         |                  |                 | <p><b>Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan</b><br/> <b>Sasaran 10.3</b> - Memastikan kesaksamaan dalam akses kepada perkhidmatan pengangkutan.</p> <p><b>Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan</b><br/> <b>Sasaran 11.1</b> - Menyediakan penempatan yang selamat dan berdaya tahan.</p> <p><b>Sasaran 11.2</b> - Memberikan akses yang selamat, mudah, dan berpatutan kepada sistem pengangkutan untuk semua.</p> <p><b>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh</b><br/> <b>Sasaran 16.6</b> - Meningkatkan pengurusan yang bertanggungjawab, berkesan dan inklusif di semua peringkat.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                                                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN                              | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|----------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.   | <b>Masalah sosial (Jenayah, kecurian, dadah, penyeludupan, lumba haram, dan gelandangan)</b> | <p>Masalah sosial seperti kes kecurian dan pecah rumah kerap berlaku terutama di Kg. Menteritip dan Kg. Sisipan.</p> <p>Terdapat beberapa kampung yang dikenal pasti sebagai tempat pengedaran dan penyalahgunaan dadah. (Kg. Tampi-tampi Timbayan, Kg. Bangau-bangau)</p> <p>Terdapat usaha pihak RELA di Kg. Sisipan untuk menjalankan pemantauan namun tidak berkesan dalam menangani masalah keselamatan.</p> <p>Terdapat gejala yang tidak sihat seperti lumba haram</p> | Sosial  | Penduduk Kampung | DUN Sulabayan<br>DUN Bugaya<br>DUN Senallang | <p><b>Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan</b><br/> <b>Sasaran 3.5</b> - Meningkatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan dadah.</p> <p><b>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh</b><br/> <b>Sasaran 16.1</b> - Mengurangkan semua bentuk keganasan di seluruh dunia.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN                      | KAWASAN SASARAN                                             | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|--------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|---------------------------------------|-------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                          | di Kg. Aman Jaya yang mengganggu keselamatan penduduk.                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |         |                                       |                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 7.   | <b>Keciciran pelajar</b> | <p>Jarak sekolah menengah yang jauh dari kampung (Semporna dan Kunak) menyebabkan ramai pelajar berhenti sekolah.</p> <p>Masalah dokumentasi seperti ketiadaan surat lahir di Kg. Bangau-bangau dan Kg. Berjasa menyukarkan pendaftaran sekolah.</p> <p>Ramai pelajar di Kg. Berjasa tidak menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira.</p> | Sosial  | <p>Penduduk setempat</p> <p>Belia</p> | <p>DUN Sulabayan</p> <p>DUN Bugaya</p> <p>DUN Senallang</p> | <p><b>Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti</b></p> <p><b>Sasaran 4.1</b> - Menjamin pendidikan yang inklusif dan berkualiti untuk semua.</p> <p><b>Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan</b></p> <p><b>Sasaran 10.3</b> - Mengurangkan ketidaksamaan dalam akses kepada pendidikan berkualiti.</p> |
| 8.   | <b>Isu dokumentasi</b>   | Terdapat penduduk yang tidak mempunyai dokumen sah seperti sijil                                                                                                                                                                                                                                                                                       | Sosial  | Penduduk Kampung                      | DUN Sulabayan                                               | <p><b>Matlamat 1: Tiada Kemiskinan</b></p> <p><b>Sasaran 1.3</b> - Tanpa dokumentasi, individu tidak dapat mengakses</p>                                                                                                                                                                          |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN                | KAWASAN SASARAN                        | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|---------------------------------|----------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |           | <p>lahir dan kad pengenalan menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan bantuan kerajaan.</p> <p>Ketiadaan dokumen ini disebabkan oleh ibu bapa yang tidak mempunyai sijil nikah yang sah menyebabkan kesukaran dalam permohonan untuk mendapatkan dokumen sah.</p> <p>Kg. Berjasa mempunyai 200 lebih penduduk yang tidak mempunyai dokumen rasmi seperti kad pengenalan, sijil lahir, dan sijil nikah.</p> |         | <p>Belia</p> <p>Kanak-Kanak</p> | <p>DUN Bugaya</p> <p>DUN Senallang</p> | <p>sistem perlindungan sosial seperti bantuan kebajikan atau subsidi.</p> <p><b>Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan</b><br/> <b>Sasaran 3.8</b> - Ketiadaan dokumen pengenalan menghalang akses kepada perkhidmatan kesihatan awam.</p> <p><b>Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti</b><br/> <b>Sasaran 4.1</b> - Pelajar tanpa dokumen rasmi seperti surat beranak sukar mendaftar ke sekolah.</p> <p><b>Sasaran 4.5</b> - Individu tanpa dokumen sering termasuk dalam kategori "vulnerable groups".</p> <p><b>Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan</b></p> |

| BIL. | ISU UTAMA            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                     | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN                      | KAWASAN SASARAN                                             | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|------|----------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|---------------------------------------|-------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                |         |                                       |                                                             | <p><b>Sasaran 10.2</b> - Dokumentasi ialah asas kepada penyertaan sosial dan politik.</p> <p><b>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh</b></p> <p><b>Sasaran 16.9</b> - Menjelang 2030, menyediakan identiti sah untuk semua, termasuk pendaftaran kelahiran</p>                   |
| 9.   | <b>Isu kebajikan</b> | <p>Ramai penduduk dalam kategori miskin tegar tetapi tidak tersenarai di dalam sistem e-Kasih dan PPRT.</p> <p>Terdapat beberapa ibu tunggal yang dikenal pasti di Kg. Kabimbangan dan memerlukan bantuan namun mempunyai kesukaran di dalam permohonan bantuan kebajikan.</p> | Sosial  | <p>Penduduk Kampung</p> <p>Wanita</p> | <p>DUN Sulabayan</p> <p>DUN Bugaya</p> <p>DUN Senallang</p> | <p><b>Matlamat 1: Tiada Kemiskinan</b></p> <p><b>Sasaran 1.3</b> - Menjamin akses kepada bantuan sosial bagi golongan yang paling memerlukan.</p> <p><b>Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan</b></p> <p><b>Sasaran 10.2</b> - Mengurangkan ketidaksamaan dalam pemberian bantuan sosial.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                       | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN              | KAWASAN SASARAN                              | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------|--------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-------------------------------|----------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                              | Di Kg Berjasa terdapat bantuan yang dijalankan namun bantuan tersebut tidak mencapai kepada sasaran yang betul.                                  |         |                               |                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 10.  | <b>Ketidakseimbangan sasaran di dalam kursus dan latihan</b> | Kursus yang dijalankan oleh agensi hanya menyasarkan golongan wanita, menyebabkan golongan lelaki kurang mendapat manfaat pembangunan kemahiran. | Sosial  | Penduduk Kampung Belia Wanita | DUN Sulabayan<br>DUN Bugaya                  | <p><b>Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti</b><br/> <b>Sasaran 4.4</b> - Meningkatkan kemahiran dan latihan yang relevan dengan pasaran kerja.</p> <p><b>Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi</b><br/> <b>Sasaran 8.6</b> - Meningkatkan kadar penyertaan belia dalam latihan kemahiran dan pekerjaan yang produktif.</p> |
| 11.  | <b>Isu status tanah</b>                                      | Penduduk tidak memiliki hak milik rasmi terhadap tanah kerana status kampung yang belum diwartakan untuk digazetkan.                             | Sosial  | Penduduk Kampung              | DUN Sulabayan<br>DUN Bugaya<br>DUN Senallang | <p><b>Matlamat 1: Tiada Kemiskinan</b><br/> <b>Sasaran 1.4</b> - Memastikan hak milik tanah yang sah.</p> <p><b>Matlamat 2: Tiada Kelaparan</b></p>                                                                                                                                                                                   |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                              |
|------|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|-----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |           | <p>Ketiadaan geran tanah menyebabkan penduduk kampung mengalami kesukaran untuk mendapatkan bantuan kerajaan atau menjalankan aktiviti ekonomi secara sah walaupun telah menetap di kampung tersebut di dalam tempoh yang lama.</p> <p>Penduduk hanya diberi sebidang kecil tanah (1 ekar), manakala selebihnya dijual kepada syarikat luar.</p> <p>Tanah yang sepatutnya digunakan untuk pertanian dan penempatan kini dikawal oleh pihak luar, menyukarkan penduduk tempatan untuk</p> |         |                  |                 | <p><b>Sasaran 2.3</b> - Meningkatkan produktiviti pertanian melalui akses kepada sumber dan teknologi.</p> <p><b>Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan</b></p> <p><b>Sasaran 10.3</b> - Mengurangkan ketidaksamaan dalam hak milik tanah.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                                         | PENERANGAN                                                                                     | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN             | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|------|---------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|-----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                   | membangun secara ekonomi.<br>Kos dan proses mendapatkan geran tanah juga membebaskan penduduk. |         |                  |                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| 12.  | <b>Etika pemakaian pelancong yang tidak ketat</b> | Etika pemakaian pelancong perlu diperbaiki agar tiada masalah sosial berlaku                   | Sosial  | Pelancong        | DUN Sulabayan<br>DUN Bugaya | <p><b>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh</b><br/> <b>Sasaran 16.B</b> - Menggalakkan undang-undang dan dasar bukan diskriminasi bagi pembangunan mampan.</p> <p><b>Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi</b><br/> <b>Sasaran 8.9</b> - Merangka dan melaksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                           | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN       | KAWASAN SASARAN                              | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                         |
|------|-------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------------|----------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 13.  | <b>Kekurangan peluang pekerjaan</b> | <p>Ramai belia terpaksa berhijrah ke bandar kerana ketiadaan peluang pekerjaan di kawasan Semporna.</p> <p>Penduduk bergantung kepada pekerjaan sektor pertanian dan perikanan yang tidak stabil.</p> <p>Aktiviti pelancongan tidak memberi manfaat kepada penduduk setempat dimana pengusaha-pengusaha pelancongan lebih memilih mengambil warga asing sebagai pekerja kerana kadar gaji yang rendah.</p> | Ekonomi | Penduduk Kampung Belia | DUN Sulabayan<br>DUN Bugaya<br>DUN Senallang | <p><b>Matlamat 1: Tiada Kemiskinan</b><br/><b>Sasaran 1.2</b> - Menurunkan jumlah penduduk miskin.</p> <p><b>Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi</b><br/><b>Sasaran 8.5</b> - Menjamin pekerjaan yang adil dan setara serta pendapatan yang mencukupi.</p> |
| 14.  | <b>Pendapatan isi rumah rendah</b>  | Ketua isi rumah bergantung kepada aktiviti pertanian secara kecil-kecilan dan aktiviti                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Ekonomi | Penduduk Kampung Belia | DUN Sulabayan<br>DUN Bugaya                  | <p><b>Matlamat 1: Tiada Kemiskinan</b><br/><b>Sasaran 1.1</b> - Menjelang 2030, menghapuskan kemiskinan tegar</p>                                                                                                                                                          |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|-----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |           | <p>perikanan yang bermusim menyebabkan pendapatan tidak stabil.</p> <p>Kenaikan kos sara hidup memburukkan keadaan ekonomi keluarga, terutama bagi yang bekerja gaji harian.</p> <p>Golongan wanita juga tidak mempunyai aktiviti ekonomi menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang menjana pendapatan dan hanya bergantung dengan pendapatan suami.</p> |         | Wanita           | DUN Senallang   | <p>untuk semua orang di seluruh dunia.</p> <p><b>Sasaran 1.2</b> - Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh perkadaran lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya.</p> <p><b>Matlamat 5: Kesaksamaan Gender</b></p> <p><b>Sasaran 5.1</b> - Menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita.</p> <p><b>Sasaran 5.4</b> - Mengiktiraf dan menghargai kerja penjagaan dan kerja rumah tidak berbayar melalui penyediaan perkhidmatan awam, infrastruktur dan dasar perlindungan sosial.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA                                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN                        | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|---------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|----------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 15.  | <b>Gangguan terhadap aktiviti perikanan</b> | <p>Kawasan tangkapan nelayan mengecil kerana terdapat aktiviti pelancongan seperti homestay dan <i>resort</i> yang menghalang kegiatan menangkap ikan dan ketam di kawasan perairan berdekatan.</p> <p>Terdapat nelayan luar yang menggunakan pukut tunda menyebabkan ikan berkurangan dan menjejaskan mata pencarian nelayan tempatan. ini menyebabkan hasil tangkapan semakin berkurang dan pendapatan nelayan menurun.</p> | Ekonomi | Nelayan          | <p>DUN Sulabayan</p> <p>DUN Bugaya</p> | <p><b>Matlamat 2: Tiada Kelaparan</b><br/> <b>Sasaran 2.3</b> - Meningkatkan produktiviti pertanian dan perikanan.</p> <p><b>Matlamat 14: Hidupan di Laut</b><br/> <b>Sasaran 14</b> - Mengatur secara berkesan aktiviti penangkapan ikan dan menghapuskan amalan penangkapan yang berlebihan dan merosakkan.</p> |
| 16.  | <b>Ketiadaan pusat</b>                      | Penduduk tidak mempunyai pusat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Ekonomi | Penduduk Kampung | DUN Sulabayan                          | <b>Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi</b>                                                                                                                                                                                                                                                        |

| BIL. | ISU UTAMA                                                                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                          | DIMENSI      | KUMPULAN SASARAN         | KAWASAN SASARAN                | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                               |
|------|-----------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|--------------------------|--------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      | <b>kebudayaan dan latihan ekonomi</b>                                       | kebudayaan untuk mempromosikan hasil seni dan kraftangan tempatan sebagai sumber pendapatan alternatif.                                                                                                             |              |                          | DUN Bugaya                     | <p><b>Sasaran 8.2</b> - Meningkatkan pengeluaran dan penggunaan yang mampan.</p> <p><b>Matlamat 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab</b><br/> <b>Sasaran 12.2</b> - Menggunakan sumber daya alam dengan berkesan.</p>                 |
| 17.  | <b>Penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan yang rendah</b> | <p>Kawasan pelancongan yang berpotensi seperti jeti di Kg. Gading-gading belum dibangunkan sepenuhnya.</p> <p>Penduduk tidak mempunyai modal atau kemahiran untuk menjalankan perniagaan berkaitan pelancongan.</p> | Ekonomi      | Pengusaha pelancongan    | DUN Sulabayan<br>DUN Senallang | <p><b>Matlamat 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi</b><br/> <b>Sasaran 8.9</b> - Meningkatkan sektor pelancongan yang mampan.</p> <p><b>Matlamat 1: Tiada Kemiskinan</b><br/> <b>Sasaran 1.2</b> - Menurunkan jumlah penduduk miskin.</p> |
| 18.  | <b>Gangguan hidupan liar</b>                                                | Haiwan liar seperti monyet dan babi hutan merosakkan tanaman penduduk kampung.                                                                                                                                      | Alam Sekitar | Penduduk Kampung Nelayan | DUN Sulabayan<br>DUN Bugaya    | <p><b>Matlamat 15: Hidupan di Daratan</b><br/> <b>Sasaran 15.1</b> - Menjamin pemuliharaan dan pemulihan ekosistem daratan dan spesies,</p>                                                                                                      |

| BIL. | ISU UTAMA                                      | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | DIMENSI      | KUMPULAN SASARAN                                         | KAWASAN SASARAN                                             | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                            |
|------|------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|----------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                | <p>Kg. Gading-gading menghadapi ancaman buaya yang membahayakan nelayan dan penduduk yang menggunakan air sungai.</p> <p>Obor-obor di Kg. Tandoan mengganggu aktiviti perikanan dan keselamatan penduduk yang bekerja di laut.</p> <p>Kg. Salakan melaporkan gangguan ular yang membahayakan keselamatan penduduk.</p> |              |                                                          | DUN Senallang                                               | termasuk hutan, kawasan padang pasir, kawasan basah, dan kawasan gunung.                                                                      |
| 19.  | <b>Pengurusan sampah yang tidak sistematik</b> | Ketiadaan pengurusan sampah yang sistematik menyebabkan penduduk terpaksa membuang sampah ke laut.                                                                                                                                                                                                                     | Alam Sekitar | <p>Penduduk Kampung</p> <p>Penduduk kampung atas air</p> | <p>DUN Sulabayan</p> <p>DUN Bugaya</p> <p>DUN Senallang</p> | <p><b>Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan</b></p> <p><b>Sasaran 11.6</b> - Mengurangkan impak negatif daripada sampah dan pencemaran.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                             | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|------|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------------------|-----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |           | <p>Terdapat keperluan untuk pembinaan tembok bagi menghalang sampah masuk ke kawasan perkampungan (Kg. Kabimbangan)</p> <p>Ketiadaan tempat pengumpulan sampah menyebabkan sampah tidak dapat diurus dengan baik. (Kg Aman Jaya dan Kg Menteritip)</p> |         |                  |                 | <p><b>Matlamat 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim</b><br/> <b>Sasaran 13.3</b> - Meningkatkan kesedaran dan pendidikan perubahan iklim.</p> <p><b>Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi</b><br/> <b>Sasaran 6.3</b> - Meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, membuang bahan kimia dan bahan berbahaya, serta mengurangkan pelepasan air sisa yang tidak dirawat.</p> |

#### 4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

##### 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

| BIL.                                                                                                                                                                                       | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                             |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 1:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Gading-Gading<br><b>Tarikh:</b> 07 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 16 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam tiga kumpulan |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan</li> <li>2. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna</li> </ol> |
| 1.                                                                                                                                                                                         | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | Penduduk menjelaskan kesukaran penduduk kampung untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan akibat kekangan pengangkutan dan jarak klinik yang jauh. Peserta FGD menjelaskan bahawa mereka sebelum ini berklินิก di Kunak, namun kini perlu ke Semporna untuk rawatan. Hal ini menimbulkan cabaran besar khususnya bagi suri rumah yang tidak mempunyai kenderaan sendiri dan suami bekerja jauh di Kota Kinabalu. | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                          |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |     | Bas yang ada hanya sampai ke Kunak, menyebabkan mereka perlu menempuh perjalanan berlapis bermula dari kampung ke Kunak, kemudian ke Semporna atau Tagasan. Tambahan pula, isu penerimaan pesakit di klinik berbeza kawasan (contohnya Tagasan dan Pangi) menjadikan akses rawatan semakin sukar.                                                                                                                                                                                                                                          |                           |
|      |     | Peserta menjelaskan isu infrastruktur jalan tidak lengkap yang menjejaskan akses penduduk dan pasukan keselamatan di kawasan kampung. Menurut peserta FGD, jalan berturap hanya dibuat hingga ke kawasan sekolah dan tidak disambung hingga ke pos pasukan keselamatan PGA Batalion 22 Kunak serta helipad yang terletak kira-kira 1 kilometer dari situ. Penduduk juga memaklumkan bahawa mereka pernah mengemukakan permohonan kepada pihak JKR untuk menambah baik jalan tersebut, namun belum ada tindakan lanjut diambil. Keadaan ini | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|------|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan, kemudahan perhubungan, dan kesiapsiagaan pasukan keselamatan di kawasan tersebut.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|      |     | Peserta menjelaskan isu bekalan air bersih yang terhad dan masalah kebocoran paip di kampung. Penduduk memaklumkan bahawa bekalan air hanya disalurkan dua hari seminggu, iaitu pada hari Sabtu dan Ahad. Selain itu, terdapat banyak paip bocor yang menyebabkan pembaziran air, namun aduan yang dibuat tidak mendapat sebarang tindakan daripada pihak berkuasa. Keadaan ini menjejaskan kehidupan harian penduduk dan menunjukkan kelemahan dalam penyelenggaraan serta pengurusan infrastruktur asas. | <b>Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan:</b> Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan menjelaskan bahawa Kampung Pababag tidak mempunyai akses kepada air bersih dan hanya bergantung kepada air perigi. Beliau menegaskan bahawa penyaluran air bersih ke kampung tersebut adalah mungkin dilaksanakan, sama ada dari Pekan Semporna ke Balimbang atau melalui sambungan dari tanah besar Pababag melalui Kampung Tampi Kapor dan Lihak-Lihak. Isu air bersih dianggap sebagai keperluan utama yang perlu diberi perhatian segera. |
|      |     | Peserta menjelaskan kekurangan kemudahan asas dan isu keselamatan infrastruktur di kampung. Penduduk mencadangkan pembinaan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |

| BIL. | ISU                                                                                               | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                                   | dewan terbuka atau gelanggang sukan bagi menyediakan ruang aktiviti untuk kanak-kanak dan belia yang kini tiada kemudahan rekreasi. Selain itu, mereka turut membangkitkan keadaan jeti dan jambatan yang uzur, yang pernah menyebabkan kematian akibat runtuh, dan hanya dibaiki selepas tragedi berlaku. Hal ini menunjukkan kelewatan tindakan pihak berkuasa serta keperluan mendesak untuk penyelenggaraan dan pembinaan infrastruktur asas yang selamat. |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 2.   | Cabaran pendidikan bagi pelajar tanpa dokumen dan kos pengangkutan tinggi di kawasan luar bandar. | Peserta menjelaskan dua isu utama berkaitan pendidikan di kampung, iaitu masalah pendaftaran dan kesinambungan persekolahan bagi kanak-kanak tanpa dokumen serta beban kos pengangkutan bagi pelajar yang tinggal jauh dari sekolah.                                                                                                                                                                                                                           | <b>Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:</b> Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia |

| BIL. | ISU                                                                                         | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                             | <p>Peserta FGD menjelaskan bahawa walaupun terdapat murid tanpa dokumen pengenalan diri, mereka masih dibenarkan bersekolah jika salah seorang ibu bapa mempunyai kad pengenalan. Namun, cabaran timbul apabila pelajar ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah, kerana ketiadaan dokumen menjadi halangan utama untuk pendaftaran rasmi.</p> <p>Selain itu, pelajar yang tinggal di luar kawasan terpaksa menanggung kos pengangkutan yang tinggi (RM150 sebulan) atau tinggal di asrama kerana jarak ke sekolah terlalu jauh.</p> | <p>berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang.</p> |
| 3.   | Keterbatasan ekonomi sara diri dan cabaran akses kepada bantuan agensi di kawasan terpencil | <p>Peserta menjelaskan kesukaran ekonomi dan keterasingan komuniti luar bandar yang hidup dalam keadaan serba kekurangan. Peserta FGD menjelaskan bahawa aktiviti ekonomi penduduk kebanyakannya bersifat sara diri, seperti menangkap ikan menggunakan peralatan</p>                                                                                                                                                                                                                                                                         | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |

| BIL. | ISU                                                                                                                     | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                                                                                         | <p>tradisional dan mendayung ke laut tanpa sokongan teknologi moden.</p> <p>Mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bantuan daripada agensi kerajaan, disebabkan oleh pelbagai rintangan termasuk lokasi terpencil dan kurangnya perhatian daripada pihak berwajib. Hal ini menyebabkan penduduk terpaksa bergantung sepenuhnya kepada sumber semula jadi untuk kelangsungan hidup tanpa pendapatan tetap.</p> |                           |
| 4.   | Kekangan akses barangan keperluan dan pergantungan tinggi terhadap pusat bandar akibat kekurangan kemudahan di kampung. | <p>Peserta menjelaskan cabaran akses terhadap kemudahan asas dan keperluan harian yang dihadapi oleh penduduk luar bandar, khususnya mereka yang tinggal jauh dari pusat bandar Kunak. Peserta FGD menerangkan bahawa mereka perlu berulang-alik ke Kunak atau Tawau untuk mendapatkan barangan asas seperti</p>                                                                                                          | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | <p>keperluan rumah dan peralatan sekolah kerana tiada kedai lengkap di kampung.</p> <p>Mereka juga menyebut tentang keperluan untuk tinggal di asrama bagi pelajar yang bersekolah jauh, dan apabila pulang hujung minggu, mereka perlu mengatur perjalanan yang panjang dan memakan masa. Walaupun kemudahan sekolah dianggap memadai, akses terhadap barangan dan ekonomi tempatan masih terhad.</p> |                        |

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

| BIL.                                                                                                                                                                                     | ISU                                           | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                            |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 2:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Lihak-Lihak<br><b>Tarikh:</b> 07 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 11 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam tiga kumpulan |                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna</li> <li>2. Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna</li> </ol> |
| 1.                                                                                                                                                                                       | Keperluan infrastruktur dan perkhidmatan awam | Penduduk di kawasan Lihak-Lihak menghadapi kesukaran mendapatkan rawatan kesihatan kerana ketiadaan klinik tetap di kawasan mereka. Lokasi kampung yang terpencil dan jauh dari hospital di Kunak serta Semporna menyebabkan penduduk terpaksa menempuh perjalanan jauh untuk mendapatkan rawatan, termasuk bagi kes kecemasan seperti bersalin, yang kadangkala berisiko melahirkan sebelum sempat tiba di hospital. Dahulu pernah wujud sebuah Klinik Desa di kawasan ini, namun bangunan tersebut dirobohkan apabila pembinaan jalan dijalankan dan sehingga kini belum ada tindakan untuk membina semula klinik baharu walaupun terdapat tapak kosong yang sesuai. Kini, | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                         |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |     | perkhidmatan kesihatan hanya dijalankan sebulan sekali oleh pasukan kesihatan bergerak bagi rawatan ringan, manakala kes serius perlu dirujuk ke hospital. Penduduk menegaskan keperluan mendesak untuk membina semula klinik tetap bagi memudahkan akses rawatan, terutamanya bagi kes kecemasan dan pemeriksaan kehamilan.                             |                           |
|      |     | Penduduk kampung menghadapi masalah liputan rangkaian telefon yang lemah di kawasan mereka, termasuk di sekitar dewan kampung. Isu ini telah lama dibangkitkan kepada pihak berwajib melalui ketua kampung, dan kini difahamkan ada usaha untuk mengemukakan cadangan pembinaan pencawang bagi memperbaiki kekuatan isyarat telefon di kawasan tersebut. | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                             |
|------|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | Penduduk Kampung Lihak-Lihak menekankan keperluan mendesak untuk membina sebuah dewan serbaguna di kampung mereka. Sebagai kawasan pusat dan zon mengundi, kampung ini sering menjadi lokasi perhimpunan serta aktiviti melibatkan penduduk dari kampung lain. Namun, ketiadaan dewan menyebabkan mereka terpaksa meminjam dewan sekolah bagi setiap acara. Kini, pihak sekolah mengenakan syarat agar permohonan penggunaan dewan dibuat sebulan lebih awal, yang menyukarkan perancangan segera. Situasi ini menimbulkan kesulitan kepada penduduk dan mengukuhkan keperluan pembinaan dewan serbaguna sendiri di Kampung Lihak-Lihak. | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                          |
|      |     | Penduduk menjelaskan bahawa di kawasan mereka hanya terdapat sekolah rendah kerana bilangan pelajar tidak mencukupi untuk menubuhkan sekolah menengah. Oleh itu,                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | <b>Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:</b> Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | <p>pelajar terpaksa melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah di Semporna. Sebahagian pelajar tinggal di asrama, manakala yang lain berulang-alik menggunakan kenderaan sendiri, dihantar oleh ibu bapa, atau menaiki kereta sewa. Namun, kos pengangkutan menjadi beban kepada keluarga, terutama bagi mereka yang bekerja sebagai petani, kerana tambang bulanan sekitar RM200 dianggap tinggi. Situasi ini menggambarkan cabaran penduduk luar bandar dalam mendapatkan akses pendidikan menengah yang mudah dan mampu milik.</p> | <p>daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang.</p> |
|      |     | <p>Penduduk memaklumkan bahawa kampung mereka pernah mengalami beberapa kejadian kebakaran serius yang menyebabkan</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <p><i>Tiada maklum balas</i></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |     | kemusnahan teruk, termasuk kejadian pada bulan Ramadan tahun lalu di mana beberapa rumah hangus sepenuhnya. Mereka menjelaskan bahawa apabila insiden berlaku, panggilan kecemasan perlu melalui jabatan tertentu dan menyebabkan kelewatan ketibaan pasukan bomba. Akibatnya, api sudah memusnahkan keseluruhan rumah sebelum bantuan tiba. Oleh itu, penduduk menekankan keperluan mendesak untuk menubuhkan balai bomba di kawasan mereka bagi memastikan tindak balas pantas dan mengurangkan kerosakan serta kehilangan harta benda pada masa hadapan. |                           |
|      |     | Penduduk menerangkan bahawa masalah utama yang dihadapi kini ialah liputan talian telefon yang lemah. Walaupun tiang pencawang telah didirikan, rangkaian masih belum berfungsi sepenuhnya kerana proses penyambungan talian belum selesai. Mereka berharap pembinaan                                                                                                                                                                                                                                                                                       | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                               | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|------|-----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                   | pencawang tersebut dapat disiapkan segera bagi memperbaiki capaian komunikasi di kawasan tersebut.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 2.   | Isu keselamatan dan gejala sosial | <p>Peserta FGD menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan gejala sosial dan keselamatan di kawasan mereka, termasuk kehadiran ramai pendatang asing serta aktiviti pengedaran dadah yang semakin berleluasa di sekitar kampung. Isu ini dikatakan menjejaskan keselamatan penduduk di sembilan kampung sekitar seperti Kampung Lihak-Lihak, Kampung Sungai Nasip, Kampung Sungai Baru, Kampung Siaban, Kampung Rasap, Kampung Tampi Kapor serta tiga kawasan Bakong-Bakong iaitu Bakong-Bakong Sajadah, Bakong-Bakong Sapi dan Bakong-Bakong Kambing. Peserta menegaskan keperluan untuk mewujudkan balai polis atau meningkatkan kehadiran pihak berkuasa bagi</p> | <p><b>Ibu Pejabat Daerah Semporna:</b> Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahih diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum</p> |

| BIL. | ISU                                                         | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                 |
|------|-------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                             | membendung masalah sosial yang semakin membimbangkan di kawasan tersebut.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku. |
| 3.   | Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dan kehidupan alam | Penduduk menghadapi gangguan haiwan liar, khususnya monyet. Walaupun penduduk berminat untuk bercucuk tanam, usaha mereka sering terganggu kerana monyet merosakkan tanaman. Monyet bukan sahaja memakan hasil tanaman, malah kadang-kadang menumbangkan atau merosakkan tanaman tanpa dimakan, menyebabkan penduduk hilang motivasi untuk bertani, terutama bagi tanaman yang ditanam untuk dijual. Penduduk juga menghadapi risiko keselamatan, kerana sesetengah monyet boleh menyerang manusia, mengakibatkan kecederaan yang memerlukan rawatan hospital. Keadaan ini menunjukkan bahawa aktiviti pertanian di kampung terjejas bukan hanya dari segi hasil tetapi juga keselamatan, menambah cabaran | <i>Tiada maklum balas</i>                                              |

| BIL. | ISU                                     | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                         | kepada penduduk yang bergantung kepada pertanian sebagai sumber pendapatan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                           |
| 4.   | Pengurusan sampah yang tidak sistematik | Penduduk membuang sampah secara tidak teratur, termasuk ke sungai di sekitar jambatan, yang menyebabkan sampah hanyut dan turut dimanfaatkan oleh monyet atau anjing. Terdapat amalan pembuangan yang berbeza mengikut jenis sampah; sampah basah dibuang begitu sahaja kerana dimakan oleh anjing, manakala sampah kering dikumpulkan dan dibuang di satu lokasi tertentu. Keadaan ini menunjukkan kekurangan kemudahan pengurusan sampah yang sistematik, sekaligus menimbulkan isu kebersihan dan kesan terhadap alam sekitar di kawasan kampung. | <i>Tiada maklum balas</i> |

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

| BIL.                                                                                                                                                                                   | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                               |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 3:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Mentelitim<br><b>Tarikh:</b> 08 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 7 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam tiga kumpulan |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna |
| 1                                                                                                                                                                                      | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | <p>Transkrip ini menggambarkan beberapa isu berkaitan akses kesihatan di kampung: Pertama, kos pengangkutan yang tinggi menyebabkan sesetengah penduduk tidak mampu ke hospital, sekali gus menghalang mereka mendapatkan rawatan. Kedua, penduduk menekankan keperluan klinik tetap di kampung kerana kesukaran untuk ke pekan atau bandar apabila sakit. Ketiga, klinik bergerak yang ada kini kurang teratur; kadangkala mereka datang tanpa jadual tetap atau meninggalkan kampung tanpa pemberitahuan, menyebabkan penduduk sukar merancang dan mengakses perkhidmatan kesihatan secara konsisten. Secara keseluruhan, isu utama ialah akses kesihatan yang terhad dari segi kos, lokasi, dan pengurusan perkhidmatan.</p> <p>Penduduk menyatakan keadaan jalan dan sistem perparitan di kampung mereka menjadi isu sosial yang serius. Jalan yang rosak menyukarkan</p> | <p><i>Tiada maklum balas</i></p> <p><i>Tiada maklum balas</i></p>                    |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | pergerakan, termasuk akses pelajar ke sekolah, dan risiko jalan putus apabila hujan meningkat. Selain itu, sistem perparitan yang tidak mencukupi menyebabkan banjir dan merosakkan jalan walaupun selepas baik pulih. Secara keseluruhan, penduduk menekankan keperluan pembaikan jalan dan sistem perparitan yang berkesan bagi memastikan mobiliti selamat dan infrastruktur kampung lebih tahan cuaca.                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|      |     | Peserta FGD menyuarakan beban kewangan yang dihadapi keluarga di kampung akibat tiada sekolah menengah berdekatan. Anak-anak terpaksa menumpang bas ke sekolah di Tagasan dengan kos sekitar RM100 seorang sebulan, yang boleh mencecah RM400 untuk keluarga dengan empat anak. Bagi penduduk berpendapatan rendah, jumlah ini sangat membebankan. Oleh itu, mereka menegaskan keperluan mendesak untuk menubuhkan sekolah menengah berhampiran bagi mengurangkan kos pengangkutan dan memudahkan akses pendidikan. | <b>Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:</b> Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                        |
|------|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang. |
|      |     | Penduduk kampung menyuarkan masalah bau sampah yang serius dari tapak pembuangan berhampiran kawasan mereka, yang menyebabkan kerap sakit seperti selsema, demam, dan alahan. Masalah ini timbul terutama ketika hujan atau apabila arah angin bertiup ke kampung, dan sebelumnya tiada keluhan kesihatan kerana kawasan itu bebas sampah. Penduduk juga menyedari bahawa tapak pembuangan tersebut telah disewa oleh pihak tertentu dengan persetujuan majlis daerah, tetapi keberadaan dan bau busuknya menimbulkan kebimbangan serta ketidakselesaian dalam kalangan masyarakat kampung. | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                                                     |
|      |     | Peserta FGD menyatakan bahawa kemudahan sukan untuk belia di kampung mereka kebanyakannya telah rosak dan masih belum                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                                                     |

| BIL. | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|--------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                        | diperbaiki, menyebabkan aktiviti sukan dan rekreasi bagi golongan muda terhad.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                           |
| 2.   | Isu pekerjaan dan ekonomi belia di kawasan luar bandar | Transkrip ini menjelaskan bahawa ekonomi penduduk kampung bergantung kepada pertanian, khususnya sawit, yang kini berumur 20-25 tahun dan menghasilkan hasil yang menurun. Pendapatan isi rumah rendah, menyebabkan golongan belia sukar mendapatkan pekerjaan tetap. Sesetengah penduduk bekerja sambil atau menjalankan aktiviti kampung seperti menyabit, manakala sebahagian lain memasuki pasukan keselamatan. Isu pengangguran belia juga semakin menekan disebabkan oleh gaji rendah, ketidakpatuhan majikan terhadap undang-undang pekerjaan, dan masalah dokumentasi seperti tiada kad pengenalan. Akibatnya, ramai belia berhijrah ke Semenanjung untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik, sementara peluang pekerjaan tempatan tidak mencukupi atau tidak adil. | <i>Tiada maklum balas</i> |

Jadual 7 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

| BIL.                                                                                                                                                                                               | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                              |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 4:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Timbayan, Tampi Tampi<br><b>Tarikh:</b> 08 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 15 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam tiga kumpulan |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. Sabah Electricity |
| 1.                                                                                                                                                                                                 | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | Transkrip ini menggambarkan isu utama akses air bersih di kampung yang berlarutan. Penduduk menegaskan bahawa walaupun ketua kampung telah beberapa kali menghubungi Jabatan Air, masalah penghantaran air tidak diselesaikan dan mereka sering menghadapi alasan teknikal seperti keadaan jalan berbukit. Air graviti yang ada hanya sesuai untuk mandi, manakala air minum terpaksa dibeli daripada Jabatan Air atau lori swasta dengan kos sekitar RM40 untuk satu tangki 400 liter, yang masih bukan air bersih sepenuhnya. Situasi ini menimbulkan beban kewangan tambahan, terutama bagi keluarga berpendapatan rendah atau yang mempunyai anak tidak berkerjaya. Secara keseluruhan, isu air bersih dianggap sebagai keperluan asas yang kritikal, bersama-sama dengan keadaan jalan yang turut menjejaskan kualiti hidup penduduk. | <i>Tiada maklum balas</i>                                           |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | Ketiadaan bekalan elektrik menyebabkan penduduk mencadangkan supaya kawasan ini dipasangkan sistem solar bagi menjimatkan kos sara hidup yang tinggi. Pemasangan solar dilihat sebagai langkah praktikal untuk mengurangkan perbelanjaan elektrik dan meringankan beban kewangan penduduk.                                                                                                                                                                                                                                           | <b>Sabah Electricity:</b> Wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa di Pulau Pababag sudah terdapat sistem solar yang diselia SESB, tetapi ia masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua penduduk yang dianggarkan seramai 2 hingga 3 ribu orang. Terdapat juga sebahagian meter yang belum dipasang, menyebabkan sesetengah rumah terpaksa menggunakan sambungan sementara. Selain itu, bekalan elektrik di pulau ini tidak stabil, kadang-kadang hidup dan kadang-kadang terputus. Masalah air bersih turut menjadi isu kerana tiada sistem perkhidmatan air tersedia. |
|      |     | Transkrip ini menekankan beberapa isu utama di kampung berkaitan akses kesihatan dan kebajikan. Penduduk menyatakan bahawa klinik jauh dan sukar diakses kerana kenderaan jarang masuk, menyebabkan mereka terpaksa menunggu berjam-jam atau menanggung kos tambang yang tinggi, sekali gus menyukarkan ibu tunggal atau balu yang tiada pendapatan untuk mendapatkan rawatan. Selain itu, terdapat masalah dalam pemberian bantuan kebajikan; ibu tunggal yang memerlukan kadangkala tidak menerima bantuan kerana proses pemilihan | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |

| BIL. | ISU                                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                                | dianggap rumit atau tidak jelas, mungkin ditentukan oleh pegawai di pejabat kebajikan. Secara keseluruhan, isu utama adalah **akses kesihatan dan keadilan dalam pemberian bantuan kebajikan kepada golongan rentan.**                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                           |
| 2.   | Isu kebajikan dan bantuan sosial                               | Peserta FGD menyuarakan isu berkaitan kebajikan, khususnya bantuan kepada ibu tunggal. Beliau menekankan bahawa ibu tunggal yang tiada pendapatan sering tidak dipilih atau diluluskan untuk bantuan, walaupun mereka mempunyai anak yang bergantung. Keputusan untuk memilih penerima bantuan dikaitkan dengan pejabat kebajikan tempatan, tetapi prosesnya dianggap rumit dan memerlukan pelbagai pertimbangan sebelum kelulusan diberikan, menyebabkan sebahagian golongan yang memerlukan tertinggal. | <i>Tiada maklum balas</i> |
| 3.   | Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam | Penduduk melaporkan masalah serangan monyet di kawasan mereka yang sering merosakkan barang dapur dan makanan, menambah beban kos sara hidup yang sedia tinggi. Monyet-monyet tersebut bukan sahaja mengambil makanan tetapi juga merosakkan atau memecahkan barang, seperti gula, tepung,                                                                                                                                                                                                                | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                                                              | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                       | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                                  | dan biskut. Penduduk mencadangkan supaya pihak PERHILITAN dipanggil untuk menangkap atau mengawal monyet-monyet ini bagi mengurangkan kerosakan dan kesulitan yang dihadapi.                                                     |                           |
| 4.   | Cabaran nelayan tradisional dalam menjalankan kegiatan perikanan | Peserta FGD menjelaskan bahawa kehidupan nelayan bergantung sepenuhnya kepada keadaan cuaca dan rezeki. Pendapatan mereka tidak menentu; kadangkala mendapat hasil yang mencukupi, kadang-kadang hanya sedikit atau baki sahaja. | <i>Tiada maklum balas</i> |

Jadual 8 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

| BIL.                                                                                                                                                                                      | ISU                                              | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                 |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 5:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Bangau-Bangau<br><b>Tarikh:</b> 08 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 9 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam tiga kumpulan |                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Daerah Semporna</li> <li>2. Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna</li> </ol> |
| 1.                                                                                                                                                                                        | Isu penempatan dan pengiktirafan warisan kampung | Transkrip ini menekankan isu penempatan dan pengiktirafan warisan kampung. Kampung ini ditubuhkan pada 1955 dan telah diusulkan sebagai kampung warisan sejak 2018, diluluskan pada 2020, namun pelaksanaannya tidak jelas selepas pertukaran kerajaan, termasuk peruntukan yang sepatutnya digunakan untuk membina rumah. Selain itu, penduduk Kampung Bangau-bangau menegaskan keutamaan mereka ialah mempunyai penempatan tetap, termasuk di kawasan laut (KUL), untuk memastikan keselamatan dan hak mereka terjamin, tanpa mengira siapa wakil rakyat di kawasan tersebut. | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                              |
| 2.                                                                                                                                                                                        | Isu dokumentasi dan status warganegara           | Peserta ini menyuarakan isu dokumentasi dan status warganegara dalam kalangan penduduk Kampung Bangau-bangau. Pertama, ramai penduduk, terutamanya yang berumur sekitar 40 tahun dengan keluarga besar, menghadapi kesukaran mengurus dokumen penting kerana                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                        |

| BIL. | ISU                                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------|------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                        | <p>kekurangan pendidikan dan rasa takut berurusan dengan pihak beruniform.</p> <p>Kedua, isu perkahwinan dan kelahiran anak timbul apabila salah seorang pasangan adalah warganegara Bajau Laut (PTI), menyebabkan anak mereka menghadapi kesukaran mendapatkan sijil lahir dan akses pendidikan. Sebelum ini, undang-undang membenarkan anak-anak daripada pasangan sebegini mendapat sijil lahir dan bersekolah, tetapi perubahan undang-undang terkini menimbulkan kekeliruan. Penduduk berharap undang-undang yang lebih memahami situasi komuniti Bangau-bangau dapat dikembalikan bagi memastikan hak dokumentasi dan pendidikan anak-anak mereka terjamin.</p> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| 3.   | Cabaran ekonomi dan ketergantungan nelayan terhadap sumber alternatif. | <p>Transkrip ini menjelaskan isu ekonomi penduduk nelayan di kampung tersebut. Kawasan laut yang sebelum ini menjadi sumber rezeki kini dilarang kerana perlindungan taman laut dan aktiviti pelancongan, menyebabkan nelayan kehilangan akses menangkap hasil laut. Akibatnya, mereka terpaksa mencari pekerjaan lain seperti berniaga runcit, tetapi pendapatan sangat tidak menentu,</p>                                                                                                                                                                                                                                                                           | <p><b>Pejabat Daerah Semporna:</b> Aktiviti pukat tunda di sekitar Pulau Pababag sebelum ini menyebabkan penduduk kampung kehilangan sumber rezeki kerana ikan mudah tersangkut. Kini, kehadiran pukat tunda berkurangan disebabkan adanya struktur 'bagang', walaupun pemantauan pihak berkuasa marin terhadap aktiviti ini tidak diketahui sepenuhnya. Selain isu perikanan, masalah prasarana</p> |

| BIL. | ISU                                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|------|------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                        | antara RM500 hingga RM1,000 sebulan. Penduduk mencadangkan supaya geran tanah diberikan, contohnya 5 ekar setiap keluarga, sebagai alternatif untuk menambah sumber pendapatan dan menampung kehidupan mereka.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | menjadi isu utama, termasuk jambatan yang baru-baru ini roboh akibat air pasang besar. Penduduk mencadangkan agar jambatan dibina semula menggunakan konkrit bagi ketahanan jangka panjang. Selain itu, keperluan terhadap kemudahan asas lain seperti balai raya, dewan dan masjid turut ditekankan sebagai keperluan penting bagi pembangunan Pulau Pababag.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 4.   | Penyalahgunaan dadah dan kesannya terhadap pendidikan dan sosial belia | Transkrip ini menekankan isu sosial berkaitan penyalahgunaan dadah dan gam di kalangan penduduk, terutama remaja dan pelajar. Penduduk menyatakan bahawa dadah seperti syabu dan gam mudah diperolehi, termasuk oleh kanak-kanak dan pelajar sekolah rendah. Aktiviti ini bukan sahaja membahayakan generasi muda tetapi juga menjejaskan pendidikan, dengan ramai anak-anak mula ponteng sekolah atau berisiko terhenti belajar kerana pengaruh dadah. Penduduk menggesa agar isu ini dibawa ke peringkat parlimen untuk tindakan serius, kerana ia memberi kesan negatif terhadap pembangunan sosial dan masa depan belia di kampung. | <b>Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna:</b> Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahih diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum |

| BIL. | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                 |
|------|--------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku. |
| 5.   | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | Peserta menyuarakan isu pengurusan sampah di Semporna yang kurang berkesan. Penduduk menjelaskan bahawa kerana tiada sistem pelupusan sampah yang baik, sampah sering dibuang ke laut, mengakibatkan pencemaran, terutamanya di kawasan pelancongan. Sampah plastik yang berselerak juga menjejaskan aktiviti seperti navigasi bot. Penduduk mencadangkan supaya kerajaan mengambil langkah proaktif, termasuk membeli atau mengutip sampah, bagi mengurangkan pembuangan ke laut dan mengekalkan kebersihan serta kelestarian alam sekitar. | <i>Tiada maklum balas</i>                                              |
|      |                                                        | Peserta menyuarakan isu kelewatan dan pengurusan kurang cekap di hospital kecemasan Semporna. Penduduk melaporkan bahawa walaupun telah mengambil nombor giliran, pesakit terpaksa menunggu 2-3 jam sebelum dipanggil, dan beberapa kes ketidakpuasan ini pernah tular di media sosial. Aduan rasmi telah dibuat melalui saluran kementerian dan laman web hospital, tetapi masalah masih berterusan.                                                                                                                                        | <i>Tiada maklum balas</i>                                              |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |     | Isu ini menimbulkan rasa frustrasi kerana layanan kecemasan sepatutnya lebih cepat dan berkesan.                                                                                                                                                                                                     |                           |
|      |     | Peserta menjelaskan isu bekalan air di kampung yang tidak konsisten. Walaupun ada sistem bekalan, air hanya masuk jarang-jarang, sekitar sekali atau dua kali seminggu, dan kadang-kadang terputus selama beberapa hari sebelum disambung semula. Situasi ini menyukarkan kehidupan harian penduduk. | <i>Tiada maklum balas</i> |

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

| BIL.                                                                                                                                                                                | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 6:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Pababag<br><b>Tarikh:</b> 09 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 14 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam dua kumpulan |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Anak Negeri Sulabayan</li> <li>2. Sabah Electricity</li> <li>3. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna</li> <li>4. Pejabat Daerah Semporna</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 1.                                                                                                                                                                                  | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | Transkrip ini menjelaskan masalah bekalan air di kampung yang tidak mencukupi dan tidak stabil. Penduduk terpaksa bergantung kepada beberapa perigi sahaja (lebih kurang 5 buah) dan kadang-kadang membeli pam air sendiri untuk menyalurkan air ke rumah. Kapasiti perigi tidak mencukupi untuk menampung jumlah penduduk yang ramai (sekitar 100 rumah), menyebabkan mereka terpaksa bergilir-gilir mendapatkan air. Usaha kerajaan untuk membantu, seperti memasang pam atau perigi tambahan, amat terbatas atau tidak berkesan kerana cepat rosak. | <b>Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan:</b> Ketua Anak Negeri Daerah Sulabayan menjelaskan bahawa Kampung Pababag tidak mempunyai akses kepada air bersih dan hanya bergantung kepada air perigi. Beliau menegaskan bahawa penyaluran air bersih ke kampung tersebut adalah mungkin dilaksanakan, sama ada dari Pekan Semporna ke Balimbang atau melalui sambungan dari tanah besar Pababag melalui Kampung Tampi Kapor dan Lihak-Lihak. Isu air bersih dianggap sebagai keperluan utama yang perlu diberi perhatian segera. |
|                                                                                                                                                                                     |                                                        | Penduduk kampung menggunakan tenaga solar sebagai sumber utama elektrik. Menurutny, kemudahan tenaga solar itu dibekalkan oleh kerajaan dan digunakan secara menyeluruh oleh semua rumah di pulau berkenaan. Ini bermakna keseluruhan pulau tidak mempunyai bekalan                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <b>Sabah Electricity:</b> Wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa di Pulau Pababag sudah terdapat sistem solar yang diselia SESB, tetapi ia masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua penduduk yang dianggarkan seramai 2 hingga 3 ribu orang. Terdapat juga sebahagian meter yang                                                                                                                                                                                                                           |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                            |
|------|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | elektrik arus perdana (karan), sebaliknya hanya bergantung kepada tenaga solar untuk memenuhi keperluan harian.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | belum dipasang, menyebabkan sesetengah rumah terpaksa menggunakan sambungan sementara. Selain itu, bekalan elektrik di pulau ini tidak stabil, kadang-kadang hidup dan kadang-kadang terputus. Masalah air bersih turut menjadi isu kerana tiada sistem perkhidmatan air tersedia |
|      |     | Peserta menyuarakan keperluan infrastruktur asas di kampung, khususnya dewan serbaguna dan jambatan. Penduduk menjelaskan bahawa mereka tiada dewan untuk majlis seperti perkahwinan atau pengebumian, berbeza dengan kampung lain yang sudah ada. Selain itu, jambatan yang menghubungkan kampung ke sekolah penting untuk keselamatan murid; sebelum ini, jambatan roboh (tahun 2023) dan menyebabkan risiko kepada pelajar, memaksa mereka bergantung pada perahu atau pinjaman jambatan sementara. Penduduk menekankan bahawa kewujudan dewan dan jambatan tetap amat diperlukan untuk keselamatan dan kemudahan harian. | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                                                                         |
|      |     | Peserta menyuarakan cabaran akses pendidikan menengah bagi pelajar di kampung tersebut. Pelajar yang ingin melanjutkan ke sekolah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | <b>Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:</b> Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah                                                                                                                                              |

| BIL. | ISU                                                                 | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------|---------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                     | menengah terpaksa pergi ke SMK Bugaya 2 menggunakan bot dan bas, dengan kos sekitar RM150 sebulan sebelum termasuk makan dan belanja harian. Kos yang tinggi ini menyebabkan ramai pelajar, terutama dari keluarga berpendapatan rendah, tidak mampu meneruskan pendidikan, sehingga hanya mampu belajar hingga UPSR atau terpaksa berhenti sekolah. | menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang. |
| 2.   | Kesukaran mendapatkan permohonan lesen perikanan bagi nelayan kecil | Transkrip ini menerangkan kesukaran nelayan kampung mendapatkan lesen perikanan untuk aktiviti menangkap ikan, khususnya bagi operasi bagang atau penggunaan pukot tunda. Walaupun nelayan ingin mematuhi undang-undang, proses permohonan lesen dianggap rumit dan tidak mesra, memerlukan mereka pergi ke pejabat di                               | <b>Pejabat Daerah Semporna:</b> Aktiviti pukot tunda di sekitar Pulau Pababag sebelum ini menyebabkan penduduk kampung kehilangan sumber rezeki kerana ikan mudah tersangkut. Kini, kehadiran pukot tunda berkurangan disebabkan adanya struktur 'bagang', walaupun pemantauan pihak berkuasa marin terhadap aktiviti ini tidak diketahui                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |

| BIL. | ISU                           | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|------|-------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                               | Kunak atau Kota Kinabalu. Akibatnya, nelayan kecil terpaksa beroperasi tanpa lesen demi kelangsungan hidup, walaupun berisiko ditangkap oleh penguatkuasa.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | sepenuhnya. Selain isu perikanan, masalah prasarana menjadi isu utama, termasuk jambatan yang baru-baru ini roboh akibat air pasang besar. Penduduk mencadangkan agar jambatan dibina semula menggunakan konkrit bagi ketahanan jangka panjang. Selain itu, keperluan terhadap kemudahan asas lain seperti balai raya, dewan dan masjid turut ditekankan sebagai keperluan penting bagi pembangunan Pulau Pababag |
| 3.   | Ketiadaan geran tanah kampung | Masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung ialah ketiadaan geran tanah untuk kawasan kampung dan penternakan. Penduduk telah memohon beberapa kali untuk mendapatkan geran, namun sehingga kini masih belum ada kepastian atau bukti yang jelas. Ada pihak tertentu yang pernah berjanji untuk mengeluarkan geran, terutama semasa musim pilihan raya apabila pemimpin datang melawat kawasan mereka. Walaupun janji-janji tersebut telah dibuat, penduduk masih tidak menerima sebarang hasil sehingga kini. Situasi ini menimbulkan rasa kecewa dan ketidakpastian dalam kalangan penduduk, kerana tanpa geran tanah mereka berasa tidak mempunyai jaminan | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |

| BIL. | ISU                                                                      | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|--------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                                          | hak milik yang sah ke atas penempatan atau kawasan penternakan mereka..                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                           |
| 4.   | Kekangan petani dalam memasarkan hasil pertanian                         | Peserta menjelaskan dua isu utama yang dihadapi komuniti kampung berkaitan tanah dan pemasaran hasil pertanian. Pertama, penduduk kampung menghadapi masalah tiada geran tanah untuk tapak penternakan atau pertanian mereka. Walaupun telah berkali-kali memohon dan menerima janji daripada pihak berkuasa, termasuk ketika musim pilihan raya, sehingga kini tiada tindakan konkrit atau bukti rasmi diberikan. Kedua, mereka menghadapi cabaran pemasaran hasil pertanian seperti pisang dan ubi. Proses menjual hasil pertanian melibatkan kos logistik yang tinggi, termasuk bayaran untuk pengangkutan menggunakan gerobak atau bot, minyak, dan caj tambahan, menyebabkan keuntungan yang diperoleh menjadi sangat terhad walaupun hasil dijual. | <i>Tiada maklum balas</i> |
| 5.   | Isu pencemaran sampah laut dan usaha komuniti menangani masalah tersebut | Peserta menjelaskan isu sampah yang dibawa oleh air pasang besar ke kawasan kampung. Setiap kali air pasang masuk, sampah seperti botol mineral, plastik, dan sisa kompek terhanyut dari laut ke kawasan pesisir kampung. Komuniti                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                                | kampung berusaha menangani masalah ini melalui gotong-royong setiap hari Khamis, dengan mengumpul dan membakar sampah yang terkumpul, yang boleh mencapai 10–20 kilogram setiap sesi. Walaupun usaha ini berterusan, sampah terus datang dari laut, menimbulkan keperluan untuk tembok atau infrastruktur untuk menghalang sampah agar tidak masuk ke kawasan kampung.                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                           |
| 6.   | Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam | Penduduk menjelaskan isu keselamatan dan gangguan daripada haiwan liar di kawasan kampung. Masyarakat menghadapi masalah dengan monyet dan babi liar yang merosakkan tanaman seperti pisang, ubi, dan kelapa, serta menimbulkan rasa takut terutama kepada budak-budak yang berjalan kaki ke sekolah. Babi dikatakan datang dari kawasan hutan dan bakau berdekatan, ada yang berenang merentas ke kawasan kampung, dan tiada tindakan penembakan dilakukan kerana penduduk takut atau tiada penguatkuasa hadir. Selain itu, buaya juga ada di kawasan perairan berdekatan, walaupun kehadirannya masih jarang. Jabatan Hidupan Liar didakwa jarang turun untuk | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | mengurus isu ini, menyebabkan masalah haiwan liar terus menjejaskan keselamatan dan hasil pertanian komuniti. |                        |

Jadual 10 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

| BIL.                                                                                                                                                                                  | ISU                                                             | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                            |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 7:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Tandoan<br><b>Tarikh:</b> 09 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 18 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam empat kumpulan |                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sabah Electricity</li> <li>2. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna</li> </ol> |
| 1.                                                                                                                                                                                    | Isu pemilikan tanah dan sekatan pembangunan akibat hutan simpan | Peserta menerangkan isu pemilikan tanah dan kekangan pembangunan di kawasan kampung. Penduduk mengalami kesukaran kerana tanah mereka masih tidak mempunyai geran, walaupun sudah bertahun-tahun mereka memohon. Tanah yang ingin digunakan untuk rumah atau kebun sebenarnya terletak di kawasan hutan simpanan, menyebabkan pihak Forest / Jabatan Perhutanan kerap hadir untuk memantau, memberi amaran, atau menghalang aktiviti pertanian. Akibatnya, komuniti terpaksa menanam kebun di kawasan tepi sungai ("siring") sahaja, kerana tanah di darat tidak dibenarkan digunakan. Keadaan ini menimbulkan kesukaran hidup dan mengehadkan peluang ekonomi penduduk kampung. | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                         |
| 2.                                                                                                                                                                                    | Tiada sistem kemudahan asas dan                                 | Peserta menjelaskan isu bekalan elektrik dan tenaga solar di kampung Tandoan. Kampung ini tidak mempunyai solar dan peruntukan elektrik                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>Sabah Electricity:</b> Wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa di Pulau Pababag sudah terdapat sistem solar yang diselia SESB, tetapi ia                    |

| BIL. | ISU                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      | perkhidmatan yang baik | rasmi, berbeza dengan kampung lain yang telah dipasangkan sistem solar. Kekurangan ini menyebabkan penduduk, termasuk pelajar, menghadapi kesukaran untuk belajar pada waktu malam, kerana mereka masih bergantung kepada generator peribadi. Selain itu, masalah ini berkait rapat dengan status tanah yang berada di hutan simpanan, jadi peruntukan pemasangan solar sukar dilaksanakan.                        | masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua penduduk yang dianggarkan seramai 2 hingga 3 ribu orang. Terdapat juga sebahagian meter yang belum dipasang, menyebabkan sesetengah rumah terpaksa menggunakan sambungan sementara. Selain itu, bekalan elektrik di pulau ini tidak stabil, kadang-kadang hidup dan kadang-kadang terputus. Masalah air bersih turut menjadi isu kerana tiada sistem perkhidmatan air tersedia. |
|      |                        | Peserta FGD menerangkan bahawa masalah bekalan air merupakan isu utama dalam kehidupan seharian mereka. Kampung tersebut tidak mempunyai sumber air tetap, menyebabkan penduduk terpaksa membeli air dari Semporna untuk kegunaan harian. Jika ada hujan, mereka bergantung kepada tadahan air hujan, namun keadaan menjadi sukar apabila musim kering atau apabila mereka tidak mempunyai wang untuk membeli air. |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|      |                        | Peserta menjelaskan isu akses kesihatan di kawasan pulau terpencil. Klinik bergerak (Klinik 1Malaysia) hanya datang setiap 2 minggu sekali, dan kadang-kadang tidak melintasi jambatan yang rosak kerana keselamatan. Penduduk                                                                                                                                                                                     | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN     |
|------|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
|      |     | terpaksa naik perahu sendiri untuk mendapatkan ubat atau rawatan, yang menimbulkan kesukaran terutama untuk wanita mengandung dan bayi, kerana perjalanan boleh mengambil masa 30 minit hingga 1 jam bergantung enjin bot. Kekurangan ini menunjukkan keterbatasan perkhidmatan kesihatan bergerak di kawasan terpencil dan halangan infrastruktur.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                            |
|      |     | Kemudahan jambatan dan jeti dalam keadaan yang daif. Jambatan utama pernah roboh, namun bantuan yang diterima daripada pihak berwajib tidak mencukupi yang mana hanya beberapa batang kayu (beruti) yang tidak memadai untuk membaiki sepenuhnya kerana masih perlu membeli paku dan tiang tambahan. Pondok jeti yang dahulunya menjadi tempat menunggu juga sudah rosak akibat hentaman bot dan tidak lagi dapat digunakan. Penduduk kampung terpaksa bergotong-royong, mengutip sumbangan sesama sendiri untuk membaiki jambatan setiap kali berlaku kerosakan. Mereka mengakui keadaan ini amat menyukarkan kerana jambatan merupakan satu-satunya akses penting untuk bergerak ke laut. | <i>Tiada maklum balas.</i> |

| BIL. | ISU                                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|----------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                                | Peserta menerangkan masalah pengurusan sampah di kawasan pulau atau pesisir, di mana penduduk membuang sampah terus ke laut kerana tiada tanah atau kawasan khas untuk mengumpul sampah. Berlainan dengan bandar yang mempunyai tempat pembuangan sampah tersusun, di kampung ini sampah dibuang ke air masin dan hanyut, menyebabkan persekitaran tercemar dan tiada sistem pengurusan sampah yang berkesan.                                                                                                                                                                       | <i>Tiada maklum balas</i> |
| 3.   | Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam | <p>Penduduk menerangkan cabaran dalam aktiviti pertanian di pulau yang sering diganggu oleh haiwan liar. Mereka menyatakan tanaman seperti ubi dan pisang sering rosak kerana dimakan oleh babi pada waktu malam dan monyet pada waktu siang. Kekangan utama ialah ketiadaan pagar yang kukuh untuk melindungi tanaman kerana kos untuk membinanya terlalu tinggi bagi penduduk kampung.</p> <p>Peserta FGD juga menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menjalankan aktiviti pertanian kerana tanaman sering dimusnahkan oleh monyet pada waktu siang dan babi pada waktu malam.</p> | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                                                                                           | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.   | Ketidakstabilan pendapatan dan kebergantungan ekonomi keluarga kepada hasil tangkapan nelayan | Peserta menjelaskan menjelaskan ketergantungan penduduk terhadap pendapatan nelayan untuk menampung kehidupan keluarga. Pendapatan bulanan biasanya rendah, sekitar RM250–RM300, dan sangat bergantung kepada rezeki atau hasil tangkapan ikan. Jika hasil tangkapan sedikit, keluarga terpaksa menghadapi kekurangan sumber makanan dan kewangan.                                                                                                                                                              | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 5.   | Cabaran pengangkutan dan kos tinggi untuk akses pendidikan di kawasan luar bandar atau pulau  | Peserta menerangkan kos pengangkutan yang tinggi untuk pelajar di kawasan pulau atau kampung pesisir. Pelajar yang ingin ke sekolah terdekat perlu menggunakan bot, dengan kos sekitar RM50 sehari untuk pergi balik atau RM35 untuk perjalanan satu hala. Kos ini menjadi beban bagi keluarga, terutama yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang bersekolah. Selain itu, pengangkutan yang susah turut menambah tekanan kerana perlu memastikan keselamatan dan pengawasan anak-anak semasa perjalanan. | <b>Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:</b> Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, |

| BIL. | ISU | PENERANGAN | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                    |
|------|-----|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     |            | termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang. |

Jadual 11 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

| BIL.                                                                                                                                                                                 | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN                      |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| <b>FGD 8:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Selakan<br><b>Tarikh:</b> 09 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 28 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam tiga kumpulan |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> |
| 1.                                                                                                                                                                                   | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | <p>Peserta menjelaskan krisis bekalan air bersih yang serius di kampung berkenaan, di mana penduduk bergantung sepenuhnya kepada air hujan sebagai sumber utama. Walaupun pernah dibina sistem air graviti, ia tidak lagi berfungsi kerana tiada penyelenggaraan daripada pihak berwajib. Akibatnya, masyarakat terpaksa mengumpul air hujan menggunakan tangki atau membeli air dari luar kampung, dengan kos yang tinggi sekitar RM30 hingga RM50 bagi setiap tangki, yang biasanya dikongsi antara beberapa isi rumah.</p> <p>Keadaan ini menjadi lebih teruk ketika musim kemarau, apabila air hujan tidak dapat ditadah dan penduduk terpaksa membeli air minuman dalam kotak (mineral) yang hanya bertahan beberapa hari. Walaupun ada usaha membuat perigi, airnya bersifat masin dan tidak sesuai</p> | <i>Tiada maklum balas</i>                   |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |     | <p>diminum. Penduduk juga menegaskan keperluan mendesak untuk menambah bilangan tangki tadahan air di setiap rumah bagi menjamin kelangsungan hidup.</p> <p>Selain isu air, mereka turut menyuarakan kebimbangan terhadap kerosakan rumah, kekurangan tindak balas terhadap permohonan bantuan, dan keperluan pos keselamatan bagi mengawal laluan keluar masuk kampung.</p>                                                                                                                                                                                                                                        |                           |
|      |     | <p>Peserta menjelaskan beban kewangan penduduk terhadap bayaran elektrik solar yang dianggap tinggi dan sukar ditanggung, khususnya bagi isi rumah berpendapatan rendah serta keluarga besar dengan ramai anak bersekolah. Walaupun penggunaan elektrik tidak tinggi, bil bulanan dikatakan mencecah antara RM70 hingga RM100, dan dalam sesetengah kes, tunggakan boleh mencapai ratusan hingga ribuan ringgit kerana ketidakmampuan membayar secara konsisten.</p> <p>Sebahagian peserta mencadangkan agar bayaran elektrik dikurangkan atau dikecualikan bagi golongan yang tidak mempunyai pekerjaan tetap,</p> | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |     | memandangkan keutamaan perbelanjaan mereka tertumpu pada keperluan asas seperti makanan dan pendidikan anak-anak. Walaupun masih terdapat usaha membayar secara ansuran, tunggakan yang berterusan menunjukkan tekanan ekonomi yang ketara dalam kalangan penduduk luar bandar ini.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                           |
|      |     | <p>Peserta menjelaskan isu kritikal infrastruktur asas di kawasan pulau, khususnya berkaitan jambatan, jeti, dan tembok penghakis pantai yang menjadi keperluan utama penduduk untuk keselamatan dan pergerakan harian.</p> <p>Peserta FGD menjelaskan bahawa jambatan penghubung antara rumah ke rumah berada dalam keadaan usang dan tidak selamat, dengan struktur kayu yang reput serta berisiko runtuh terutama ketika hujan atau air pasang. Walaupun terdapat jambatan utama yang telah disimen hasil projek terdahulu, sambungan jambatan kecil di kawasan rumah penduduk tidak diselenggara dan kini berisiko membahayakan nyawa.</p> | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |     | <p>Selain itu, jeti kampung juga mengalami kerosakan teruk, dengan kayu bawah yang reput dan panjang jeti yang semakin pendek selepas kemalangan melibatkan bot tentera. Penduduk berharap agar jeti tersebut diperpanjang semula hingga ke laut dalam bagi memudahkan keluar masuk, terutama ketika air surut.</p> <p>Tambahan pula, masalah hakisan pantai dan ombak besar menjejaskan keselamatan rumah dan persekitaran kampung. Penduduk mencadangkan pembinaan tembok penghakis atau tembok penghadang ombak dan sampah bagi mengurangkan impak hakisan yang semakin ketara.</p> |                           |
|      |     | <p>Peserta menjelaskan isu pengurusan dan pelupusan sampah yang menjadi cabaran utama penduduk pulau. Peserta FGD menyatakan bahawa tiada sistem pelupusan sampah yang teratur, menyebabkan penduduk terpaksa mencari alternatif sendiri untuk menguruskan sisa domestik.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | <p>Walaupun aktiviti gotong-royong membersihkan pantai dijalankan secara berkala sama ada setiap minggu atau beberapa kali sebulan, namun masalah besar timbul selepas proses pembersihan, apabila sampah yang dikutip tidak mempunyai tempat pelupusan khusus. Penduduk sering membakar sampah di kawasan kebun atau hutan, namun bimbang terhadap risiko pencemaran udara dan keselamatan alam sekitar.</p> <p>Selain itu, sampah yang dihanyutkan oleh laut dan ombak turut menyumbang kepada pencemaran di kawasan pantai. Penduduk mengusulkan agar kerajaan atau agensi berkaitan membantu membina sistem halangan atau perangkap sampah di pesisir pantai bagi mengelakkan sisa terapung daripada terkumpul di kawasan kediaman.</p> <p>Secara keseluruhannya, petikan ini menggambarkan keperluan mendesak terhadap sistem pelupusan sampah yang bersepadu serta sokongan prasarana pengurusan sisa pepejal</p> |                        |

| BIL. | ISU                                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                             |
|------|----------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                | yang sesuai dengan konteks penempatan pulau kecil.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                    |
|      |                                                                | <p>Peserta menjelaskan kekurangan akses kepada kemudahan kesihatan asas di kawasan pulau. Menurut peserta FGD, tiada hospital atau klinik desa berhampiran, dan perkhidmatan klinik bergerak juga jarang hadir, menyebabkan penduduk menghadapi kesukaran mendapatkan rawatan perubatan apabila diperlukan.</p> <p>Ketiadaan kemudahan kesihatan ini memberi implikasi besar terhadap kesejahteraan dan keselamatan penduduk, terutamanya bagi golongan rentan seperti warga emas, ibu mengandung, dan kanak-kanak. Dalam keadaan kecemasan, mereka terpaksa bergantung kepada pengangkutan air untuk ke tanah besar, yang boleh menjejaskan peluang untuk mendapatkan rawatan segera.</p> | <i>Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.</i> |
| 2.   | Ketidaktentuan pendapatan nelayan dan isu kecurian hasil laut. | <p>Peserta menjelaskan sumber pendapatan nelayan yang tidak menentu dan bergantung sepenuhnya kepada hasil laut seperti memancing, merembat, atau membubuk. Pendapatan bulanan dianggarkan sekitar RM800,</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | <i>Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.</i> |

| BIL. | ISU                                                         | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                             |
|------|-------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                             | <p>dan hanya kadang-kadang meningkat sehingga RM2,000 jika hasil tangkapan banyak. Namun, keadaan ini tidak konsisten dan sukar dijangka, menjadikan mereka sukar menampung kos sara hidup serta bayaran utiliti seperti bil elektrik.</p> <p>Selain itu, nelayan juga menghadapi masalah kecurian hasil laut, khususnya peralatan dan hasil tangkapan seperti bubuk (alat perangkap ikan), yang menyebabkan kerugian tambahan. Isu keselamatan di laut ini menambah tekanan terhadap pendapatan mereka yang sudah pun tidak stabil</p> |                                                                                                    |
| 3.   | Ketiadaan sumber pendapatan bagi warga tua dan tidak sihat. | <p>Peserta menjelaskan aspirasi dan keperluan pembangunan sosioekonomi serta pendidikan komuniti wanita di pulau. Peserta FGD mencadangkan agar kerajaan membantu mereka mewujudkan kebun dusun pelbagai tanaman di kawasan lereng bukit yang berpotensi dijadikan sumber ekonomi baharu. Usaha ini dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap hasil laut dan membuka peluang pekerjaan tempatan.</p>                                                                                                                           | <i>Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.</i> |

| BIL. | ISU                                                        | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                            | <p>Selain itu, peserta juga menekankan keperluan pendidikan asas agama dan literasi, terutamanya bagi golongan ibu-ibu yang masih ramai buta huruf dan tidak mahir mengaji serta sembahyang. Mereka menunjukkan kesediaan tinggi untuk belajar, malah sanggup bergotong-royong menyediakan makanan bagi tenaga pengajar sekiranya dihantar ustaz atau ustazah ke kampung mereka.</p> <p>Mereka turut mencadangkan program kemahiran seperti menjahit dan membuat kuih bagi memperkasakan ekonomi wanita. Ketiadaan peluang pekerjaan menjadikan mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan suami, menyebabkan keadaan ekonomi isi rumah sering tidak stabil.</p> |                           |
| 4.   | Pertikaian antara komuniti dan pihak pengurusan taman laut | Peserta menjelaskan ketegangan antara komuniti tempatan dan pihak pengurusan taman laut, khususnya berkaitan aktiviti pelancongan dan penyelaman (diving) di Pulau Selakan yang terletak dalam kawasan Taman Tun Sakaran, Semporna.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | <p>Menurut peserta FGD, beliau bersama rakan kongsinya menjalankan perniagaan homestay dan aktiviti menyelam untuk pelancong, namun menghadapi halangan operasi akibat peraturan taman laut. Pihak taman laut didakwa tidak membenarkan aktiviti diving dijalankan atas alasan keselamatan, walaupun kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan taman dan pernah membenarkan aktiviti komuniti tempatan sebelum ini.</p> <p>Peserta turut menyuarakan rasa ketidakadilan dalam penguatkuasaan undang-undang, di mana komuniti tempatan dikenakan kompaun tinggi (RM2,000–RM3,000) tanpa notis rasmi bertulis, hanya berdasarkan arahan lisan. Beliau juga menegaskan bahawa komuniti asal sepatutnya mempunyai keistimewaan atau kelonggaran khas dalam menjalankan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut.</p> |                        |

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

| BIL.                                                                                                                                                                                   | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                              |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 9:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Aman Jaya<br><b>Tarikh:</b> 09 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 18 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam tiga kumpulan |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna |
| 1.                                                                                                                                                                                     | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | Menurut peserta FGD, pencawang elektrik di kawasan mereka sudah lama dibina, namun bekalannya lemah dan tidak stabil. Mereka menjelaskan bahawa sistem pendawaian hanya menggunakan “wayar hitam dua sahaja” sedangkan sepatutnya tiga untuk menampung jumlah rumah yang kini meningkat kepada lebih 100 buah. Situasi ini menunjukkan infrastruktur elektrik yang tidak dinaik taraf selaras dengan pertambahan populasi, menyebabkan bekalan elektrik tidak mencukupi. | <i>Tiada maklum balas</i>                                                           |
|                                                                                                                                                                                        |                                                        | Peserta menerangkan masalah bekalan air bersih dan tekanan air rendah yang dihadapi oleh penduduk dalam kawasan perbincangan kumpulan fokus (FGD).<br><br>Peserta pertama menjelaskan bahawa bekalan air sering tersekat-sekat dan tekanan air lemah, walaupun penggunaan air harian adalah rendah.                                                                                                                                                                      | <i>Tiada maklum balas</i>                                                           |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |     | <p>Namun begitu, bil air yang diterima sangat tinggi dan tidak sepadan dengan penggunaan sebenar, mencecah sehingga RM1,000 lebih. Aduan telah dibuat kepada pihak berkenaan, tetapi mereka memberi alasan bahawa paip pengguna rosak atau berlaku kecurian air, sedangkan hasil semakan penduduk mendapati tiada kebocoran atau penggunaan luar biasa. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati kerana dianggap tidak munasabah dan membebankan.</p> <p>Peserta kedua pula menyatakan bahawa bekalan air di kawasan luar masih memuaskan, namun pendalaman mengalami kekurangan bekalan, kemungkinan disebabkan masalah voltan atau tekanan pam air yang rendah.</p> |                           |
|      |     | <p>Peserta menjelaskan bahawa masjid menjadi satu-satunya tempat tumpuan masyarakat, termasuk untuk solat hari raya dan pelbagai aktiviti kampung. Masjid sering tidak mampu menampung jumlah jemaah yang ramai, sehingga jemaah terpaksa berada di luar kawasan masjid. Walaupun ada cadangan untuk membesarkan masjid, kekangan utama ialah</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                                                                                                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                                                                       | <p>ketiadaan tanah tambahan dan kekurangan sokongan kewangan.</p> <p>Selain itu, peserta turut menekankan bahawa kampung tidak mempunyai balai raya. Ketidadaan fasiliti ini menyukarkan pelaksanaan aktiviti komuniti seperti program masakan, kursus anjuran pertanian, atau aktiviti KEMAS, sehingga penduduk terpaksa menggunakan rumah individu sebagai tempat berkumpul sementara.</p> |                           |
|      |                                                                                                       | <p>Jalan raya menuju ke kampung sangat daif, dengan banyak lubang yang membahayakan pengguna jalan. Keadaan ini sering menyebabkan kerosakan kenderaan seperti tayar bocor. Disebabkan tiada tindakan penyelenggaraan rasmi, penduduk kampung sendiri bergotong-royong untuk menutup lubang-lubang jalan tersebut sebagai usaha sementara.</p>                                               | <i>Tiada maklum balas</i> |
| 2.   | Ketiadaan sistem pelupusan sampah mendorong amalan pembakaran dan penanaman sisa, meningkatkan risiko | <p>Peserta menjelaskan bahawa tiada sistem pelupusan sampah yang teratur, menyebabkan penduduk terpaksa membakar atau menanam sampah termasuk plastik di kawasan sekitar rumah. Kaedah ini menimbulkan masalah pencemaran udara dan tanah, serta menjadi</p>                                                                                                                                 | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                             |
|------|---------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      | kesihatan seperti denggi dan malaria. | <p>punca pembiakan nyamuk akibat air bertakung di kawasan pelupusan tidak formal.</p> <p>Disebut juga bahawa pernah berlaku kes denggi dan malaria di kawasan tersebut, walaupun kini telah dikawal oleh pihak Kesihatan. Namun, keadaan ini menggambarkan kerentanan komuniti terhadap penyakit bawaan vektor akibat persekitaran yang tidak bersih dan ketiadaan infrastruktur asas seperti tapak pelupusan sampah.</p>                                                                                                                      |                                                                                                    |
| 3.   | Kekurangan peluang menjana pendapatan | <p>Peserta menerangkan bahawa suami bekerja sebagai penanam atau nelayan, manakala isteri menjalankan kedai runcit kecil atau bercucuk tanam sayur-sayuran. Pendapatan keluarga bergantung kepada hasil kebun dan jualan produk pertanian seperti lada dan sawit, dengan anggaran sekitar RM1,000 hingga RM2,000 sebulan, bergantung pada musim dan hasil.</p> <p>Selain itu, peserta turut menyebut penyertaan dalam kursus KEMAS seperti memasak dan menjahit, namun usaha untuk menjadikan kemahiran tersebut sebagai sumber pendapatan</p> | <i>Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.</i> |

| BIL. | ISU                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                       | berterusan terbantut akibat kekurangan modal dan tiada bantuan dana susulan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 4.   | Masalah gejala sosial | <p>Peserta menyatakan bahawa kehadiran polis di kawasan mereka sangat jarang, dan rondaan hanya dilakukan apabila ada kes berlaku. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana kejadian lumba haram di jalan raya utama sering berlaku, menyebabkan bunyi bising dan membahayakan pengguna jalan raya hingga mengorbankan nyawa.</p> <p>Selain itu, kes pecah rumah, kecurian peralatan bengkel dan hasil sawit, serta vandalisme seperti membaling batu ke arah kenderaan turut dilaporkan oleh penduduk. Walaupun aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa, tindakan susulan dilihat terhad dan tidak berkesan.</p> | <p><b>Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna:</b> Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahih diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku.</p> |

Jadual 13 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10

| BIL.                                                                                                                                                                                                 | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                             |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 10:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Sisipan, Pulau Bum-Bum<br><b>Tarikh:</b> 10 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 11 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam tiga kumpulan |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b>                                                        |
| 1                                                                                                                                                                                                    | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | Penduduk memaklumkan bahawa bekalan air paip yang pernah beroperasi sejak tahun 1990-an kini telah terhenti sepenuhnya, dengan tempoh enam bulan terakhir tiada lagi bekalan dari pekan Semporna. Akibatnya, penduduk bergantung sepenuhnya kepada air hujan untuk kegunaan harian seperti memasak dan mandi, manakala air minuman terpaksa dibeli di pekan dengan kos sekitar RM9 bagi setiap kotak mineral membebankan keluarga berpendapatan rendah. Masalah turut diperburuk oleh kandungan garam tinggi dalam air perigi tempatan, menjadikannya tidak sesuai untuk diminum. Penduduk yang memiliki kenderaan terpaksa mengangkut air dari kampung lain menggunakan tong dan van, manakala keluarga tanpa kenderaan menghadapi kesukaran yang lebih besar, terutama ketika musim kemarau. | <i>Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.</i> |

| BIL. | ISU                                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|------|----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2    | Gejala sosial dan sistem keselamatan yang tidak berkesan       | <p>Kadar kecurian yang semakin tinggi menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Pasukan RELA yang sedia ada juga didapati kurang berkesan dalam menjalankan rondaan dan kawalan keselamatan.</p> <p>Selain itu, terdapat juga kes pecah masuk rumah dan aktiviti penyalahgunaan dadah yang dilaporkan berlaku di kampung bersebelahan, menunjukkan peningkatan gejala sosial yang membimbangkan dan perlunya tindakan lebih tegas daripada pihak berkuasa.</p> | <p><b>Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna</b> Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahih diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku.</p> |
| 3    | Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam | <p>Penduduk sering berdepan dengan gangguan daripada monyet yang semakin berani memasuki kawasan rumah untuk mencari makanan, malah ada yang memecah masuk dan merosakkan harta benda.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                            | <p><i>Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.</i></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |

| BIL. | ISU                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                             |
|------|----------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                        | Selain itu, tanaman penduduk turut mengalami kerosakan teruk akibat serangan kumpulan monyet dan babi hutan yang berkeliaran bebas di kawasan kampung. Kehadiran haiwan liar ini bukan sahaja menjejaskan sumber makanan dan pendapatan penduduk, malah turut menimbulkan rasa tidak selamat, terutamanya kepada kanak-kanak dan warga emas.                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                    |
| 4    | Masalah sosio-ekonomi warga emas pulau | <p>Ramai warga emas di kawasan pulau hidup dengan sumber pendapatan yang terhad. Kebanyakan mereka tidak lagi bekerja kerana faktor usia, kesihatan atau peluang kerja yang sangat terhad di pulau. Ada yang bergantung pada pencen kecil, bantuan anak-anak, atau bantuan kebajikan, tetapi masih tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup harian. Selain itu, mereka bergantung kepada bantuan anak-anak, kerajaan atau hasil kecil seperti jualan ikan dan tanaman.</p> <p>Hal ini ditambah dengan peluang pekerjaan yang terhad memburukkan lagi keadaan ekonomi mereka.</p> | <i>Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.</i> |

Jadual 14. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 11

| BIL.                                                                                                                                                                                                     | ISU                                                                  | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | ULASAN AGENSI KERAJAAN                      |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| <b>FGD 11:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Kabimbangan, Pulau Bum-Bum<br><b>Tarikh:</b> 10 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 18 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam tiga kumpulan |                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> |
| 1.                                                                                                                                                                                                       | Konflik tanah adat (NCR) antara penduduk dengan Syarikat Cepat Hebat | Penduduk Pulau Tumanggung menyuarakan rasa tidak puas hati berhubung isu tanah adat yang didakwa telah diceroboh dan diberikan kepada pihak luar. Menurut mereka, nenek salah seorang penduduk pernah memohon tanah seluas 10 ekar pada tahun 1994 dan permohonan tersebut telah diluluskan oleh pihak berkuasa. Namun, hanya sebahagian kecil tanah iaitu satu ekar yang diberikan kepada penduduk kampung, manakala selebihnya telah diberikan kepada sebuah syarikat swasta, Syarikat Cepat Hebat. Situasi ini menimbulkan kekecewaan kerana penduduk menganggap hak mereka sebagai pewaris tanah nenek moyang sejak akhir 1800-an telah dinafikan. Mereka menegaskan bahawa tanah tersebut merupakan harta turun-temurun dan hak asasi yang sepatutnya dipertahankan. Penduduk juga meluahkan kebimbangan sekiranya keseluruhan pulau itu akhirnya dimiliki | <i>Tiada maklum balas</i>                   |

| BIL. | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|--------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                        | oleh pihak luar, sekali gus menjejaskan masa depan komuniti setempat. Susulan itu, mereka berharap pihak atasan dapat menilai semula kes ini dan mengambil tindakan sewajarnya, termasuk melalui mahkamah anak negeri, demi memastikan hak masyarakat kampung dilindungi.                                                                                                                                                                                                                               |                           |
| 2.   | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | Penduduk Pulau Bum-Bum berdepan masalah bekalan air bersih yang berlarutan hampir 20 tahun. Walaupun ada sistem paip, bekalan air tidak disalurkan kerana saluran paip didakwa pecah. Alasan yang diberikan pihak berkenaan ialah kos pembaikan terlalu tinggi dan peralatan untuk menyedut air dianggap mahal serta tidak berbaloi secara ekonomi. Keadaan ini menyebabkan masalah berpanjangan tanpa tindakan serius daripada pihak berkuasa, sekali gus menjejaskan kehidupan harian penduduk pulau. | <i>Tiada maklum balas</i> |
|      |                                                        | Penduduk, khususnya ibu-ibu di kampung, sebenarnya mempunyai pelbagai kemahiran seperti memasak, menjahit, dan kraftangan. Namun, program latihan dan kelas yang pernah dianjurkan gagal diteruskan kerana tiada                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |     | kemudahan asas seperti bangunan, ruang khusus, dan peralatan yang sesuai. Akibatnya, kelas hanya dijalankan di rumah atau secara tidak formal, dan lama-kelamaan program itu terhenti. Hal ini menyebabkan kemahiran yang ada tidak dapat dikembangkan atau dipromosikan ke luar komuniti, sekali gus mengehadkan potensi menjana pendapatan.                                                                                                                                   |                           |
|      |     | Penduduk kampung berdepan masalah pengurusan sampah kerana tidak mempunyai sistem pelupusan yang teratur. Kebanyakan sampah hanya dibakar atau dibuang ke sungai. Walaupun ada aktiviti gotong-royong yang dijalankan, ia lebih bersifat sementara dan tidak menyelesaikan masalah asas pembuangan sampah. Selain itu, sampah juga tidak dapat dijual atau dihantar ke pekan Semporna kerana tiada pihak yang mahu membelinya, sekali gus menyebabkan isu ini terus berlarutan. | <i>Tiada maklum balas</i> |

Jadual 15. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 12

| BIL.                                                                                                                                                                                                   | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                              |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 12:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Tabak-Tabak, Pulau Bum-Bum<br><b>Tarikh:</b> 10 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 7 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam dua kumpulan |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna |
| 1.                                                                                                                                                                                                     | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | <p>Peserta FGD berkongsi tentang kesukaran mendapatkan bekalan air bersih di kampung mereka. Air minum perlu diambil dari kawasan sekolah melalui paip, kemudian diangkut menggunakan lori tangki. Penduduk terpaksa membeli air tersebut pada harga sekitar RM 90 bagi satu drom atau tangki, dan jika perlu dua tangki, kosnya akan menjadi semakin membebankan.</p> <p>Ketua kampung menjelaskan bahawa aduan sudah pernah dibuat kepada pihak kerajaan dan pejabat daerah mengenai keadaan ini, kerana harga air yang tinggi sangat membebankan penduduk. Mereka berharap agar kerajaan dapat menyediakan kemudahan bekalan air paip terus ke rumah-rumah penduduk. Jika ini dapat direalisasikan, mereka tidak lagi perlu</p> | <i>Tiada maklum balas</i>                                                           |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                  |
|------|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | bergantung kepada pembelian air mahal melalui lori tangki.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                                                                                                                                         |
|      |     | <p>Peserta mengetengahkan masalah berkaitan dengan pengangkutan awam yang diperlukan menghubungkan jalan laut dan darat melalui pengangkutan awam.</p> <p>Majoriti penduduk berdepan dengan masalah pengangkutan yang melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi, sebahagian daripada penduduk memilih untuk menyewa kenderaan yang menyediakan khidmat penghantaran walaupun pada harga diluar kemampuan untuk menyelesaikan urusan.</p> | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                               |
|      |     | Salah seorang peserta yang mewakili kumpulan lain telah mengetengahkan isu rangkaian telekomunikasi dengan menyatakan bahawa terdapat masalah dalam komunikasi melalui telefon, di mana liputan talian tidak stabil dan adakalanya langsung tiada.                                                                                                                                                                                     | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                               |
|      |     | Peserta menginginkan kawasan kampung mereka diberikan pengawasan dan kawalan keselamatan oleh pihak Polis bagi meningkatkan kadar keselamatan di kawasan ini                                                                                                                                                                                                                                                                           | <b>Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna:</b> Wakil OCPD IPD Semporna menjelaskan bahawa maklumat mengenai dadah boleh disalurkan walaupun tanpa membuat laporan polis rasmi. Individu yang |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                        | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | <p>Peserta juga mencadangkan untuk menempatkan pondok polis di kawasan ini bagi mengelakkan hal-hal yang tidak diinginkan berlaku</p>                                                                                                                                                             | <p>mempunyai maklumat digalakkan untuk tampil sendiri ke balai polis, menghubungi pegawai secara terus, atau menggunakan hotline/bilik gerakan bagi memudahkan tindakan awal. Polis mengklasifikasikan maklumat yang tidak jelas sebagai M6, dan tindakan lanjut hanya boleh dilakukan jika maklumat sahah diberikan. Selepas menerima maklumat, polis boleh memanjangkan kepada jabatan dan bahagian berkaitan, termasuk pasukan narkotik, untuk pemantauan, operasi MPV, atau rondaan. Pendekatan ini membolehkan langkah pencegahan awal diambil walaupun penangkapan suspek belum berlaku, kerana kadangkala pemberi maklumat juga boleh menjadi pelaku.</p> |
|      |     | <p>Peserta menyatakan hasrat beliau untuk membina satu jambatan menghubungkan kawasan pulau dan pekan Semporna mengikut kawasan strategik yang terpilih.</p> <p>Penduduk di kawasan ini turut menyuarakan harapan agar pihak kerajaan dapat menyalurkan bantuan bagi pembinaan atau pembaikan</p> | <p><i>Tiada maklum balas</i></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |

| BIL. | ISU                                   | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|---------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                       | <p>jambatan yang menghubungkan rumah ke rumah.</p> <p>Keperluan ini timbul susulan kerosakan akibat bencana yang melanda serta keadaan jambatan sedia ada yang semakin usang dan tidak selamat digunakan.</p> <p>Tambahan pula, majoriti penduduk terdiri daripada golongan berpendapatan rendah, sekali gus menyukarkan mereka untuk menanggung kos baik pulih secara persendirian.</p>                                                                                                                 |                           |
| 2.   | Penghijrahan penduduk ke luar kampung | <p>Peserta menerangkan perubahan demografi dan penghijrahan penduduk dari kampung asal ke kawasan Felda seperti Felda Umas dan Felda Sahabat. Menurut peserta FGD, penduduk kampung kini semakin berkurangan berbanding dahulu kerana ramai yang telah berpindah ke kawasan Felda untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih stabil.</p> <p>Peserta turut menjelaskan bahawa sebahagian besar penduduk yang berpindah merupakan hasil daripada inisiatif dan arahan terdahulu yang</p> | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | <p>dikaitkan dengan Tun Sakaran, di mana beliau diberikan mandat untuk membawa penduduk setempat ke kawasan penempatan Felda. Ini menunjukkan peranan pemimpin tempatan yang aktif dalam proses penempatan semula dan pembangunan komuniti pada masa lalu.</p> <p>Selain itu, peserta juga menyentuh tentang kejayaan generasi muda yang telah berpindah ke Felda, di mana anak-anak mereka kini mendapat peluang pendidikan sehingga ke universiti dan seterusnya memperoleh pekerjaan tetap. Kenyataan ini menunjukkan bahawa walaupun penghijrahan menyebabkan kampung asal kekurangan penduduk muda, ia juga membawa kesan positif dari segi peningkatan taraf sosioekonomi keluarga yang berpindah.</p> |                        |

Jadual 16. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 13

| BIL.                                                                                                                                                                                                  | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                              |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 13:</b> Dialog Bersama Komuniti Kampung Berjasa, Pulau Bum-Bum<br><b>Tarikh:</b> 10 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 22 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam empat kumpulan |                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. Sabah Electricity |
| 1.                                                                                                                                                                                                    | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | <p>Peserta FGD menjelaskan bahawa sumber bekalan air paip telah disediakan dari Semporna ke kampung, namun saluran air tersebut tidak sampai ke setiap rumah. Walaupun sistem paip telah dibina sebelum pandemik COVID-19, ia tidak berfungsi dengan baik dan sering rosak, menyebabkan penduduk terpaksa mencari alternatif lain untuk mendapatkan air.</p> <p>Penduduk kampung kini bergantung kepada pembelian air tangki dengan harga sekitar RM40 satu tangki, yang membebankan terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah. Dalam keadaan terdesak, mereka juga menggunakan air perigi untuk memasak atau mandi, namun air tersebut tidak sesuai diminum. Apabila bekalan air tiada, mereka terpaksa menggunakan air mineral untuk minuman dan keperluan asas.</p> | <i>Agensi berkaitan tidak hadir di dalam sesi dialog ini.</i>       |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | <p>Masalah ini turut memberi kesan langsung kepada kehidupan suri rumah dan anak-anak, terutama dari segi kebersihan dan kesihatan. Seorang peserta menggambarkan bagaimana anak-anak terpaksa ke sekolah tanpa mandi kerana ketiadaan air, walaupun tetap menekankan pentingnya hadir ke sekolah.</p> <p>Secara keseluruhan, perbincangan ini menunjukkan bahawa isu kekurangan air bukan hanya masalah infrastruktur, tetapi juga menjejaskan kesejahteraan, kesihatan, dan maruah komuniti. Penduduk mencadangkan agar Jabatan Air turun padang meneliti masalah sebenar serta menyediakan tangki tadahan air hujan sebagai langkah sementara untuk menampung keperluan asas mereka.</p> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|      |     | Ketiadaan infrastruktur elektrik yang lengkap menyebabkan penduduk bergantung kepada generator atau tenaga solar yang terhad dan mahal untuk diselenggara.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <p><b>Sabah Electricity:</b> Wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa di Pulau Pababag sudah terdapat sistem solar yang diselia SESB, tetapi ia masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua penduduk yang dianggarkan seramai 2 hingga 3 ribu orang. Terdapat juga sebahagian meter yang belum dipasang, menyebabkan sesetengah rumah</p> |

| BIL. | ISU                                        | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                               |
|------|--------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | terpaksa menggunakan sambungan sementara. Selain itu, bekalan elektrik di pulau ini tidak stabil, kadang-kadang hidup dan kadang-kadang terputus. Masalah air bersih turut menjadi isu kerana tiada sistem perkhidmatan air tersedia |
|      |                                            | Penduduk menghadapi masalah jambatan kayu yang semakin usang dan membahayakan keselamatan. Jambatan ini menjadi laluan harian utama penduduk untuk ke sekolah, surau, dan kedai, namun keadaannya yang reput serta licin ketika hujan menimbulkan risiko kemalangan. Walaupun penduduk telah beberapa kali membuat permohonan untuk baik pulih, sehingga kini masih tiada tindakan diambil oleh pihak berkenaan. Hal ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan penduduk kerana mereka merasakan seolah-olah diabaikan, sedangkan keadaan jambatan itu semakin kritikal dan boleh mengancam nyawa | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                            |
| 2.   | Ketidaktelusan dalam agihan bantuan sosial | Peserta FGD menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap pengagihan rumah PPRT, di mana rumah yang sepatutnya untuk penduduk kampung mereka diberikan ke kawasan lain. Hal ini menimbulkan persoalan tentang keadilan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                                                                                                                                                            |

| BIL. | ISU                                        | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|--------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                            | <p>dalam proses pemilihan penerima bantuan, serta kemungkinan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan dan pemantauan projek.</p> <p>Selain itu, isu kedua yang dibangkitkan berkaitan dengan kriteria kelayakan penerima bantuan e-Kasih, di mana salah seorang peserta mempersoalkan mengapa individu tanpa anak tidak layak menerima bantuan, walaupun mereka tergolong dalam kumpulan rakyat berpendapatan rendah. Peserta menyatakan kekeliruan kerana program e-Kasih sepatutnya menyeluruh untuk semua rakyat Malaysia yang layak secara ekonomi, tanpa diskriminasi terhadap status keluarga.</p> |                           |
| 3.   | Krisis dokumentasi dan hak kewarganegaraan | <p>Beberapa peserta FGD berkongsi pengalaman bahawa ramai penduduk dianggarkan sekitar 200 orang masih tidak memiliki IC yang sah. Antara punca utama ialah perkahwinan tanpa dokumen rasmi (terutamanya antara warga tempatan dengan warga asing), kekurangan rekod kelahiran anak, serta ralat ejaan dalam dokumen rasmi yang menyebabkan proses pendaftaran menjadi rumit dan tertangguh.</p>                                                                                                                                                                                                      | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | <p>Isu ini bukan sahaja menjejaskan hak kerakyatan dan akses kepada perkhidmatan awam, tetapi juga memberi kesan langsung kepada pendidikan anak-anak, seperti yang dinyatakan oleh seorang peserta yang bimbang kerana anaknya sukar bersekolah akibat kelewatan mendapatkan IC.</p> <p>Selain itu, peserta turut menzahirkan kekecewaan terhadap janji-janji politik yang tidak ditunaikan, termasuk janji pemberian IC dan bantuan semasa musim pilihan raya. Keadaan ini menunjukkan ketergantungan masyarakat kepada janji sementara dan campur tangan politik, tanpa penyelesaian dasar yang kukuh dan berterusan.</p> <p>Secara keseluruhannya, petikan ini menggambarkan krisis identiti dan keterpinggiran birokrasi yang dihadapi komuniti luar bandar dan kepulauan di Sabah di mana kekangan dokumentasi asas menghalang mereka menikmati hak warganegara penuh serta pembangunan sosial yang setara.</p> |                        |

| BIL. | ISU                                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|----------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
| 4.   | Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam | <p>Peserta menerangkan isu keselamatan dan kawalan haiwan liar, khususnya anjing yang berkeliaran di kawasan kampung dan sekolah. Peserta FGD berkongsi pengalaman peribadi apabila anaknya yang sedang mengikuti kelas tambahan SPM telah digigit anjing, dan turut menyatakan bahawa sudah terdapat beberapa kes gigitan lain melibatkan pelajar di kawasan tersebut, meskipun sekolah itu berpagar.</p> <p>Walaupun tiada kes kematian dilaporkan, kejadian ini menunjukkan tahap risiko yang tinggi terhadap keselamatan pelajar dan penduduk, terutama apabila haiwan liar tidak dikawal atau divaksin. Peserta juga merujuk kepada kes lain yang tular di media sosial (di Tanjong Kapor) sebagai contoh kebimbangan yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat.</p> | <i>Tiada maklum balas</i> |
| 5.   | Kekurangan peluang pekerjaan                                   | Aktiviti ekonomi tempatan sangat terhad kerana ketiadaan industri atau sektor ekonomi yang aktif. Keadaan ini menyebabkan peluang pekerjaan tetap dan berkemahiran hampir tidak wujud, lalu menolak ramai belia untuk berhijrah ke bandar bagi mencari sumber pendapatan yang                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                              | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | lebih baik. Dalam masa yang sama, kebanyakan penduduk hanya bergantung kepada sektor tidak formal seperti pertanian kecil-kecilan, menangkap ikan, atau kerja sambilan, yang tidak dapat menjamin kestabilan pendapatan jangka panjang. |                        |

Jadual 17 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 14

| BIL.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | ISU                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD 14:</b> Dialog Bersama Non-Governmental Organizations (NGO) Semporna<br><b>Tarikh:</b> 11 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 15 NGO<br>Khidmat Bakti Anak Semporna, Pengerusi Kampung Burung, Persatuan Belia (Pn Norita), Persatuan Belia Kampung (Pn Atikah), Labuan Sannang, Pengerusi Kelab Belia Pemikir Kampung Pusat Teluk Pulau Bum-Bum Semporna, Komuniti Kampung Senang Hati, Persatuan Penduduk Komuniti Kampung Terusan Baru, Green Semporna, Pengerusi Persatuan Kampung Lihak-lihak, Pertubuhan Komuniti Tanjong Kapor, Pertubuhan Kebajikan Sedulu, Pengerusi Kelab Belia Komuniti Terusan Tengah, Pengerusi Prihatin, Ahli Dewan Belia Sabah/ Pengerusi Seni Silat Sakti Sabah<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan Meja Bulat |                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. Pejabat Pendidikan Daerah Semporna: |
| 1                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | Kekangan dan cabaran birokrasi | Sebanyak 11 menara air telah dibina, termasuk projek terbaharu pada tahun 2025 yang menggunakan teknologi pam air solar. Projek ini berjaya memberi manfaat kepada kira-kira 2,000 penduduk kampung, yang kini boleh mendapatkan bekalan air bersih terus di hadapan rumah tanpa perlu mengambil air dari telaga atau berjalan jauh untuk menimba air. Responden juga menjelaskan bahawa projek ini telah dilaksanakan selama hampir dua tahun, meliputi empat buah pulau di Semporna. Usaha | <i>Tiada maklum balas</i>                                                             |

| BIL. | ISU                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|------|--------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                        | ini didanai melalui sokongan Teras Fund hasil crowdfund, serta kerjasama dengan beberapa agensi dan yayasan lain. Namun begitu, dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, mereka tidak pernah menerima bantuan rasmi daripada Sabah, kecuali bantuan zakat sebanyak RM16,000 pada tahun 2023.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 2    | Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik | Isu pendidikan yang dibangkitkan oleh penduduk setempat menekankan keadaan sekolah daif yang masih berterusan di beberapa kawasan pedalaman dan kepulauan Semporna. Contohnya, SK Sungai Tuhok di DUN Bugaya yang ditubuhkan sejak tahun 1965 masih menggunakan bangunan papan usang sehingga kini. Sekolah tersebut tidak mempunyai pagar, manakala struktur bangunannya pula semakin rapuh sehingga membahayakan keselamatan pelajar dan guru, termasuk kes guru yang terjatuh akibat tangga yang rosak. Situasi ini menyebabkan pelajar terdedah kepada ancaman luar seperti gangguan anjing kerana ketiadaan pagar sekolah. Keadaan serupa turut berlaku di sekolah-sekolah lain seperti di Sumandeh, Larapan, Pulau Mabul dan Manampilik yang | <b>Pejabat Pendidikan Daerah Semporna:</b> Wakil Pejabat Pendidikan menjelaskan bahawa daerah Semporna menghadapi kekurangan sekolah menengah di pusat bandar, menyebabkan pelajar daripada kawasan pulau dan kampung terpaksa menempuh perjalanan jauh. Masalah ini telah berlarutan sejak puluhan tahun dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak daerah kerana ia berada di bawah kawalan kementerian. Cadangan penubuhan sekolah baharu perlu dibentangkan dan diluluskan di peringkat kementerian sebelum projek dapat dilaksanakan. Selain itu, isu kekurangan sekolah turut berkait dengan ketersediaan sumber manusia seperti guru dan kakitangan. Di Semporna, terdapat 50 sekolah iaitu 9 menengah dan 41 rendah, termasuk 22 sekolah di pulau, yang menambah cabaran dari segi geografi, logistik, dan kos operasi. |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                 |
|------|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |     | masih dalam keadaan usang dengan bumbung bocor serta tidak pernah menerima baik pulih menyeluruh. Hal ini bukan sahaja menjejaskan suasana pembelajaran yang selesa, malah menunjukkan kekurangan perhatian terhadap infrastruktur pendidikan di kawasan terpencil. Justeru, penduduk menuntut agar isu sekolah daif ini diberi perhatian serius dan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi, termasuk ke Parlimen, supaya pelajar di kawasan ini turut menikmati hak pendidikan yang selamat dan berkualiti. | Pihak pendidikan terus mengangkat isu ini ke kementerian bagi mendapatkan penyelesaian jangka panjang. |
|      |     | <p>Petikan ini menggambarkan isu kritikal berkaitan sistem kesihatan di Semporna, khususnya mengenai kelemahan prasarana hospital, kekurangan tenaga kerja, dan tahap perkhidmatan kecemasan yang tidak memadai.</p> <p>Peserta FGD yang juga Pengerusi Ahli Lembaga Hospital Semporna menzahirkan rasa kecewa terhadap keadaan semasa hospital daerah tersebut yang terlalu padat, tidak moden, dan kekurangan fasiliti penting. Beliau menyatakan bahawa ramai pesakit tidak sempat diselamatkan</p>      | <i>Tiada maklum balas</i>                                                                              |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | <p>semasa menerima rawatan kecemasan akibat kelewatan perkhidmatan dan kekurangan doktor.</p> <p>Selain itu, beliau turut menekankan jurang kesihatan antara rakyat biasa dan golongan berkemampuan, di mana mereka yang kaya mampu berubat di hospital canggih di Kota Kinabalu, sementara masyarakat berpendapatan rendah tidak mempunyai pilihan selain bergantung pada kemudahan tempatan yang serba kekurangan.</p> <p>Kekecewaan turut dizahirkan apabila Timbalan Pengerusi Ahli Lembaga Hospital meletak jawatan kerana kecewa dengan keadaan perkhidmatan. Isu kekurangan doktor, jururawat, dan kemudahan hospital turut ditekankan, disertai cadangan agar hospital baharu dibina di Semporna bagi menampung pertambahan penduduk dan memastikan rakyat luar bandar mendapat rawatan kesihatan yang berkualiti.</p> |                        |
|      |     | Petikan ini menyorot isu sosial dan alam sekitar yang kritikal di Semporna, khususnya berkaitan pembuangan sampah dan pencemaran laut yang                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                        |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | <p>semakin meruncing walaupun pelbagai kempen kesedaran telah dilaksanakan.</p> <p>Peserta FGD menjelaskan bahawa masalah sampah di Semporna bukan sahaja melibatkan daratan, tetapi juga kawasan laut, terutama di sekitar rumah-rumah atas air, homestay dan resort pelancongan. Faktor utama dikenal pasti ialah kurangnya kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat tempatan dan pelancong, selain kegagalan pelaksanaan sistem pengurusan sampah oleh kontraktor sedia ada yang dianggap tidak berkesan.</p> <p>Walaupun terdapat inisiatif seperti “Projek Monyet” dan pelan pembersihan laut oleh pihak majlis daerah, keberkesanannya dilihat rendah kerana masalah penguatkuasaan dan kekurangan penglibatan masyarakat setempat. Peserta mencadangkan agar NGO tempatan digerakkan secara aktif dan diberikan bantuan atau peruntukan khusus untuk melaksanakan program kesedaran serta gotong-royong komuniti.</p> |                        |

| BIL. | ISU                                                                    | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                                        | Pendekatan berasaskan komuniti ini diyakini lebih berkesan kerana mampu membina tanggungjawab kolektif dan kesedaran sivik jangka panjang, berbanding pendekatan kontraktor semata-mata. Peserta juga menegaskan bahawa perubahan sikap masyarakat terhadap kebersihan alam sekitar perlu dibentuk sejak awal, seperti proses mendidik anak kecil untuk berpakaian, yang akhirnya menjadi kebiasaan dalam budaya mereka.                                                                                                |                           |
| 3.   | Etika pemakaian pelancong dan hal-hal yang berkaitan dengan pelancong; | Peserta menerangkan tentang keperluan pemakaian etika pelancongan, khususnya kerana Semporna merupakan kawasan majoriti Islam. Walaupun Sabah tidak menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri (berdasarkan Perkara 20), sensitiviti masyarakat setempat perlu dihormati melalui garis panduan berpakaian yang sesuai. Peserta berpendapat bahawa kod etika pemakaian wajar diterapkan kepada pelancong sebagai langkah utama untuk menjaga keharmonian sosial dan menghormati budaya serta agama masyarakat tempatan. | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                                        | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|--------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                            | <p>Peserta turut melahirkan kebimbangan mengenai pengurusan sektor pelancongan yang didominasi oleh pihak luar, khususnya dari China. Beliau menyorot fenomena di mana pelancong yang datang ke Semporna dilaporkan mencecah jutaan orang, tetapi jumlah pelancong yang benar-benar menyumbang kepada ekonomi tempatan adalah jauh lebih rendah. Hal ini disebabkan banyak pakej pelancongan dikendalikan sepenuhnya oleh pengusaha dari China, termasuk bas, restoran, dan perkhidmatan di pulau. Keadaan ini menyebabkan penduduk tempatan seolah-olah terpinggir dan hanya menjadi pemerhati di tanah sendiri, tanpa memperoleh manfaat ekonomi yang sepatutnya.</p> |                           |
| 4.   | Jurang digital di pendalaman dan kepulauan | <p>Capaian rangkaian internet mudah alih di kawasan kepulauan Semporna yang masih jauh ketinggalan. Walaupun masalah seperti air, jalan raya, dan infrastruktur asas telah dibangkitkan, beliau menambah bahawa masalah internet juga merupakan isu kritikal yang memberi kesan langsung kepada kehidupan penduduk. Di Pulau Bum-Bum, capaian internet mudah alih seperti Maxis dan Digi hampir tidak wujud. Keadaan ini</p>                                                                                                                                                                                                                                            | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                         | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-----------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                             | menyebabkan pelajar dan masyarakat sukar mengakses maklumat, sama ada untuk tujuan pembelajaran, perhubungan, mahupun hal-hal berkaitan pembangunan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                           |
| 5.   | Ketidakpatuhan gaji minimum | Walaupun kerajaan Malaysia telah menetapkan gaji minimum sekitar RM1,500–1,700, terdapat kedai-kedai dan majikan di Semporna yang masih membayar pekerja serendah RM600 ke bawah. Sebahagian besar pekerja di sektor runcit dan kedai di Semporna adalah individu tanpa dokumen pengenalan diri (tiada IC) atau pendatang tanpa izin. Walaupun ada juga pekerja tempatan, mereka tetap menerima gaji rendah yang tidak setimpal dengan peraturan gaji minimum. Akibatnya, ramai anak muda Semporna memilih untuk berhijrah ke negeri lain atau ke luar negara bagi mencari pekerjaan dengan gaji yang lebih baik. | <i>Tiada maklum balas</i> |
| 6.   | Isu keselamatan perairan    | Semporna merupakan kawasan pelancongan bertaraf antarabangsa yang sering menerima kehadiran pelancong dari luar negara seperti China, Korea dan lain-lain namun masih berdepan dengan isu keselamatan perairan. Terdapat cadangan agar pos-pos keselamatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                                                            | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|----------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                                                | ditambah bilangan dan keberadaannya, termasuk penempatan anggota keselamatan yang lebih kerap dan meluas di kawasan perairan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                           |
| 6.   | Kenaikan harga barang                                          | Harga barang melonjak naik secara langsung memberi kesan kepada semua orang tidak mengira kaya atau miskin. Tekanan ini dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | <i>Tiada maklum balas</i> |
| 7.   | Pertembungan kegiatan ekonomi masyarakat dengan kehidupan alam | <p>Terdapat beberapa kes kematian yang dikaitkan dengan serangan anjing liar yang berkeliaran tanpa pemilik. Situasi ini menimbulkan masalah kerana pengurusan anjing liar sering bertentangan dengan akta sedia ada, khususnya yang berkait dengan perlindungan hidupan liar. Oleh itu, dicadangkan agar pindaan undang-undang di peringkat Parlimen dibuat supaya pihak berkuasa mempunyai kuasa yang jelas untuk menangani atau menghapuskan anjing liar tanpa melanggar peraturan.</p> <p>Peserta FGD berkongsi pengalaman melihat sendiri kejadian di mana beberapa penduduk ditangkap oleh pihak PERHILITAN kerana</p> | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU                                       | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                           | mematikan anjing liar, hasil laporan daripada Ketua Kampung. Situasi ini menimbulkan persoalan besar dalam kalangan masyarakat iaitu persoalan mengapa apabila manusia bertindak terhadap haiwan, mereka dikenakan tindakan undang-undang seperti ditangkap atau didenda, sedangkan apabila anjing liar membahayakan atau menyebabkan kecederaan kepada manusia, isu tersebut tidak ditangani dengan tindakan yang setimpal.                                                                                                                           |                           |
| 8.   | Isu gelandangan dan ketiadaan dokumentasi | <p>Petikan ini mengetengahkan dua isu sosial utama di Semporna, iaitu masalah gelandangan tanpa dokumentasi sah dan isu ketiadaan dokumen pengenalan diri (IC dan sijil lahir) dalam kalangan penduduk di pulau-pulau sekitar daerah tersebut.</p> <p>Pertama, peserta FGD mencadangkan agar sebuah pusat khas diwujudkan untuk menempatkan golongan gelandangan yang tidak berdokumen, bagi memastikan mereka tidak berkeliaran tanpa arah dan terdedah kepada pelbagai risiko sosial. Cadangan tersebut turut menyarankan supaya pusat berkenaan</p> | <i>Tiada maklum balas</i> |

| BIL. | ISU | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|------|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|      |     | <p>dilengkapi kemudahan asas seperti makanan dan minuman, serta program latihan kemahiran yang dapat membantu mereka keluar daripada situasi tersebut dan akhirnya menjadi individu yang mempunyai peluang pekerjaan serta potensi ekonomi.</p> <p>Kedua, isu penduduk tanpa dokumen pengenalan diri masih menjadi masalah berterusan di beberapa kawasan seperti Pulau Mabul, Sulabayan, Bum-Bum, Larapan dan Sumandeh. Peserta menyambut baik usaha Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang telah turun padang ke Pulau Mabul untuk proses dokumentasi, namun menegaskan bahawa usaha ini perlu diperluas ke pulau-pulau lain bagi memastikan pelajar-pelajar sekolah dan penduduk tempatan memiliki dokumen sah.</p> <p>Keseluruhannya, perbincangan ini menggambarkan keterikatan antara isu gelandangan, ketiadaan dokumen, dan kerentanan sosial, di mana ketiadaan dokumen bukan sahaja menjejaskan akses terhadap pendidikan dan pekerjaan, tetapi juga</p> |                        |

| BIL. | ISU                                 | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | ULASAN AGENSI KERAJAAN    |
|------|-------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
|      |                                     | meningkatkan risiko kemiskinan serta pengasingan sosial.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                           |
| 9.   | Penguasaan ekonomi oleh warga asing | Peserta FGD menyatakan bahawa pasar monopoli dikuasai oleh warga asing, sehingga peluang ekonomi untuk penduduk tempatan terhad. Walaupun masalah ini telah berlarutan sejak peserta masih sekolah hingga kini berumur lebih 40 tahun, penguatkuasaan oleh kerajaan tempatan (KKTP), Imigresen, atau PDRM tidak efektif. Masalah ini telah berlarutan sejak sekian lama tanpa penyelesaian yang jelas. Penguasaan berterusan oleh pihak luar dalam sektor ekonomi tempatan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk yang merasakan hak dan peluang mereka semakin terhakis. | <i>Tiada maklum balas</i> |

## 4.2 Pengutamaan Isu

### ***4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Cabaran pengurusan sisa pepejal dan implikasinya terhadap alam sekitar serta pembangunan pelancongan di Semporna***

Daerah Semporna yang terkenal dengan keindahan marin dan industri pelancongan yang berkembang pesat kini berdepan cabaran serius berkaitan pengurusan sampah domestik. Isu pembuangan sampah secara tidak terkawal, khususnya oleh penduduk yang tinggal di rumah atas air, telah menimbulkan kebimbangan besar dalam kalangan masyarakat dan pihak berkuasa tempatan. Pencemaran laut yang berterusan bukan sahaja menjejaskan alam sekitar, tetapi turut memberi impak besar terhadap ekonomi dan kesejahteraan masyarakat tempatan. Pendekatan menyeluruh yang melibatkan pendidikan, infrastruktur, dan penguatkuasaan diperlukan bagi menangani isu ini secara mampan.

- **Kaedah pelupusan sampah yang tidak lestari**

Cara pelupusan sampah yang tidak lestari merujuk kepada kaedah pembuangan atau pengurusan sisa yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar, kesihatan awam, dan kesejahteraan komuniti. Di Semporna, isu pembuangan sampah ke laut menjadi kebiasaan dalam kalangan penduduk yang tinggal di rumah atas air di beberapa kampung di Semporna. Keadaan ini berpunca daripada ketiadaan kawasan tanah yang sesuai untuk dijadikan tempat pembuangan atau pengumpulan sisa, menyebabkan sampah terus dibuang ke dalam air masin. Penduduk menganggap keadaan ini sebahagian daripada gaya hidup kerana sampah akan dihanyutkan oleh arus laut atau pasang surut seperti di Kg. Tandaoan. Penduduk juga melupuskan sampah dengan membuat pembakaran sampah sarap secara terbuka.

Walau bagaimanapun, kesan jangka panjangnya amat membimbangkan kerana pencemaran laut semakin meningkat, termasuk plastik dan sisa domestik lain yang memberi kesan negatif kepada ekosistem marin, aktiviti perikanan, dan kesihatan masyarakat setempat. Pembuangan sampah ke laut dan pembakaran terbuka ini berlaku di Kg Lihak-lihak, Kg Bangau-Bangau, Kg Tandaoan, dan Kg Kabimbangan, Pulau Bum-Bum.

- **Imej Semporna sebagai destinasi pelancongan antarabangsa akan tercemar**

Semporna terkenal sebagai pusat pelancongan antarabangsa, khususnya dengan tarikan pulau-pulau dan resort atas air. Namun, masalah sampah yang tidak diurus dengan baik akan memberi kesan serius kepada imej daerah ini. Sampah plastik dan sisa pepejal yang terapung di laut bukan sahaja merosakkan

pemandangan semula jadi<sup>5</sup>, tetapi juga mengganggu aktiviti pelancongan seperti menyelam dan bot persiaran. Malah, ada aduan daripada penduduk Kampung Bangau-bangau mengatakan bahawa kipas bot sering tersangkut dengan sampah plastik dan menjejaskan kelancaran operasi pelancongan.

Walaupun ada inisiatif untuk membersihkan laut melalui kontraktor, hasilnya dilihat tidak memuaskan kerana sampah masih banyak terapung di kawasan perairan. Situasi ini menggambarkan kelemahan dalam pelaksanaan dasar dan keberkesanan pihak berkuasa dalam menangani isu alam sekitar. Malah, kebergantungan penuh kepada kontraktor sahaja tanpa melibatkan peranan masyarakat dan NGO menjadikan usaha ini bersifat sementara dan tidak menyentuh akar permasalahan. Penekanan responden bahawa NGO boleh diberi peranan, bantuan dan peruntukan adalah suatu cadangan yang bernas kerana NGO mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat akar umbi, selain lebih fleksibel dalam melaksanakan kempen kesedaran sivik. Namun begitu, cabaran utama tetap terletak pada soal kesedaran masyarakat tempatan dan pelancong, yang masih rendah dalam mengurus sisa dengan betul. Jika aspek kesedaran tidak diperkukuhkan, segala usaha teknikal seperti mengutip sampah dengan bot hanya akan menjadi kerja berulang yang tidak menyelesaikan masalah.

- **Kekurangan infrastruktur dan kemudahan rumah sampah atau tempat pengumpulan sampah**

Antara punca utama isu sampah berleluasa di Semporna ialah kekurangan kemudahan infrastruktur untuk pengurusan sisa. Kebanyakan kampung tidak mempunyai rumah sampah atau pusat pengumpulan yang sistematik, menyebabkan masyarakat membakar sampah secara terbuka, membuangnya ke sungai, atau membiarkannya hanyut ke laut. Malah, tapak pembuangan sampah yang wujud menimbulkan masalah bau busuk dan pencemaran udara yang menjejaskan kesihatan penduduk. Tapak pembuangan sampah yang berdekatan dengan kawasan penempatan penduduk menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan penduduk kampung Mentelip, malah menjejaskan kesihatan mereka dengan berlakunya penyakit seperti selesema, demam, dan alahan. Bau busuk yang tidak menentu juga dipengaruhi oleh arah angin dan keadaan cuaca seperti hujan, menunjukkan bahawa lokasi tapak pelupusan tidak strategik serta gagal dipantau dengan baik oleh pihak berkuasa tempatan. Kritikan penduduk terhadap keputusan majlis daerah untuk menyewa tanah sebagai tapak pelupusan tanpa

---

<sup>5</sup> Pencemaran Jejas Pelancongan: Penyelesaian Mampan Diperlukan," Utusan Borneo, September 12, 2025, accessed [14 September 2025], <https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/12/pencemaran-jejas-pelancongan-penyelesaian-mampan-diperlukan>

pengetahuan atau penglibatan masyarakat memperlihatkan kurangnya ketelusan dalam proses membuat keputusan.

Hal ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana suara komuniti diambil kira dalam isu yang secara langsung menjejaskan kesejahteraan mereka. Dalam konteks ini, masalah bau busuk bukan sekadar isu teknikal tetapi mencerminkan kelemahan pengurusan sisa pepejal yang tidak mengambil kira aspek kesihatan awam, keperluan perancangan guna tanah yang sesuai, serta hak masyarakat untuk hidup dalam persekitaran yang bersih dan sihat.

Jadual 18. Ringkasan Isu 1

|                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kaedah pelupusan sampah yang tidak lestari</li> <li>2. Imej Semporna sebagai destinasi pelancongan antarabangsa akan tercemar</li> <li>3. Kekurangan infrastruktur dan kemudahan rumah sampah atau tempat pengumpulan sampah</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>Cadangan</b>                          | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memperkenalkan konsep "Trash to Cash" kepada penduduk tempatan. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penduduk mengenai pengurusan sisa yang mampan serta memperkenalkan keusahawanan hijau melalui kaedah menukarkan sampah kepada pendapatan.</li> <li>2. Penyediaan tapak pelupusan berpusat yang terkawal dengan memastikan lokasi jauh daripada kawasan penempatan dan mempunyai sistem rawatan bau serta cecair larut resap (leachate).</li> <li>3. Kerjasama dengan sektor pelancongan dengan mewajibkan resort, homestay, dan operator pelancongan menyediakan sistem pelupusan sisa mesra alam.</li> </ol> |
| <b>Kumpulan sasaran</b>                  | Golongan surirumah, penduduk atas air, pengusaha pelancongan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>Kawasan</b>                           | Kawasan persekitaran persisiran pantai pekan Semporna dan penempatan atas air.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |

| SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA                           |                                                                                                                                                                                                              |
|----------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SDG yang berkaitan                                       | Sasaran SDG Berkaitan                                                                                                                                                                                        |
| SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi                           | <p>Sasaran 6.2: Menamatkan pembuangan air terbuka dan menyediakan akses kepada sanitasi dan kebersihan</p> <p>Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat</p> |
| SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan                       | <p>Sasaran 11.4: Lindungi warisan budaya dan semula jadi dunia</p> <p>11.6: Mengurangkan kesan alam sekitar bandar</p>                                                                                       |
| SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab | <p>Sasaran 12.4: Pengurusan bertanggungjawab terhadap bahan kimia dan sisa</p> <p>Sasaran 12.5: Mengurangkan penjejakan sisa dengan ketara</p>                                                               |

#### **4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Cabaran sosio-ekonomi dan budaya dalam pembangunan industri pelancongan di Semporna**

Daerah Semporna, Sabah, terkenal sebagai destinasi pelancongan eko yang berpotensi tinggi, namun wujud ketidaksalinghubungan yang ketara antara aktiviti pelancongan dengan pemerkasaan dan perlindungan identiti serta budaya komuniti tempatan, khususnya komuniti Bajau Laut dan Suluk. Isu ketidaksalinghubungan antara aktiviti eko-pelancongan dan identiti tempatan di daerah ini semakin mendapat perhatian dalam kajian sosial dan pembangunan komuniti. Walaupun Semporna terkenal dengan keindahan alam semulajadi dan kepelbagaian budaya, terdapat cabaran besar dalam memastikan pembangunan pelancongan memberi manfaat kepada komuniti tempatan tanpa mengorbankan identiti mereka.

- **Penguasaan Agen Pelancongan Asing**

Industri pelancongan di Semporna berdepan cabaran besar apabila penguasaan pasaran pelancongan didominasi oleh agen dan pengusaha dari luar negara, khususnya dari Korea, China, dan Jepun. Kebanyakan pelancong yang datang ke Semporna memilih untuk menempah pakej pelancongan terus dari negara asal mereka tanpa melibatkan agen tempatan. Hal ini menyebabkan penduduk setempat terpinggir daripada peluang ekonomi yang sepatutnya dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Dianggarkan jumlah pelancong yang masuk ke Semporna dianggarkan mencecah jutaan orang namun pulangan ekonomi tempatan sangat rendah. Ini kerana pengurusan pelancongan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak luar<sup>6</sup>. Sebagai contoh agen dari China yang menguruskan pelancong China. Mereka bukan sahaja menguruskan pakej pelancongan, malah turut membawa masuk perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan (bas), restoran, dan bahkan pengurusan pulau.

Keadaan ini menyebabkan ekonomi pelancongan “berputar” dalam kalangan komuniti asing sahaja, sementara masyarakat tempatan tidak mendapat manfaat yang setimpal daripada kehadiran pelancong. Situasi ini menggambarkan keadaan “orang tempatan mengemis di bumi sendiri,” iaitu satu bentuk marginalisasi ekonomi.

Permasalahan ini juga turut dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Semporna sendiri, YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal semasa perbahasan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat. Menurut YB Datuk, pelancong China mengambil kesempatan membuka perniagaan sehingga menjejaskan mata pencarian pengusaha tempatan di mana terdapat rakyat dari republik itu yang bukan hanya datang untuk melancong tetapi berniaga dengan membuka restoran dan menyediakan perkhidmatan pengangkutan seperti bot<sup>7</sup>.

- **Ketidaksensitifan Budaya oleh Pelancong**

Salah satu isu sosial dan budaya yang ketara di Semporna ialah pemakaian pelancong asing yang dianggap tidak sopan dan tidak sesuai dengan norma budaya tempatan, khususnya di kawasan majoriti penduduk Muslim. Pelancong yang berpakaian terlalu seksi atau mencolok mata di kawasan pantai dan kampung nelayan menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan penduduk setempat.

Keadaan ini bukan sekadar soal keselesaan, tetapi turut menyentuh sensitiviti agama dan budaya masyarakat. Dalam konteks Semporna yang mempunyai majoriti Muslim, etika pemakaian dianggap sebagai asas kepada keharmonian sosial dan rasa hormat antara pelancong dan komuniti setempat. Kekurangan

---

<sup>6</sup> Segera Atasi Pengusaha Pelancongan Haram,” Utusan Borneo Online, August 29, 2025, accessed [14 September 2025], <https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/29/segera-atasi-pengusaha-pelancongan-haram>

<sup>7</sup> Free Malaysia Today, “Peniaga Tempatan Tertekan: Pelancong China Buka Perniagaan Sendiri di Sabah,” Free Malaysia Today (Bahasa), October 22, 2024, accessed [14 September 2025], <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/22/peniaga-tempatan-tertekan-pelancong-china-buka-perniagaan-sendiri-di-sabah>

garis panduan atau penguatkuasaan etika berpakaian untuk pelancong telah menimbulkan jurang budaya, yang boleh mencetuskan ketegangan dan menjejaskan imej pelancongan yang harmoni.

Ketiadaan garis panduan atau polisi khusus menyebabkan pelancong bebas berpakaian tanpa memikirkan sensitiviti masyarakat tempatan. Peserta mencadangkan agar aspek etika pemakaian dimasukkan sebagai syarat atau panduan rasmi dalam pengurusan pelancongan. Ini penting bagi menjaga keharmonian budaya, melindungi maruah komuniti setempat, dan pada masa sama meningkatkan kualiti pengalaman pelancongan berasaskan nilai saling menghormati.

- **Kurang keterlibatan komuniti lokal dalam aktiviti pelancongan**

Isu kurang keterlibatan komuniti lokal dalam aktiviti pelancongan di Semporna semakin ketara apabila kebanyakan aktiviti pelancongan dikuasai oleh warga asing. Keadaan ini menyebabkan manfaat ekonomi daripada industri pelancongan tidak dinikmati secara menyeluruh oleh penduduk tempatan. Antara faktor utama ialah ketiadaan modal serta kekurangan kemahiran untuk mengusahakan perniagaan berkaitan pelancongan seperti penginapan, pengangkutan, atau pakej lawatan. Hal ini menyebabkan penduduk hanya menjadi pemerhati kepada industri yang sedang rancak berkembang di kawasan mereka sendiri. Pengusaha pelancongan juga lebih mengutamakan untuk mengambil pekerja dari dalam kalangan warga bukan tempatan.

Secara keseluruhan, isu kurang keterlibatan komuniti tempatan dalam industri pelancongan di Semporna yang berpunca daripada dominasi pengusaha asing dan kelemahan penguatkuasaan telah menghalang masyarakat setempat daripada menikmati manfaat ekonomi yang sepatutnya. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan peluang pekerjaan dan perniagaan, malah turut menimbulkan rasa terpinggir serta ketegangan sosial dalam kalangan penduduk. Oleh itu, usaha menyeluruh perlu dilaksanakan melalui pengukuhan penguatkuasaan, peningkatan kemahiran dan modal masyarakat, serta penyediaan ruang untuk komuniti menonjolkan budaya dan hasil tempatan agar industri pelancongan benar-benar menyumbang kepada pembangunan inklusif dan kesejahteraan penduduk Semporna.

Jadual 19 Ringkasan Isu 2

|                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>                 | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penguasaan agen pelancongan asing</li> <li>2. Ketidaksensitifan budaya oleh pelancong luar</li> <li>3. Kurang keterlibatan komuniti lokal dalam aktiviti pelancongan</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>Cadangan</b>                                          | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan penguatkuasaan ketat lesen agen asing, menetapkan kuota syarikat tempatan dalam pakej pelancongan, serta menyediakan insentif geran dan pengecualian cukai bagi mengukuhkan peranan komuniti dan mengurangkan dominasi asing dalam industri pelancongan.</li> <li>2. Pembangunan garis panduan "Responsible Tourism" khusus untuk Semporna yang menekankan sensitiviti budaya.</li> <li>3. Peruntukan dana pembangunan berasaskan komuniti (CBT) dan program "Community Guide" melibatkan penduduk sebagai pemandu tempatan bertauliah.</li> </ol> |
| <b>Kumpulan sasaran</b>                                  | Golongan belia tempatan, agensi dan pengusaha pelancongan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>Kawasan</b>                                           | Pulau-pulau di Semporna                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                                | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi           | <p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar untuk menyokong penciptaan pekerjaan dan perusahaan yang sedang berkembang</p> <p>Sasaran 8.9: Menggalakkan pelancongan yang bermanfaat dan mampan</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| SDG 11: Mengurangkan Ketidaksamaan                       | Sasaran 11.a: Perancangan pembangunan negara dan wilayah yang kukuh                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab | Sasaran 12.b: Membangun dan melaksanakan alat untuk memantau pelancongan mampan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |

#### 4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Komuniti rentan yang terpinggir

Isu komuniti rentan tanpa dokumen pengenalan diri di Semporna merupakan satu cabaran sosial yang berpanjangan dan semakin kompleks. Isu komuniti rentan tanpa dokumen di Semporna berkait rapat dengan definisi ketiadaan dokumen dan status bukan warganegara. Individu tanpa dokumen merujuk kepada mereka yang tidak mempunyai bukti pengenalan sah seperti sijil kelahiran atau kad pengenalan, manakala bukan warganegara atau stateless pula merujuk kepada individu yang tidak diiktiraf sebagai warganegara oleh mana-mana negara<sup>8</sup>. Keadaan ini berlaku akibat faktor seperti kelahiran tidak didaftarkan, status ibu bapa yang tidak jelas, serta kekangan geografi dan kemiskinan. Kekurangan dokumentasi ini membawa implikasi besar terhadap akses mereka kepada hak dan perkhidmatan asas.

- **Implikasi komuniti rentan terpinggir terhadap hak manusia**

Komuniti tanpa dokumen di Semporna, khususnya etnik Bajau Laut, berdepan dengan kerentanan yang mendalam akibat ketiadaan pengiktirafan identiti dan kewarganegaraan. Ramai dalam kalangan mereka dilahirkan di laut atau penempatan terpencil tanpa akses kepada pendaftaran kelahiran rasmi, menjadikan mereka tergolong dalam kelompok stateless. Keadaan ini menafikan hak asas kepada identiti yang dijamin oleh undang-undang antarabangsa, sekali gus mengekalkan mereka di luar perlindungan sosial dan undang-undang negara.<sup>12</sup>

Implikasi paling ketara dapat dilihat dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Di Semporna, kanak-kanak Bajau Laut tanpa dokumen tidak layak mendaftar di sekolah kerajaan, menyebabkan mereka bergantung kepada pusat pembelajaran komuniti atau sekolah alternatif yang terhad dari segi kualiti dan capaian<sup>9</sup>. Hal ini menghalang mobiliti sosial generasi muda dan mengekalkan kitaran kemiskinan dalam komuniti tersebut. Dari aspek kesihatan pula, status tanpa dokumen memaksa mereka membayar kadar rawatan tinggi di hospital atau terus dinafikan akses perkhidmatan asas, sekali gus menjejaskan kesejahteraan hidup mereka.

Selain itu, komuniti rentan ini turut terdedah kepada kehilangan tempat tinggal apabila rumah panggung di pesisir pantai atau laut dirobohkan atas alasan tidak sah. Kes seperti operasi perobohan rumah Bajau Laut di Semporna pada tahun 2024 memperlihatkan bagaimana ketiadaan dokumen menyebabkan mereka

---

<sup>8</sup> Ida Lim, "Why Malaysia Has Zero Data on Stateless Persons: Decoding the Official View Through Parliament's Lens," Malay Mail, July 11, 2023, accessed [14 September 2025], <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/11/why-malaysia-has-zero-data-on-stateless-persons-decoding-the-official-view-through-parliaments-lens/78931>

<sup>9</sup> Muhamad Azamuddin Mohamad Ali and Muhammad Nur Danish Kaman, "Ke Mana Hala Tuju Pendidikan Kanak-Kanak Pala'u?," Malaysia Gazette, July 16, 2024, accessed 14 September 2025], <https://malaysiagazette.com/2024/07/16/ke-mana-hala-tuju-pendidikan-kanak-kanak-palau>

tidak mempunyai perlindungan undang-undang terhadap pemilikan tempat tinggal<sup>10</sup>. Isu pemindahan paksa komuniti Bajau Laut ini mencetuskan perdebatan serius apabila pihak berkuasa menjalankan operasi perobohan rumah di tujuh pulau dalam Taman Marin Tun Sakaran, termasuk Pulau Bohey Dulang dan Pulau Maiga di mana sebanyak 138 struktur rumah telah dirobuhkan. Dari perspektif komuniti, tindakan perobohan ini menimbulkan kesan traumatik kerana rumah panggung di pesisir pantai atau laut bukan sekadar tempat tinggal, tetapi juga menjadi pusat kehidupan sosial, budaya, dan ekonomi mereka.

Dalam konteks ini, operasi kerajaan dilihat sebagai bentuk peminggiran tambahan, walaupun ia dijalankan atas alasan keselamatan. Pihak kerajaan menekankan bahawa operasi tersebut dilakukan bagi memastikan keselamatan awam dan mengawal insiden jenayah, termasuk aktiviti rentas sempadan di kawasan taman marin.<sup>11</sup> Pendekatan ini mencerminkan kepentingan keamanan dan pengurusan kawasan strategik, namun ia juga menimbulkan persoalan mengenai keseimbangan antara keselamatan dan hak asasi manusia. Komuniti tanpa dokumen yang terlibat tidak mempunyai saluran formal untuk memberi suara atau menuntut hak mereka, sehingga menimbulkan ketegangan sosial dan kritikan daripada NGO.

- **Diskriminasi dan eksploitasi dalam sektor pekerjaan dan pelancongan**

Komuniti rentan tanpa dokumen di Semporna, khususnya Bajau Laut, sering mengalami diskriminasi dan eksploitasi dalam sektor pekerjaan dan pelancongan. Kekurangan pengiktirafan identiti dan status kewarganegaraan menyekat akses mereka kepada pekerjaan formal, menyebabkan ramai terpaksa bergantung kepada kerja tidak tetap dengan upah rendah, seperti menangkap ikan, mengutip hasil laut, atau bekerja sebagai buruh harian di kawasan pelancongan. Dalam sektor pelancongan, mereka turut dieksploitasi sebagai pemandu pelancong atau pekerja resort tanpa perlindungan kontrak yang sah, manakala pendapatan yang diterima sering tidak setimpal dengan sumbangan mereka<sup>12</sup>. Diskriminasi juga berlaku apabila pelancong atau pihak pengurusan lebih mengutamakan pekerja

<sup>10</sup> Stephanie Lee, "Hundreds of Bajau Laut Left Without Homes After Demolition Operation in Semporna," The Star, June 7, 2024, accessed September 14, 2025, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/07/hundreds-of-bajau-laut-left-without-homes-after-demolition-op-in-semporna>

<sup>11</sup> Robôh Rumah Atas Air di TMTS Kerana Faktor Keselamatan," Harakah Daily, June 2024, accessed September 14, 2025, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1098228/robob-rumah-atas-air-di-tmts-kerana-faktor-keselamatan>

<sup>12</sup> Stephanie Lee, "Seen but Never Welcomed: The Bajau Laut of Semporna Continue to Lose Out in Tourism Boom," The Borneo Post, July 17, 2025, accessed September 14, 2025, <https://www.theborneopost.com/2025/07/17/seen-but-never-welcomed-the-bajau-laut-of-semporna-continue-to-lose-out-in-tourism-boom/>

yang mempunyai dokumen sah dan mengabaikan hak serta kebajikan komuniti tempatan.

Seterusnya, isu eksploitasi dan ketidakadilan dalam sektor pekerjaan di Semporna, khususnya terhadap golongan belia dan pekerja tanpa dokumen. Peserta FGD menjelaskan bahawa ramai belia berhijrah ke Semenanjung akibat sistem pekerjaan di Sabah yang kurang memuaskan, termasuk gaji rendah dan perlakuan majikan yang tidak adil. Contohnya, pekerja tanpa kad pengenalan kerap menerima gaji jauh di bawah kadar minimum yang ditetapkan, iaitu RM500 hingga RM600 berbanding RM1,500 hingga RM1,700, dan tidak diberikan slip gaji sebagai bukti pembayaran. Situasi ini menyukarkan pekerja untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa atau mendapatkan hak mereka secara sah. Selain itu, peserta turut menekankan bahawa diskriminasi ini berlaku bukan sahaja di sektor swasta, malah juga melibatkan badan berkanun kerajaan, di mana majikan lebih cenderung mengambil pekerja tanpa kad pengenalan untuk mengurangkan kos atau mengelakkan tanggungjawab formal. Hal ini menunjukkan bahawa pekerja tempatan dan komuniti rentan di Semporna terus menghadapi marginalisasi dalam pasaran pekerjaan, termasuk sektor pelancongan, kerana kekurangan perlindungan undang-undang dan akses kepada pekerjaan rasmi.

- **Kekurangan data rasmi bagi komuniti rentan**

Kekurangan data rasmi mengenai komuniti tanpa dokumen di Sabah, khususnya komuniti Bajau Laut di Semporna, menimbulkan cabaran besar dalam perancangan dasar dan pelaksanaan intervensi.<sup>13</sup> Tiada statistik yang menyeluruh mengenai jumlah sebenar individu yang tidak mempunyai dokumen dan tiada kewarganegaraan, menyebabkan pihak kerajaan dan organisasi bukan kerajaan sukar menilai skala sebenar masalah serta mengenal pasti keperluan komuniti tersebut secara tepat. Kekosongan data ini juga menyukarkan pengagihan bantuan sosial, penyediaan pendidikan, akses perkhidmatan kesihatan, serta peluang pekerjaan yang formal dan adil. Akibatnya, komuniti rentan terus hidup dalam marginalisasi, dengan hak-hak asas mereka seperti kewarganegaraan, perumahan, dan perlindungan sosial sering diabaikan. Situasi ini menekankan kepentingan pelaksanaan sistem pengumpulan data yang lebih teliti, inklusif, dan berkesan, agar dasar serta program pembangunan dapat dirancang dengan berfokus dan menyasarkan keperluan sebenar komuniti rentan di Semporna. Inisiatif ini juga penting bagi membantu agensi penguatkuasa menjalankan pemantauan dan tindakan secara lebih berkesan terhadap isu berkaitan jenayah

---

<sup>13</sup> Pendataan PTI, Bajau Laut Perlu Dimulakan – MAN Semporna,” Utusan Borneo, 18 Julai 2025, diakses 14 September 2025, <https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/18/pendataan-pti-bajau-laut-perlu-dimulakan-man-semporna>

dan keselamatan di kawasan Semporna. Dengan adanya pendataan yang lengkap, pihak berkuasa dapat menilai sama ada jumlah komuniti yang tidak mempunyai dokumen dan tidak mempunyai kewarganegaraan ini meningkat atau menurun, dan mengambil tindakan yang sesuai.

Jadual 20 Ringkasan Isu 3

|                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|-------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>        | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Implikasi komuniti rentan terpinggir terhadap hak manusia</li> <li>2. Diskriminasi dan eksploitasi dalam sektor pekerjaan dan pelancongan</li> <li>3. Kekurangan data rasmi bagi komuniti rentan</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| <b>Cadangan</b>                                 | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menubuhkan pusat pendaftaran khas di Semporna untuk membantu komuniti Bajau Laut dan individu tanpa dokumen mendapatkan sijil kelahiran, MyKad/MyKid atau dokumen sementara. Ini boleh dilakukan melalui kerjasama kerajaan negeri, Mahkamah Anak Negeri (MAN) dan NGO.</li> <li>2. Melaksanakan pendataan menyeluruh bagi komuniti Bajau Laut dan PTI di Semporna, termasuk jumlah, lokasi, usia, dan status dokumen.</li> <li>3. Menyediakan pangkalan data digital untuk kerajaan, NGO, dan pihak berkepentingan, bagi memudahkan perancangan dasar dan penyaluran bantuan sosial.</li> </ol> |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                        | Komuniti tiada dokumen dan kewarganegaraan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>Kawasan</b>                                  | Pulau-pulau di Semporna                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                       | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| SDG 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi | <p>Sasaran 8.5: Kadar pekerjaan penuh dan kerja yang layak dengan gaji yang sama</p> <p>Sasaran 8.8: Melindungi hak buruh dan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |

|                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|-------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaa               | Sasaran 10.3: Memastikan peluang sama rata dan menamatkan diskriminasi                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh | <p>Sasaran 16.3: Menggalakkan kedaulatan undang-undang dan memastikan akses yang sama kepada keadilan</p> <p>Sasaran 16.9: Menyediakan identiti undang-undang sejagat</p> <p>Sasaran 16.10: Memastikan akses awam kepada maklumat dan melindungi kebebasan asas</p> <p>Sasaran 16.b: Mempromosikan dan menguatkuasakan undang-undang dan dasar tanpa diskriminasi</p> |

## 5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 21 Pengenalpastian Projek Penyelesaian

|                      | PROJEK 1                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | PROJEK 2                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | PROJEK 3                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|----------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Tajuk Projek</b>  | Melestarikan Alam Sekitar Dan Ekonomi Di Semporna (MASES)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Program Pembangunan Komuniti - Pelancongan Berasaskan Komuniti                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | Membina Daya Tahan: Memperkasakan Komuniti Rentan di Semporna Melalui Kemahiran Hidup                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| <b>SDG Berkaitan</b> | SDG 6, 11, 12                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | SDG 8,11,12                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | SDG 8,10,16                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>Objektif</b>      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang alam sekitar, pengurusan sisa, dan kelestarian ekonomi.</li> <li>Projek ini menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti praktikal seperti usaha pembersihan, kitar semula, dan pembinaan "Rumah Sampah".</li> <li>Projek ini menyokong kerjasama antara komuniti, NGO, dan agensi tempatan bagi memastikan pengurusan sisa dan amalan lestari dapat dijalankan secara berterusan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini bertujuan membangunkan dan mengukuhkan pelancongan berasaskan komuniti di Pulau Bum-Bum melalui pemetaan produk pelancongan sedia ada dan berpotensi.</li> <li>Program ini menggalakkan penyertaan dan penglibatan aktif masyarakat dalam semua inisiatif pelancongan.</li> <li>Projek ini berhasrat membuka potensi pelancongan pulau untuk meningkatkan ekonomi tempatan dan taraf hidup penduduk.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini bertujuan memperkasakan komuniti rentan di Semporna melalui pendidikan asas, kemahiran hidup, dan peluang mata pencarian yang mampan.</li> <li>Projek ini berfokus membina daya tahan masyarakat melalui literasi, latihan keusahawanan, serta pembangunan kemahiran dalam pertanian dan kraf tempatan.</li> <li>Projek ini menggalakkan tadbir urus inklusif dan meningkatkan kualiti hidup komuniti sambil menyokong rangkuman sosial jangka</li> </ul> |

|                       | PROJEK 1                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | PROJEK 2                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | PROJEK 3                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | panjang dan berdikari ekonomi.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>Hasil Jangkaan</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Masyarakat Kampung Tanjung Kapor mempunyai kesedaran yang lebih tinggi tentang kepentingan alam sekitar dan pengurusan sisa yang betul.</li> <li>Komuniti aktif menyertai aktiviti pengurusan sisa seperti pembersihan, kitar semula, dan penyelenggaraan "Rumah Sampah".</li> <li>Kerjasama berterusan antara komuniti, NGO, dan agensi tempatan mewujudkan amalan lestari yang memberi impak jangka panjang terhadap kelestarian ekonomi dan alam sekitar.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Komuniti di Pulau Bum-Bum mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang pelancongan berasaskan komuniti dan terlibat secara aktif dalam pembangunan produk pelancongan.</li> <li>Potensi pelancongan pulau dimanfaatkan untuk meningkatkan ekonomi tempatan dan memperbaiki taraf hidup penduduk secara mampan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Peserta memperoleh literasi asas dan akses pendidikan berterusan melalui modul pembelajaran yang disesuaikan untuk semua peringkat umur.</li> <li>Kemahiran hidup dan keusahawanan peserta dipertingkatkan melalui latihan pertanian moden, pengeluaran kraf dan produk nilai tambah, meningkatkan peluang ekonomi mereka.</li> <li>Komuniti menjadi lebih inklusif, berdikari dan berdaya tahan dengan tadbir urus tempatan yang disesuaikan, serta peningkatan kesedaran alam sekitar dan pemilikan sosial jangka panjang.</li> </ul> |
| <b>Organisasi</b>     | Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | Kelab Belia Tinagayan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | University College Sabah Foundation                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |

|                    | PROJEK 1                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | PROJEK 2                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | PROJEK 3                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|--------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Aktiviti</b>    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ceramah kesedaran tentang alam sekitar, pengurusan sisa, dan kelestarian ekonomi untuk masyarakat Kampung Tanjung Kapor.</li> <li>• Aktiviti praktikal termasuk usaha pembersihan, kitar semula, dan pembinaan "Rumah Sampah" bagi mengurus bahan buangan dengan lebih sistematik.</li> <li>• Masyarakat bekerjasama dengan NGO dan agensi tempatan, membentuk jawatankuasa projek, dan menyertai semakan pasca program untuk memastikan penglibatan dan kesan yang berkekalan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Inisiatif pemetaan tapak, pengenalan kepada Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT), dan pembangunan produk pelancongan termasuk konsep homestay.</li> <li>• Peserta mengikuti latihan perkhidmatan pemanduan yang diperakui, pemasaran digital asas, bercerita, penulisan salinan, dan sesi pitching praktikal untuk meningkatkan kemahiran operasi dan promosi.</li> <li>• Aktiviti juga melibatkan penglibatan pihak berkepentingan serta kerjasama dengan agensi berkaitan bagi menyokong kemampuan pelancongan berasaskan komuniti jangka panjang.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek bermula dengan pemetaan komuniti dan perancangan program bagi mengenal pasti keperluan peserta serta menyediakan pelan kerja dan modul pembelajaran.</li> <li>• Peserta mengikuti bengkel literasi asas, kemahiran hidup, serta latihan praktikal dalam pertanian moden dan pembuatan kraf untuk meningkatkan peluang ekonomi.</li> <li>• Projek dilengkapi dengan dialog strategik, pemantauan, dan sesi penutup yang melibatkan pemimpin, agensi, dan pakar bagi menilai keberkesanan dan memastikan hasil projek berkekalan.</li> </ul> |
| <b>Jumlah (RM)</b> | RM40,000                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | RM40,000                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | RM40,000                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |

|               | PROJEK 1                                  | PROJEK 2                                   | PROJEK 3                                  |
|---------------|-------------------------------------------|--------------------------------------------|-------------------------------------------|
| <b>Lokasi</b> | Tanjung Kapor, Semporna                   | Kampung Balimbang, Pulau Bum-Bum, Semporna | Pulau Sibangkat, Semporna                 |
| <b>Tempoh</b> | 3 bulan fasa aktif dan 6 bulan pemantauan | 3 bulan fasa aktif dan 6 bulan pemantauan  | 3 bulan fasa aktif dan 6 bulan pemantauan |

## 6.0 RUJUKAN

Ali, Muhamad Azamuddin Mohamad, and Muhammad Nur Danish Kaman. "Ke Mana Hala Tuju Pendidikan Kanak-Kanak Pala'u?" Malaysia Gazette, July 16, 2024. Accessed September 14, 2025. <https://malaysiagazette.com/2024/07/16/ke-mana-hala-tuju-pendidikan-kanak-kanak-palau>

Bernama. "Sabah Penyumbang Utama Pengeluaran Rumpai Laut Negara." Astro Awani, 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sabah-penyumbang-utama-pengeluaran-rumpai-laut-negara-461730>

Free Malaysia Today. "Peniaga Tempatan Tertekan: Pelancong China Buka Perniagaan Sendiri di Sabah." Free Malaysia Today (Bahasa), October 22, 2024. Accessed September 14, 2025. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/22/peniaga-tempatan-tertekan-pelancong-china-buka-perniagaan-sendiri-di-sabah>

Ida Lim. "Why Malaysia Has Zero Data on Stateless Persons: Decoding the Official View Through Parliament's Lens." Malay Mail, July 11, 2023. Accessed September 14, 2025. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/11/why-malaysia-has-zero-data-on-stateless-persons-decoding-the-official-view-through-parliaments-lens/78931>

Jabatan Perangkaan Malaysia. My Local Stats: Semporna, 2023.

Lee, Stephanie. "Hundreds of Bajau Laut Left Without Homes After Demolition Operation in Semporna." The Star, June 7, 2024. Accessed September 14, 2025. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/07/hundreds-of-bajau-laut-left-without-homes-after-demolition-op-in-semporna>

Lee, Stephanie. "Seen but Never Welcomed: The Bajau Laut of Semporna Continue to Lose Out in Tourism Boom." The Borneo Post, July 17, 2025. Accessed September 14, 2025. <https://www.theborneopost.com/2025/07/17/seen-but-never-welcomed-the-bajau-laut-of-semporna-continue-to-lose-out-in-tourism-boom/>

Rosmiza, M.Z., Nur Aqilah Hadifah Mohd Yusri, Fatin Umaira Muhamad Azian, Mohamad Syahrul Nizam Ibrahim, Mohamad Pirdaus Yusoh, and Johan Johnes. 2025. "Economic Impact of Marine Ecotourism on the Local Community in Semporna, Sabah, Malaysia." *Pakistan Journal of Life and Social Sciences* 23. Accessed April 12, 2025. [https://www.researchgate.net/profile/Mohamad-Syahrul-Nizam-Ibrahim/publication/387318602\\_Economic\\_Impact\\_of\\_Marine\\_Ecotourism\\_on\\_the\\_Local\\_Community\\_in\\_Semporna\\_Sabah\\_Malaysia/links/6768b3f4894c552085232940/Economic-Impact-of-Marine-Ecotourism-on-the-Local-Community-in-Semporna-Sabah-Malaysia.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Mohamad-Syahrul-Nizam-Ibrahim/publication/387318602_Economic_Impact_of_Marine_Ecotourism_on_the_Local_Community_in_Semporna_Sabah_Malaysia/links/6768b3f4894c552085232940/Economic-Impact-of-Marine-Ecotourism-on-the-Local-Community-in-Semporna-Sabah-Malaysia.pdf)

Parlimen Malaysia. "YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal." Accessed April 10, 2024. <https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4228>

Setiausaha Kerajaan Negeri. 2025. Pulau Sipadan. Accessed April 12, 2025. <https://skn.sabah.gov.my/iknow/pelancongan-alam/pantai-pulau>

Utusan Borneo. "Aktiviti Pelancongan di Semporna Kembali Rancak Tahun Ini." 2023. <https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/10/aktiviti-pelancongan-di-semporna-kembali-rancak-tahun-in>

Utusan Borneo. "Pendataan PTI, Bajau Laut Perlu Dimulakan – MAN Semporna." July 18, 2025. Accessed September 14, 2025. <https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/18/pendataan-pti-bajau-laut-perlu-dimulakan-man-semporna>

Utusan Borneo. "Pencemaran Jejas Pelancongan: Penyelesaian Mampan Diperlukan." September 12, 2025. Accessed September 14, 2025. <https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/12/pencemaran-jejas-pelancongan-penyelesaian-mampan-diperlukan>

Utusan Borneo. "Segera Atasi Pengusaha Pelancongan Haram." August 29, 2025. Accessed September 14, 2025. <https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/29/segera-atasi-pengusaha-pelancongan-haram>

Harakah Daily. "Robôh Rumah Atas Air di TMTS Kerana Faktor Keselamatan." June 2024. Accessed September 14, 2025. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1098228/robok-rumah-atas-air-di-tmts-kerana-faktor-keselamatan>

Melancong. "26 Aktiviti & Tempat Menarik di Semporna." Accessed April 12, 2025.



# **APPGM-SDG**

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



## **Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari**

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>